LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

KEDAH

TAHUN 2022

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

KEDAH

TAHUN 2022

ISSN 2811-4183

9 7 7 2 8 1 1 4 1 8 0 0 8

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:
Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara Malaysia
Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya
MALAYSIA

Laman web: https://www.audit.gov.my
Emel: jbaudit@audit.gov.my
Tel: 603-8091 1000
Faks: 603-8091 1454

Dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 Oktober 2023

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan dan disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Urus Setia Jabatan Audit Negara Malaysia.

PNMB

Dicetak Oleh
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Kuala Lumpur, 2023

Laman web: www.printnasional.com.my
Emel: cservice@printnasional.com.my
Tel: 603-9236 6895
Faks: 603-9222 4773

KANDUNGAN

KANDUNGAN

PENDAHULUAN 3

RINGKASAN KESELURUHAN LKAN SECARA INFOGRAFIK 7

PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN 9

BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Ringkasan Eksekutif 15
Pendahuluan 17
Objektif dan Metodologi Pengauditan 18
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 19

BAHAGIAN II
ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH

Ringkasan Eksekutif 23
Latar Belakang 25
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri 25
Penyata Prestasi Kewangan 26
Kumpulan Wang Disatukan 27
Wang Awam 29
Akaun Hasil Disatukan 31
Akaun Pinjaman Disatukan 46
Akaun Amanah Disatukan 47
Penyata Akaun Memorandum 76
Akaun Belum Terima 80
Rumusan Audit 85
Syor Audit 86

BAHAGIAN III
PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI KEDAH

Ringkasan Eksekutif 89
Pendahuluan 91
Pengauditan Penyata Kewangan 91
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan 92
Pemakaian Piawaian Perakaunan 93
Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan 94
Pembentangan Penyata Kewangan 102
Rumusan Audit 103
Syor Audit 103

BAHAGIAN IV
PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI KEDAH

Ringkasan Eksekutif	107
Pengenalan	109
Pejabat Agama Daerah Yan, Negeri Kedah 1. Pembayaran Kontrak Perkhidmatan	115
Yayasan Islam Negeri Kedah 2. Kutipan Hasil Projek Usaha Sama	129

BAHAGIAN V
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI KEDAH

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri, Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	139
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	139
PENUTUP	143

LAMPIRAN

Lampiran I	-	Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah	147
Lampiran II	-	Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri Kedah	151
Lampiran III	-	Penyata Kedudukan Kewangan	152
Lampiran IV	-	Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	153
Lampiran V	-	Penyata Prestasi Kewangan	154
Lampiran VI	-	Penyata Akaun Memorandum	155
Lampiran VII	-	Nota Kepada Penyata Kewangan	156
AKRONIM			169

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 mengkehendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di Dewan Rakyat. Bagi laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang Dipertua Negeri masing-masing untuk dibentang di Dewan Undangan Negeri. Bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Negeri Kedah, selepas dibentangkan di Dewan Rakyat, ia akan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah yang akan memperkenan laporan itu untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah.

2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Kedah Tahun 2022 ini serta Pengauditan Pematuhan mengandungi perkara seperti berikut:

i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
iii. Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri;
iv. Pengauditan Pematuhan; dan
v. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.

3. Laporan ini disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan/agensi negeri sepanjang tahun 2022. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri.

4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957, piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI).

5. Laporan pada kali ini turut mengandungi perenggan yang berkaitan dengan pengauditan pematuhan terhadap jabatan/agensi negeri bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta rekod kewangan berkaitan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini dilaksana berdasarkan ISSAI 4000. Pengauditan pematuhan menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.

6. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pegawai jabatan/agensi negeri Kedah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada pegawai saya yang telah bekerja keras serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.

(DATUK WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

12 September 2023

RINGKASAN KESELURUHAN

RINGKASAN KESELURUHAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI KEDAH TAHUN 2022

APRIL 06 2023

PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN 2022

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA → **PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA**

PRESTASI KEWANGAN

HASIL

2022 – RM596.17 Juta

2021 – RM688.04 Juta

RM91.87 Juta @ 13.4%

BELANJA

2022 – RM607.54 Juta

2021 – RM635.36 Juta

RM27.82 Juta @ 4.4%

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

PELABURAN 2022 – RM28.50 Juta

2021 – RM26 Juta

RM2.5 Juta @ 9.6%

PINJAMAN BOLEH TUNTUT

2022 – RM173.14 Juta

2021 – RM194.65 Juta

RM21.51 Juta @ 11.0%

HUTANG AWAM

2022 – RM1.896 Bilion

2021 – RM1.924 Bilion

RM27.96 Juta @ 1.5%

KUMPULAN WANG DISATUKAN

AKAUN HASIL DISATUKAN

2022 – (RM501.39 Juta)

2021 – (RM490.02 Juta)

(RM11.37 Juta) @ 2.3%

AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

0%

2022 – RM0.00

2021 – RM0.00

AKAUN AMANAH DISATUKAN

2022 – RM977.05 Juta

2021 – RM987.60 Juta

RM10.55 Juta @ 1.1%

5 SYOR AUDIT

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN JABATAN / AGENSI NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

22

- BADAN BERKANUN NEGERI: 10
- MAJLIS AGAMA ISLAM: 1
- PIHAK BERKUASA TEMPATAN: 11
- KEMUKA SEBELUM/PADA 30 JUN 2023: 19
- KEMUKA SELEPAS 30 JUN 2023: 1
- BELUM KEMUKA: 2

PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

14 Agensi telah membentangkan Penyata Kewangan Tahun 2021 yang telah disahkan di Dewan Undangan Negeri (DUN)

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, setakat 31 Ogos 2023 empat penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah disahkan, 16 penyata kewangan sedang diaudit dan dua penyata kewangan masih belum diterima

2 SYOR AUDIT

PENGAUDITAN PEMATUHAN

1 JABATAN — PEJABAT AGAMA DAERAH YAN, KEDAH

1 AGENSI — YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH

OBJEKTIF PENGAUDITAN

Menentukan pematuhan terhadap undang-undang, perjanjian serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

APA YANG BERLAKU

PEJABAT AGAMA DAERAH YAN, KEDAH

PENGAUDITAN PERBELANJAAN

RM174,460 Pembayaran Tanpa Dokumen Sokongan Yang Lengkap

RM17,435 Penalti Tidak Dikenakan Atas Kegagalan Menjalankan Rondaan dan *Clocking*.

RM2,496 Penalti Tidak Dikenakan Atas Kegagalan Menyediakan Kelengkapan Dan Peralatan

YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH

PENGAUDITAN HASIL

RM3.04 Juta Tunggakan Hasil Projek Konsesi Balak

5 SYOR AUDIT

PENERANGAN MENGENAI INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI KEDAH TAHUN 2022

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Kedah Tahun 2022 serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Kedah Tahun 2022. LKAN ini mengandungi laporan berkaitan Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022; Analisis Kewangan Kerajaan Negeri; Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri. Perincian bagi setiap bahagian adalah seperti berikut:

1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

a. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 diserahkan kepada Jabatan Audit Negara Negeri Kedah untuk diaudit pada 6 April 2023.

b. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

c. Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara telah ditandatangani pada 27 Ogos 2023.

1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

a. Kutipan hasil pada tahun 2022 berjumlah RM596.17 juta, iaitu menurun sebanyak RM91.87 juta atau 13.4% berbanding RM688.04 juta pada tahun 2021. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2022 berjumlah RM607.54 juta, iaitu menurun sebanyak RM27.82 juta atau 4.4% berbanding RM635.36 juta pada tahun 2021.

b. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

c. Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2022 mencatatkan kurangan terkumpul berjumlah RM501.39 juta berbanding RM490.02 juta pada tahun 2021. Pada tahun 2022, Akaun Hasil Disatukan mencatatkan kurangan semasa berjumlah RM11.37 juta.

d. Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2022 berbaki sifar iaitu tidak berubah berbanding tahun 2021.

e. Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2022 berjumlah RM977.05 juta iaitu menurun sebanyak RM10.55 juta atau 1.1% berbanding RM987.60 juta pada tahun 2021.

f. Baki Pelaburan pada tahun 2022 berjumlah RM28.50 juta iaitu meningkat sebanyak RM2.50 juta berbanding RM26 juta tahun 2021. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2022 berjumlah RM173.14 juta, iaitu menurun sebanyak RM21.51 juta atau 11% berbanding RM194.65 juta tahun 2021. Jumlah Hutang Awam menurun sebanyak RM27.96 juta atau 1.5% kepada RM1.896 bilion berbanding RM1.924 bilion pada tahun 2021.

1.3. Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri

a. Pengauditan penyata kewangan dilaksanakan terhadap 22 agensi negeri yang terdiri daripada 10 Badan Berkanun Negeri (BBN), satu Majlis Agama Islam (MAI) dan 11 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

b. Setakat 31 Ogos 2023, sebanyak lapan BBN, satu MAI dan 11 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 untuk diaudit, manakala dua BBN masih belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. Daripada 20 agensi yang telah mengemukakan penyata kewangan, hanya 19 agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 Jun 2023. Sebanyak satu BBN mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2023 dengan kelulusan.

c. Sebanyak 14 agensi telah membentangkan penyata kewangan tahun 2021 yang telah disahkan di Dewan Undangan Negeri.

d. Secara keseluruhannya, setakat 31 Ogos 2023 empat penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah disahkan, 16 penyata kewangan sedang diaudit dan dua penyata kewangan masih belum diterima.

2. Pengauditan Pematuhan Jabatan dan Agensi Negeri Kedah

Pengauditan pematuhan tahun 2022 dijalankan terhadap satu jabatan dan satu agensi di Negeri Kedah iaitu Pejabat Agama Daerah Yan dan Yayasan Islam Negeri Kedah.

2.1. Pembayaran Kontrak Perkhidmatan di Pejabat Agama Daerah Yan, Negeri Kedah

- pembayaran tanpa dokumen sokongan yang lengkap berjumlah RM174,460;
- penalti berjumlah RM17,435 tidak dikenakan atas kegagalan menjalankan rondaan dan *clocking*; dan
- penalti berjumlah RM2,496 tidak dikenakan atas kegagalan menyediakan kelengkapan dan peralatan.

2.2. Kutipan Hasil Projek Usaha Sama di Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK)

- Tunggakan hasil Projek Konsesi Balak berjumlah RM3.04 juta.

3. Sebagai penambahbaikan, sebanyak 12 syor Audit telah diberikan oleh Ketua Audit Negara.

BAHAGIAN I

Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Subseksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan perakaunan tunai ubah suai.

- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah tahun 2022 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah dilaksanakan selaras dengan Perenggan 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

- Bagaimanapun, terdapat satu perkara signifikan dibangkitkan dalam perenggan Penegasan Perkara dalam Sijil Ketua Audit Negara seperti berikut:

  - Pada 31 Disember 2022, Kumpulan Wang Pembangunan menunjukkan baki defisit terkumpul berjumlah RM1.084 bilion berbanding baki defisit tahun 2021 berjumlah RM1.018 bilion, iaitu peningkatan defisit tahun semasa berjumlah RM66.83 juta atau 6.5%. Baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan telah dibiayai sebahagiannya daripada Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Kedah.

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

FAKTA UTAMA

01.01.2022 - 31.12.2022 Tahun kewangan Kerajaan Negeri	**31 Julai 2023** Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit	**06 April 2023** Tarikh sebenar penyerahan penyata kewangan untuk diaudit
Komponen Penyata Kewangan	• Penyata Kedudukan Kewangan • Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai • Penyata Prestasi Kewangan • Penyata Akaun Memorandum • Nota Kepada Penyata Kewangan	
Jenis Pendapat Audit	Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara	

1. PENDAHULUAN

1.1. Subseksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah disediakan oleh Bendahari Negeri berasaskan perakaunan tunai ubah suai.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 kepada Jabatan Audit Negara pada **6 April 2023**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2022 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Komponen penyata kewangan terdiri daripada Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya Pelaburan Am yang terdiri daripada Saham dan Deposit Dalam Negeri dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2022. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman Dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala Liabiliti Kerajaan Negeri adalah hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam penyata kewangan dan juga maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2022. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan melalui surat pemerhatian Audit kepada pihak Perbendaharaan Negeri dan jabatan negeri sebaik sahaja selesai pengauditan.

2.3. Mesyuarat Penutup yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Ketua Audit Negara telah diadakan pada **7 Ogos 2023** bersama YB Dato' Wira Pegawai Kewangan Negeri Kedah dan pegawai-pegawai yang terlibat.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara.

3.2. Pengauditan penyata kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan penyata kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.**

3.3. Bagaimanapun, **terdapat satu perkara signifikan dibangkitkan dalam perenggan Penegasan Perkara dalam Sijil Ketua Audit Negara** seperti berikut:

3.3.1. Pada 31 Disember 2022, Kumpulan Wang Pembangunan menunjukkan baki defisit terkumpul berjumlah RM1.084 bilion berbanding baki defisit tahun 2021 berjumlah RM1.018 bilion, iaitu peningkatan defisit tahun semasa berjumlah RM66.83 juta atau 6.5%. Baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan telah dibiayai sebahagiannya daripada Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Kedah.

3.4. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti dalam **Lampiran I** hingga **Lampiran VII.**

BAHAGIAN II

Analisis Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan Negeri.

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Kedah secara menyeluruh pada akhir tahun 2022, di samping membantu Kerajaan Negeri memperkukuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

Apa yang ditemui Audit?

- Analisis Audit mendapati prestasi kewangan Kerajaan Negeri adalah stabil. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2022 berjumlah RM475.66 juta, iaitu menurun sebanyak RM21.92 juta (4.4%) berbanding RM497.58 juta pada tahun 2021.

- Akaun Hasil Disatukan menunjukkan kurangan semasa berjumlah RM11.37 juta. Kutipan hasil pada tahun 2022 berjumlah RM596.17 juta, iaitu menurun sebanyak RM91.87 juta (13.4%) berbanding RM688.04 juta pada tahun 2021.

- Perbelanjaan mengurus pada tahun 2022 berjumlah RM607.54 juta, iaitu menurun sebanyak RM27.82 juta (4.4%) berbanding RM635.36 juta pada tahun 2021.

- Pada tahun 2022, sejumlah RM173.54 juta telah dibelanjakan bagi projek pembangunan di bawah RMKe-12 iaitu sebanyak 31.6% daripada RM549.55 juta peruntukan yang diluluskan. Daripada 2,216 projek yang dirancang, sebanyak 2,147 projek telah siap, 22 projek sedang dilaksana, 27 projek ditangguhkan, sembilan projek belum dimulakan dan 11 projek telah dibatalkan.

- Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2022 menurun sebanyak RM21.51 juta (11%) kepada RM173.14 juta berbanding RM194.65 juta pada tahun 2021. Tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut juga meningkat sebanyak RM3.54 juta (4.5%) kepada RM83.07 juta berbanding RM79.53 juta pada tahun 2021.

- Baki Hutang Awam pada akhir tahun 2022 ialah RM1.896 bilion, iaitu menurun sebanyak RM27.96 juta (1.5%) berbanding RM1.924 bilion pada tahun 2021. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam oleh Kerajaan Negeri juga meningkat sebanyak RM55.34 juta (5.1%) kepada RM1.131 bilion berbanding RM1.076 bilion pada tahun 2021.

Apa yang disyorkan Audit?

- Bagi mempertingkat dan memperkukuhkan lagi prestasi kewangan, Kerajaan Negeri disyorkan untuk mempertimbangkan perkara seperti berikut:

  - meneroka hasil-hasil baharu daripada hasil bumi, pertanian, perindustrian dan perkhidmatan agar pendapatan Kerajaan Negeri dapat dipertingkatkan dan seterusnya menambahbaik prestasi Akaun Hasil Disatukan;

  - mempertingkatkan usaha untuk memungut semua tunggakan hasil bagi mengurangkan ABT secara tidak langsung meningkatkan hasil Kerajaan Negeri;

  - menyediakan anggaran belanjawan yang lebih realistik dengan mengambil kira kedudukan kewangan semasa Kerajaan Negeri;

  - mengekalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan negeri Kedah; dan

  - memastikan piawaian perakaunan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi supaya pengurusan kewangan Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berkesan.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH

FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↓ HASIL	↓ AKAUN HASIL DISATUKAN	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
2022 – RM596.17 juta	2022 – (RM501.39 juta)	2022 – RM173.14 juta
2021 – RM688.04 juta	2021 – (RM490.02 juta)	2021 – RM194.65 juta
↓ BELANJA	⇔ AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	↑ PELABURAN
2022 – RM607.54 juta	2022 - RM0	2022 – RM28.50 juta
2021 – RM635.36 juta	2021 - RM0	2021 – RM26.00 juta
	↓ AKAUN AMANAH DISATUKAN	↓ HUTANG AWAM
	2022 – RM977.05 juta	2022 – RM1.896 bilion
	2021 – RM987.60 juta	2021 – RM1.924 bilion

1. LATAR BELAKANG

Selain mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022, Jabatan Audit Negara juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan serta kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2.1 Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

2.2 Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2022 menunjukkan penurunan berbanding tahun 2021 di mana aliran tunai dan pelaburan tahun semasa menurun. Nisbah semasa yang mencatatkan nilai kurang daripada satu menunjukkan kemampuan Kerajaan Negeri untuk membayar hutang adalah rendah dan menyebabkan berlaku peningkatan dalam tunggakan hutang awam.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman Dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

3.2. Secara keseluruhannya prestasi kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun 2022 adalah stabil. Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM475.66 juta masih boleh menampung perbelanjaan bagi program/aktiviti/projek Kerajaan Negeri. Pada tahun 2022, kutipan hasil Kerajaan Negeri menurun sebanyak RM91.87 juta (13.4%) iaitu berjumlah RM596.17 juta berbanding RM688.04 juta pada tahun 2021. Bagaimanapun, jumlah kutipan hasil ini tidak dapat menampung jumlah perbelanjaan tahun 2022 iaitu perbelanjaan mengurus berjumlah RM607.54 juta dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM173.54 juta. Kurangan hasil ini dibiayai oleh Pinjaman Dalam Negeri berjumlah RM12.40 juta, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan berjumlah RM78.17 juta serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah berjumlah RM94.34 juta. Kedudukan prestasi kewangan pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil	596.17	688.04	(91.87)	13.4
Tolak:				
Perbelanjaan Mengurus (Selepas Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan)	*607.54	635.36	(27.82)	4.4
Perbelanjaan Pembangunan	173.54	139.95	33.59	24.0
KURANGAN KESELURUHAN	**(184.91)**	**(87.27)**	**(97.64)**	**(111.9)**
Kurangan Dibiayai Oleh:				
Pinjaman Dalam Negeri	12.40	0.54	11.86	2,196.3
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	78.17	66.98	11.19	16.7
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	94.34	19.75	74.59	377.7
JUMLAH PEMBIAYAAN	**184.91**	**87.27**	**97.64**	**111.9**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022
Nota: (*) - Tiada pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan

3.3. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri mencatatkan kurangan keseluruhan berjumlah RM184.91 juta, iaitu meningkat berbanding RM87.27 juta pada tahun 2021. Peningkatan kurangan ini adalah disebabkan penurunan hasil dan peningkatan perbelanjaan pembangunan.

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2022 berjumlah RM475.66 juta. Jumlah ini terdiri daripada baki terkumpul daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Jumlah ini adalah dalam bentuk Wang Tunai berjumlah RM257.48 juta dan Pelaburan berjumlah RM218.18 juta. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri menurun sebanyak RM21.92 juta (4.4%), iaitu daripada RM497.58 juta pada tahun 2021 kepada RM475.66 juta pada tahun 2022. Penurunan ini disumbangkan oleh pertambahan kurangan Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM11.37 juta (2.3%) dan pengurangan Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM10.55 juta (1.1%). Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	**Akaun Hasil Disatukan**	**(501.39)**	**(490.02)**	**(11.37)**	**2.3**
2.	**Akaun Pinjaman Disatukan**	**0.00**	**0.00**	**0.00**	**0**
3.	**Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:**	**977.05**	**987.60**	**(10.55)**	**(1.1)**
	a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	345.84	317.73	28.11	8.8
	i) Kumpulan Wang Pembangunan	(1,084.54)	(1,017.71)	(66.83)	6.5
	ii) Kumpulan Wang Bekalan Air	104.98	113.96	(8.98)	(7.9)
	iii) Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	18.86	15.02	3.84	25.6
	iv) Akaun Penyelesaian	29.98	59.30	(29.32)	(49.4)
	v) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,276.56	1,147.16	129.40	11.3
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	91.90	235.41	(143.51)	(61.0)
	c) Akaun Deposit	539.31	434.46	104.85	24.1
KUMPULAN WANG DISATUKAN		**475.66**	**497.58**	**(21.92)**	**(4.4)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

4.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan untuk tempoh lima tahun menunjukkan trend peningkatan sejak tahun 2018 sehingga 2021 dan menurun pada tahun 2022. Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2021 mencatatkan baki yang tertinggi dalam tempoh lima tahun. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2018 HINGGA 2022

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
1.	**Akaun Hasil Disatukan**	**(642.64)**	**(488.28)**	**(542.70)**	**(490.02)**	**(501.39)**
2.	**Akaun Pinjaman Disatukan**	**0.00**	**0.00**	**0.00**	**0.00**	**0.00**
3.	**Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:**	**717.21**	**808.76**	**899.78**	**987.60**	**977.05**
	a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	243.88	224.98	303.71	317.73	345.84
	i) Kumpulan Wang Pembangunan	(1,013.12)	(1,014.90)	(1,017.71)	(1,017.71)	(1,084.54)
	ii) Kumpulan Wang Bekalan Air	130.19	104.09	114.23	113.96	104.98
	iii) Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	0	0	0	15.02	18.86
	iv) Akaun Penyelesaian	TB	TB	TB	TB	*29.98
	v) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,126.81	1,135.79	1,207.19	1,206.46	1,276.56
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	134.51	174.52	188.46	235.41	91.90
	c) Akaun Deposit	338.82	409.26	407.61	434.46	539.31
KUMPULAN WANG DISATUKAN		**74.57**	**320.48**	**357.08**	**497.58**	**475.66**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2018 hingga 2022
Nota: (*) - Mulai tahun 2022 Baki Akaun Penyelesaian dilaporkan secara berasingan dalam Penyata Kewangan

CARTA 1
TREND KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2018 HINGGA 2022



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2018 hingga 2022

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada aset Kerajaan Negeri yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah baki wang tunai dalam akaun semasa dan Deposit Dalam Negeri adalah simpanan tetap yang disimpan bagi tempoh tiga bulan atau kurang. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dibankkan serta wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas yang diberi kepada pemegang panjar sebagai pendahuluan perbelanjaan. Kedudukan baki Wang Tunai pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN BAKI WANG TUNAI PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Wang Tunai Dalam Bank	257.07	266.34	(9.27)	(3.5)
Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.23	0.17	0.06	35.3
Wang Tunai Dalam Tangan	0.18	0.18	0.00	0
JUMLAH	**257.48**	**266.69**	**(9.21)**	**(3.5)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

5.1.2. Analisis Audit mendapati baki Wang Tunai menunjukkan penurunan sebanyak RM9.21 juta (3.5%), iaitu daripada RM266.69 juta pada tahun 2021 kepada RM257.48 juta pada tahun 2022. Baki Wang Tunai pada tahun 2022 terdiri daripada baki Wang Tunai Dalam Bank berjumlah RM257.07 juta, Wang Tunai Dalam Perjalanan (WTDP) berjumlah RM0.23 juta dan Wang Tunai Dalam Tangan berjumlah RM0.18 juta. Penurunan baki Wang Tunai antaranya disebabkan oleh penurunan Baki Wang Tunai Dalam Bank sebanyak RM9.27 juta (3.5%).

5.1.3. **Baki Wang Tunai Dalam Perjalanan pada tahun 2022 terlebih nyata berjumlah RM140,616.** Jumlah ini melibatkan pungutan yang lewat diperakaun berjumlah RM105,301, pelarasan bagi pungutan yang tersilap diperakaun sebagai WTDP tahun 2021 berjumlah RM35,830.60 dan Akaun Wang Tunai Belum Dibankkan berbaki defisit berjumlah RM515.94.

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah pada 12 dan 27 Julai 2023

Kelewatan mengunci masuk pungutan ke dalam sistem iSPEKS adalah disebabkan perbezaan amaun pungutan dengan Laporan Penyata Bank (status penyata pemungut adalah tidak sepadan di sistem iHASIL dan pihak *vendor* telah menyelesaikan isu tersebut pada penghujung tahun 2022). Manakala, bagi isu berkaitan pelarasan WTDP dan Akaun Wang Tunai Belum Dibankkan berbaki defisit, pelarasan telah dibuat pada tahun 2023.

5.1.4. **Baki Wang Tunai Dalam Bank pada tahun 2022 terlebih nyata berjumlah RM45,307.33.** Jumlah ini melibatkan penyata pemungut yang diperakaun dua kali berjumlah RM75,868.43, penggantian cek tak laku berjumlah RM20,206.12 dan terimaan berjumlah RM4,800 tidak diperakaunkan dan cek tamat tempoh tidak dibuat pelarasan berjumlah RM5,554.98.

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah pada 27 Julai 2023

Tindakan pelarasan bagi penyata pemungut yang telah diperakaun dua kali berjumlah RM75,868.43 dan cek tamat tempoh berjumlah RM5,554.98, telah dibuat pada tahun 2023. Manakala bagi pungutan yang tidak diperakaunkan berjumlah RM25,006.12 telah diperakaunkan dalam tahun 2023.

5.2. Pelaburan

5.2.1. Mengikut Perenggan 8(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*], Kerajaan Negeri dibenarkan untuk melabur dalam mana-mana bank dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan Kerajaan Negeri hanya terdiri daripada Pelaburan Am. Pelaburan Am adalah pelaburan daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan yang terdiri daripada Saham dan Deposit Dalam Negeri.

5.2.2. Baki pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2022 berjumlah RM218.18 juta, iaitu menurun sebanyak RM12.71 juta (5.5%) berbanding RM230.89 juta pada tahun 2021. Jumlah Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Saham berjumlah RM11.87 juta dan Deposit Dalam Negeri berjumlah RM206.31 juta. Deposit Dalam Negeri terdiri daripada Simpanan Tetap Jangka Panjang berjumlah RM156.31 juta dan pelaburan dalam Unit Amanah Saham berjumlah RM50 juta. Penurunan Pelaburan pada tahun 2022 adalah disebabkan oleh penjualan keseluruhan saham Kedah Islamic Asset Management

Berhad (KIAM). Hasil jualan saham tersebut ialah berjumlah RM2.59 juta iaitu mencatatkan kerugian atas jualan sebanyak RM2.13 juta berbanding kos asal pelaburan berjumlah RM4.72 juta. Kedudukan Pelaburan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
a) Saham	11.87	16.59	(4.72)	(28.4)
i) Kedah Islamic Asset Management Berhad	0.00	4.72	(4.72)	(100.0)
ii) Malaysia Airports Holdings Berhad	9.35	9.35	0.00	0
iii) Petronas Dagangan Berhad	2.52	2.52	0.00	0
b) Deposit Dalam Negeri	206.31	214.30	(7.99)	(3.7)
JUMLAH	**218.18**	**230.89**	**(12.71)**	**(5.5)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

5.2.3. Analisis Audit mendapati jumlah dividen saham diterima pada tahun 2022 sebanyak RM1.12 juta iaitu meningkat sebanyak RM0.02 juta (1.8%) berbanding RM1.10 juta pada tahun 2021. Jumlah dividen yang diterima adalah daripada saham Petronas Dagangan Berhad manakala tiada dividen diterima daripada saham Malaysia Airports Holdings Berhad. Faedah daripada Deposit Dalam Negeri juga menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.77 juta (21.4%) berbanding RM3.60 juta pada tahun 2021 disebabkan peningkatan kadar faedah. Pendapatan daripada pelaburan pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENDAPATAN DARIPADA PELABURAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	PELABURAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Saham	1.12	1.10	0.02	1.8
2.	Deposit Dalam Negeri	4.37	3.60	0.77	21.4
JUMLAH		**5.49**	**4.70**	**0.79**	**16.8**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua terimaan wang serta perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Perenggan 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2022 dengan kurangan semasa berjumlah RM11.37 juta berbanding lebihan berjumlah RM52.68 juta pada tahun 2021. Kurangan semasa berlaku disebabkan penurunan kutipan hasil tahun semasa sebanyak RM91.87 juta (13.4%) pada tahun 2022. Kurangan semasa ini telah menyebabkan baki kurangan terkumpul Akaun Hasil Disatukan meningkat daripada RM490.02 juta pada tahun 2021 kepada RM501.39 juta pada tahun 2022. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari		**(490.02)**	**(542.70)**	**52.68**	**(9.7)**
Hasil		**596.17**	**688.04**	**(91.87)**	**(13.4)**
1.	Hasil Cukai	259.82	289.21	(29.39)	(10.2)
2.	Hasil Bukan Cukai	170.81	247.40	(76.59)	(31.0)
3.	Terimaan Bukan Hasil	165.54	151.43	14.11	9.3
Perbelanjaan		**607.54**	**569.87**	**37.67**	**6.6**
1.	Emolumen	236.46	229.44	7.02	3.1
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	152.84	126.30	26.54	21.0
3.	Aset	9.23	10.01	(0.78)	(7.8)
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	202.01	197.20	4.81	2.4
5.	Perbelanjaan Lain	7.00	6.92	0.08	1.1
Lebihan/(Kurangan) Hasil Semasa		**(11.37)**	**118.17**	**(129.54)**	**(109.6)**
Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan		**0.00**	**65.49**	**(65.49)**	**(100.0)**
Lebihan/(Kurangan) Semasa		**(11.37)**	**52.68**	**(64.05)**	**(121.6)**
BAKI PADA 31 DISEMBER		**(501.39)**	**(490.02)**	**(11.37)**	**2.3**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

6.3. Analisis perbandingan bagi tempoh lima tahun mendapati baki kurangan terkumpul Akaun Hasil Disatukan menunjukkan trend meningkat kecuali tahun 2019 dan 2021 seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
KEDUDUKAN BAKI AKAUN HASIL DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2018 HINGGA 2022



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2018 hingga 2022

6.4. Hasil

6.4.1. Hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai adalah hasil yang dikutip berasaskan perundangan yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN). Hasil Bukan Cukai adalah hasil yang dikutip bagi perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan untuk rakyat. Terimaan Bukan Hasil pula adalah terdiri daripada pelbagai pemberian yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan syarikat berkaitan Kerajaan. Pada tahun 2022, kutipan hasil sebenar ialah berjumlah RM596.17 juta iaitu 82.2% berbanding anggaran hasil yang diluluskan berjumlah RM725 juta seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2022 BERBANDING
ANGGARAN HASIL YANG DILULUSKAN

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN HASIL (RM Juta)	KUTIPAN HASIL (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Hasil Cukai	335.91	259.82	77.3
2.	Hasil Bukan Cukai	224.56	170.81	76.1
3.	Terimaan Bukan Hasil	164.53	165.54	100.6
JUMLAH		**725.00**	**596.17**	**82.2**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

6.4.2. Secara keseluruhannya, hasil yang dikutip menurun sebanyak RM91.87 juta (13.4%) iaitu daripada RM688.04 juta pada tahun 2021 kepada RM596.17 juta pada tahun 2022. Hasil yang mencatatkan penurunan yang ketara ialah Hasil Bukan Cukai iaitu sebanyak RM76.59 juta (31%). Selain itu, Hasil Cukai juga menurun sebanyak RM29.39 juta (10.2%) berbanding tahun 2021. Penurunan ketara Hasil Bukan Cukai adalah disebabkan penurunan hasil Premium Tanah manakala penurunan Hasil Cukai adalah disebabkan penurunan hasil Levi. Kutipan hasil pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	259.82	289.21	(29.39)	(10.2)
2.	Hasil Bukan Cukai	170.81	247.40	(76.59)	(31.0)
3.	Terimaan Bukan Hasil	165.54	151.43	14.11	9.3
JUMLAH		**596.17**	**688.04**	**(91.87)**	**(13.4)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

6.4.3. Prestasi kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022 menunjukkan trend peningkatan pada tahun 2019 dan 2021 serta penurunan pada tahun 2020 dan 2022. Hasil tahun 2019 mencatatkan kutipan yang tertinggi dalam tempoh lima tahun seperti dalam **Carta 3**.

CARTA 3
PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2018 HINGGA 2022



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2018 hingga 2022

6.4.4. Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada Cukai Tanah, Premium Tanah, Pemberian Bayaran Bagi Membiayai Separuh Kos Perbelanjaan Pengurusan (50%) bagi Jabatan di Bawah Senarai Bersama, Caruman Untuk Pembayaran Pinjaman dan Bayaran Pendaftaran Tanah. Hasil tersebut menyumbang sebanyak RM355.19 juta (59.6%) daripada keseluruhan hasil yang berjumlah RM596.17 juta pada tahun 2022. Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI
PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	2022		2021	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	180.19	30.2	173.04	25.2
2.	Premium Tanah	59.85	10.0	156.96	22.8
3.	Pemberian Bayaran Bagi Membiayai Separuh Kos Perbelanjaan Pengurusan (50%) Bagi Jabatan di Bawah Senarai Bersama	41.66	7.0	39.03	5.7
4.	Caruman Untuk Pembayaran Pinjaman	38.53	6.5	36.72	5.3
5.	Bayaran Pendaftaran Tanah	34.96	5.9	25.65	3.7
JUMLAH		**355.19**	**59.6**	**431.40**	**62.7**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

6.4.5. Analisis Audit mendapati sebanyak 99 butiran hasil mengalami peningkatan sebanyak RM74.28 juta, 31 butiran hasil mengalami penurunan sebanyak RM166.15 juta dan dua butiran hasil tidak berubah. Justifikasi bagi lima butiran hasil yang mengalami peningkatan dan penurunan ketara pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 11** dan **Jadual 12**.

JADUAL 11
JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN HASIL	JENIS HASIL	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
					(RM Juta)	(%)	
1.	Bayaran Pendaftaran Tanah	Hasil Bukan Cukai	34.96	25.65	9.31	36.3	• Pembukaan semula sektor-sektor ekonomi dan peningkatan permohonan urusan tanah yang tergendala semasa Perintah Kawalan Pergerakan. • Terdapat banyak urusniaga melibatkan hartanah Government Link Company (GLC) yang bernilai tinggi.
2.	Cukai Tanah Semasa/Berulang	Hasil Cukai	180.19	173.04	7.15	4.1	• Pengeluaran Notis Pentadbiran seawal bulan April bagi mengingatkan pembayar cukai untuk membuat bayaran tunggakan dan cukai semasa bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan ke atas hakmilik mereka.

BIL.	BUTIRAN HASIL	JENIS HASIL	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
					(RM Juta)	(%)	
							• Kelulusan perlanjutan tempoh bayaran cukai tanah semasa dengan pengecualian denda lewat yang berakhir 31 Mei 2022 kepada 31 Julai 2022 oleh MMK.
3.	Cukai Tiket Wayang	Hasil Cukai	6.16	0.36	5.80	1,611.1	• Pengoperasian sepenuhnya semua panggung wayang selepas tamat tempoh Pandemik Covid-19. • Terdapat beberapa filem yang ditayang mendapat sambutan yang tinggi menyebabkan jualan tiket wayang meningkat.
4.	Tunggakan Cukai Tanah	Hasil Cukai	27.42	22.09	5.33	24.1	• Pelarasan daripada Akaun Deposit Tanah berjumlah RM2.70 juta bagi sebuah syarikat yang telah dikeluarkan geran hakmilik pada bulan Mac 2021 sebagai bayaran tunggakan Cukai Tanah Tahun Pertama di Pejabat Tanah Langkawi. • Tindakan pengeluaran Notis Siasatan 2A oleh Pejabat Tanah Kulim telah berhasil mengutip Tunggakan Cukai Tanah berjumlah RM1.80 juta pada tahun 2022. Selain itu, terdapat pembayaran ansuran Tunggakan Cukai Tanah berjumlah RM0.96 juta daripada sebuah syarikat pemaju hartanah.
5.	Sumbangan Daripada Anak Syarikat	Terimaan Bukan Hasil	5.41	0.68	4.73	695.6	• Bayaran Pembahagian Keuntungan Royalti Terkumpul Fasa 1 Tahun 2022 bagi Struktur Menara Telekomunikasi di Negeri Kedah daripada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah berjumlah RM0.91 juta. • Sumbangan daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) berjumlah RM0.50 juta. • Sumbangan Daripada Lembaga Sumber Air Negeri Kedah berjumlah RM4 juta.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

JADUAL 12
JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	JENIS HASIL	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
					(RM Juta)	(%)	
1.	Premium Tanah	Hasil Bukan Cukai	59.85	156.96	(97.11)	(61.9)	• Tiada bayaran Premium Tanah dengan jumlah yang besar seperti tahun 2021.
2.	Levi	Hasil Cukai	5.44	63.54	(58.10)	(91.4)	• Tiada permohonan *swapping* Tanah Rizab Melayu yang melibatkan projek berimpak tinggi seperti tahun 2021.

BIL.	BUTIRAN	JENIS HASIL	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
					(RM Juta)	(%)	
3.	Pemberian Kos Perkhidmatan Di Atas Perlaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan	Terimaan Bukan Hasil	22.14	24.56	(2.42)	(9.9)	• Penurunan jumlah pemberian oleh Kerajaan Persekutuan
4.	Pemberian Cukai Pelancongan	Terimaan Bukan Hasil	0.04	2.29	(2.25)	(98.3)	• Penurunan jumlah pemberian oleh Kerajaan Persekutuan
5.	Terimaan Daripada Anak Syarikat/Syarikat	Hasil Bukan Cukai	0.00	2.00	(2.0)	(100.0)	• Terimaan daripada anak syarikat diperakaun di bawah kod hasil 86101 iaitu Sumbangan Daripada Anak Syarikat.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

6.5. Perbelanjaan Mengurus

6.5.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan iaitu Peruntukan Diraja, Speaker DUN, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Hutang Kerajaan dan Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah. Perbelanjaan Bekalan pula adalah perbelanjaan bagi membiayai aktiviti harian jabatan negeri.

6.5.2. Pada tahun 2022, anggaran peruntukan perbelanjaan mengurus yang diluluskan oleh DUN berjumlah RM815.22 juta, iaitu meningkat sebanyak RM16.33 juta (2%) berbanding RM798.89 juta pada tahun 2021. Anggaran peruntukan yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
ANGGARAN PERUNTUKAN PERBELANJAAN MENGURUS
BAGI TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN PERUNTUKAN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	264.97	266.76	(1.79)	(0.7)
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	183.02	172.80	10.22	5.9
3.	Aset	14.82	14.77	0.05	0.3
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	341.04	333.79	7.25	2.2
5.	Perbelanjaan Lain	11.37	10.77	0.60	5.6
JUMLAH		**815.22**	**798.89**	**16.33**	**2.0**

Sumber: Buku Bajet Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021 dan 2022
Nota: (*) - Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan

6.5.3. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM607.54 juta iaitu 74.5% daripada anggaran peruntukan yang diluluskan. Prestasi perbelanjaan mengurus berbanding peruntukan yang diluluskan pada tahun 2022 adalah seperti dalam **Jadual 14.**

JADUAL 14
PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS
BERBANDING PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN PADA TAHUN 2022

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Emolumen	264.97	236.46	89.2
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	183.02	152.84	83.5
3.	Aset	14.82	9.23	62.3
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	341.04	202.01	59.2
5.	Perbelanjaan Lain	11.37	7.00	61.6
JUMLAH		**815.22**	**607.54**	**74.5**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022
Nota: (*) - Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan

6.5.4. Secara keseluruhannya, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2022 menurun sebanyak RM27.82 juta (4.4%) kepada RM607.54 juta berbanding RM635.36 juta pada tahun 2021. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	236.46	229.44	7.02	3.1
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	152.84	126.30	26.54	21.0
3.	Aset	9.23	10.01	(0.78)	(7.8)
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	202.01	262.69	(60.68)	(23.1)
5.	Perbelanjaan Lain	7.00	6.92	0.08	1.2
JUMLAH		**607.54**	**635.36**	**(27.82)**	**(4.4)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022
Nota: (*) - Termasuk Pindahan Kepada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM65.49 juta Bagi Tahun 2021

6.5.5. Analisis Audit mendapati perbelanjaan yang mencatatkan penurunan ketara ialah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap iaitu sebanyak RM60.68 juta (23.1%). Selain itu, perbelanjaan Aset juga mencatatkan penurunan sebanyak RM0.78 juta (7.8%) berbanding tahun 2021. Bagaimanapun, perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan, Emolumen dan Perbelanjaan Lain masing-masing menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak RM26.54 juta (21%), RM7.02 juta (3.1%) dan RM0.08 juta (1.2%) berbanding tahun 2021. Justifikasi perbelanjaan mengurus yang mencatatkan peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 16** dan **Jadual 17**.

JADUAL 16
JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN YANG KETARA
PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
EMOLUMEN						
1.	Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bantuan Kewangan	12.47	9.85	2.62	26.6	• Bayaran Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM1,500 pada tahun 2022 dan Bantuan Khas Aidilfitri sebanyak RM1,000 kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri Kedah.
2.	Gaji dan Upahan	148.05	145.44	2.61	1.8	• Peningkatan bayaran pelarasan gaji kakitangan awam sebanyak RM2.72 juta iaitu daripada RM139.77 juta pada tahun 2021 kepada RM142.49 juta pada tahun 2022. • Peningkatan bayaran gaji kakitangan awam lantikan baharu sebanyak RM0.13 juta iaitu daripada RM0.21 juta pada tahun 2021 kepada RM0.34 juta pada tahun 2022.
3.	Elaun dan Imbuhan Tetap	66.16	65.15	1.01	1.5	• Peningkatan bayaran elaun tetap yang lain antaranya Elaun Pegawai Masjid, Elaun Khas Kepada Setiausaha Dan Penolong Setiausaha KDYMM Tuanku Sultan, Elaun Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Kira-kira Wang Negeri (PAC), dan Elaun Tugas Kutipan Hasil Perumahan kepada kakitangan awam sebanyak RM0.79 juta iaitu daripada RM32.61 juta pada tahun 2021 kepada RM33.40 juta pada tahun 2022.

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
4.	Elaun Lebih Masa	5.64	5.09	0.55	10.8	• Peningkatan bayaran tuntutan Elaun Lebih Masa kepada kakitangan awam yang menjalankan tugas rasmi sebanyak RM0.54 juta iaitu daripada RM5.09 juta pada tahun 2021 kepada RM5.63 juta pada tahun 2022. • Bayaran Tunggakan Elaun Lebih Masa bagi bulan Disember 2021 sebanyak RM10,435.36 pada tahun 2022.
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN						
5.	Perkhidmatan Iktisas, Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti	72.31	58.47	13.84	23.7	• Peningkatan bayaran gaji dan elaun kepada kakitangan kontrak, pekerja sementara dan pekerja sambilan harian sebanyak RM6.33 juta iaitu daripada RM4.97 juta pada tahun 2021 kepada RM11.30 juta pada tahun 2022. • Peningkatan perbelanjaan perkhidmatan penyediaan makanan, perkhidmatan Latihan kakitangan dan pakej program rasmi termasuk kursus serta latihan sebanyak RM2.48 juta iaitu daripada RM2.99 juta pada tahun 2021 kepada RM5.47 juta pada tahun 2022. • Peningkatan bayaran perkhidmatan percetakan sebanyak RM1.17 juta iaitu daripada RM3.07 juta pada tahun 2021 kepada RM4.24 juta pada tahun 2022.
6.	Tuntutan Perjalanan dan Sara Hidup	9.15	4.69	4.46	95.1	• Peningkatan perbelanjaan tuntutan perjalanan dan sara hidup kakitangan awam sebanyak RM4.02 juta iaitu daripada RM4.16 juta pada tahun 2021 kepada RM8.18 juta pada tahun 2022.

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
7.	Penyenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli	37.62	33.24	4.38	13.2	• Peningkatan perbelanjaan penyenggaraan pembaikan bangunan pejabat dan bangunan-bangunan yang lain sebanyak RM2.42 juta iaitu daripada RM7.68 juta pada tahun 2021 kepada RM10.10 juta pada tahun 2022. • Peningkatan perbelanjaan kerja-kerja kemudahan tali air, pengairan, kawasan banjir dan pembentungan sebanyak RM1.30 juta iaitu daripada RM17.96 juta pada tahun 2021 kepada RM19.26 juta pada tahun 2022.
8.	Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	9.33	7.05	2.28	32.3	• Peningkatan perbelanjaan bekalan am yang lain sebanyak RM1.22 juta iaitu daripada RM1.18 juta pada tahun 2021 kepada RM2.40 juta pada tahun 2022. • Peningkatan perbelanjaan bekalan pejabat antaranya alat tulis pejabat dan alat tulis komputer sebanyak RM0.76 juta iaitu daripada RM2.47 juta pada tahun 2021 kepada RM3.23 juta pada tahun 2022. • Peningkatan perbelanjaan pakaian seragam atau baju korporat jabatan sebanyak RM0.45 juta iaitu daripada RM1.51 juta pada tahun 2021 kepada RM1.96 juta pada tahun 2022.
PERBELANJAAN LAIN						
9.	Hapuskira Pelaburan	2.13	0.00	2.13	100.0	• Pelarasan kerugian jualan saham KIAM

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

JADUAL 17
JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN YANG KETARA PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
ASET						
1.	Kelengkapan dan Peralatan	6.17	6.48	(0.31)	(4.8)	• Penurunan pembelian alat kelengkapan pejabat sebanyak RM0.59 juta iaitu daripada RM0.81 juta pada tahun 2021 kepada RM0.22 juta pada tahun 2022. • Penurunan pembelian alat kelengkapan elektronik sebanyak RM0.28 juta iaitu daripada RM0.83 juta pada tahun 2021 kepada RM0.55 juta pada tahun 2022.
2.	Pinjaman dan Pendahuluan	0.00	1.20	(1.20)	(100.0)	• Tiada pinjaman diberikan kepada agensi/anak syarikat pada tahun 2022.
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP						
3.	Pemberian Dalam Negeri	125.19	191.84	(66.65)	(34.7)	• Tiada pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2022. • Penurunan pemberian sumbangan Bantuan Am sebanyak RM1.80 juta iaitu daripada RM16.78 juta pada tahun 2021 kepada RM14.98 juta pada tahun 2022. • Penurunan sumbangan bantuan individu antaranya seperti bantuan latihan sambil belajar, bantuan bencana, bantuan alat tiruan dan insentif khas sebanyak RM4.79 juta iaitu daripada RM6.11 juta pada tahun 2021 kepada RM1.32 juta pada tahun 2022.
4.	Pencen	13.39	18.81	(5.42)	(28.8)	• Penurunan bayaran pencen Anggota Pentadbiran dan DUN sebanyak RM5.39 juta iaitu daripada RM18.78 juta pada tahun 2021 kepada RM13.39 juta pada tahun 2022.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

6.5.6. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

a. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat mendapat kelulusan Bendahari Negeri. Jabatan hendaklah mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab-sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Sekiranya Bendahari Negeri mendapati sebab kelewatan diragui atau tiada baki peruntukan, kelulusan Pegawai Kewangan Negeri perlu diperoleh.

b. Analisis Audit terhadap perbelanjaan di bawah AP 58(a) pada tahun 2022 mendapati perbelanjaan tersebut menurun dengan ketara sebanyak RM2.44 juta (93.6%) iaitu berjumlah RM0.17 juta berbanding RM2.60 juta pada tahun 2021. Bayaran tersebut melibatkan 170 arahan pembayaran di 18 jabatan/pejabat berbanding 824 arahan pembayaran di 25 pejabat/jabatan pada tahun 2021. Pembayaran di bawah AP 58(a) pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2022		2021		PERUBAHAN	
		(RM)	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	(RM)	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	(RM)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	53,528.28	21	2,055,170.28	508	(2,001,642.00)	(97.4)
2.	Jabatan Pengairan dan Saliran	6,050.93	5	295,014.66	60	(288,963.73)	(97.9)
3.	Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Tuanku Sultan	30,847.72	14	71,996.25	40	(41,148.53)	(57.2)
4.	Jabatan Perhutanan	5,082.24	3	28,416.19	21	(23,333.95)	(82.1)
5.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	4,721.10	3	22,806.01	23	(18,084.91)	(79.3)
6.	Lain-lain jabatan/pejabat (2022: 13 Jabatan; 2021: 20 Jabatan)	67,660.77	124	131,409.50	172	63,748.73	(48.5)
JUMLAH		**167,891.04**	**170**	**2,604,812.89**	**824**	**(2,436,921.85)**	**(93.6)**

Sumber: Rekod Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah Tahun 2022

c. Analisis Audit selanjutnya mendapati tiga pejabat/jabatan mencatatkan penurunan ketara bagi pembayaran AP 58(a) pada tahun 2022 iaitu Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Tuanku Sultan.

d. Analisis selanjutnya menunjukkan trend pembayaran di bawah AP 58(a) bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022 seperti dalam **Carta 4**.

CARTA 4
TREND PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2022



Sumber: Rekod Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah Tahun 2022

e. Analisis Audit mendapati lima perbelanjaan tertinggi yang dibayar di bawah AP 58(a) adalah melibatkan perkhidmatan perhubungan dan utiliti, tuntutan bil rawatan sakit, perkhidmatan iktisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti, bekalan bahan mentah dan bahan penyelenggaraan dan pembaikan serta sewaan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
PERBELANJAAN TERTINGGI DI BAWAH PEMBAYARAN AP 58(a) PADA TAHUN 2022

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	BILANGAN PTJ	JUMLAH (RM)
1.	Perhubungan dan Utiliti	9	50,689.73
2.	Bayaran Bil Rawatan Sakit	1	34,563.60
3.	Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti	9	21,598.72
4.	Bekalan Bahan Mentah dan Bahan Penyelenggaraan dan Pembaikan	8	17,945.61
5.	Sewaan	7	16,346.40
JUMLAH			**141,144.06**

Sumber: Senarai Arahan Pembayaran di Bawah AP 58(a) Tahun 2022

f. Analisis Audit selanjutnya mendapati 14 arahan pembayaran melibatkan empat pejabat/jabatan berjumlah RM30,863.51 telah dibayar melalui AP 58(a) pada tahun 2022 bagi bil-bil tahun 2018 hingga 2020 seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
BIL-BIL TAHUN SEBELUM TAHUN 2021 DIBAYAR MELALUI AP 58(a) TAHUN 2022

BIL.	PEJABAT/ JABATAN	NOMBOR/ TARIKH BAUCAR	PERIHAL BAYARAN	TARIKH BIL/INVOIS	JUMLAH (RM)
1.	Jabatan Kerja Raya	22CBBB0402693 21.11.2022	Bayaran Bacaan Meter Mesin Fotostat	27.08.2018	123.52
		22CBBB0402694 21.11.2022	Bayaran Bacaan Meter Mesin Fotostat	31.05.2018	128.13
		22CBBB0402695 21.11.2022	Bayaran Bacaan Meter Mesin Fotostat	30.04.2018	53.00
		22CBBB0402696 21.11.2022	Bayaran Bacaan Meter Mesin Fotostat	28.02.2018	153.40
		22CBBB0402697 21.11.2022	Bayaran Bacaan Meter Mesin Fotostat	31.01.2018	114.86
		22CBBB0402698 21.11.2022	Bayaran Sewaan Mesin Fotostat	01.06.2018	160.00
		22CBBB0402699 21.11.2022	Bayaran Sewaan Mesin Fotostat	01.05.2018	169.60
		22CBBB0402700 21.11.2022	Bayaran Sewaan Mesin Fotostat	01.03.2018	169.60
		22CBBB0402701 21.11.2022	Bayaran Sewaan Mesin Fotostat	01.02.2018	169.60
		22CBBB0402702 21.11.2022	Bayaran Sewaan Mesin Fotostat	01.01.2018	169.60
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena	22GQBB0400519 12.09.2022	Bayaran Iklan Warta Kerajaan	23.12.2018	1,421.10
3.	Pejabat KDYMM Sultan Kedah	22AABB0401229 24.08.2022	Bayaran Bil Indah Water	11.12.2019	36.25
		22AABB0401230 24.08.2022	Bayaran Bil Indah Water	11.12.2019	48.25
4.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	22AHBB0401245 03.08.2022	Bayaran Kos Rawatan Sakit	23.04.2020	27,946.60
JUMLAH					**30,863.51**

Sumber: Arahan Pembayaran di Bawah AP 58(a) Tahun 2022

g. Analisis Audit terhadap pembayaran di bawah AP 58(a) tahun 2023 mendapati sehingga 30 April 2023, sebanyak 38 arahan pembayaran berjumlah RM191,034.94 melibatkan 10 jabatan/pejabat telah dibayar di bawah AP 58(a) bagi bil-bil tahun 2022 dan tahun-tahun sebelumnya.

6.5.7. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 59

Mengikut Arahan Perbendaharaan (AP) 59, pembayaran sesuatu bil yang dikemukakan dengan sempurna bagi barangan atau perkhidmatan kepada kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab keraguan sama ada perbelanjaan telah dilakukan dengan sewajarnya oleh seseorang pegawai Kerajaan atau sebaliknya. Kelulusan Pegawai Kewangan Negeri hendaklah diperoleh dan pembayaran ditanggungkan kepada akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sehingga siasatan selesai. Pada tahun 2022, tiada pembayaran yang dibuat di bawah AP 59.

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Perenggan 7(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]. Akaun ini digunakan untuk mengakaun semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan bayaran yang berkaitan serta pindahan penerimaan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air.

7.2. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman bagi membiayai Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air Pelubang dan Projek Meningkatkan Sistem Pengepaman di Padang Matsirat Langkawi masing-masing berjumlah RM11.51 juta dan RM0.89 juta. Keseluruhan pinjaman tersebut telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Bekalan Air pada tahun 2022. Kedudukan terimaan dan pindahan Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
KEDUDUKAN AKAUN PINJAMAN DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	0.00	0.00	0
Terimaan	12.40	0.54	11.86	2,196.3
Pindahan	12.40	0.54	11.86	2,196.3
BAKI PADA 31 DISEMBER	**0.00**	**0.00**	**0.00**	**0**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Ikatan Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2022 berjumlah RM977.05 juta, iaitu menurun sebanyak RM10.55 juta (1.1%) berbanding RM987.60 juta pada tahun 2021. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	345.84	317.73	28.11	8.8
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	91.90	235.41	(143.51)	(61.0)
3.	Akaun Deposit	539.31	434.46	104.85	24.1
JUMLAH		**977.05**	**987.60**	**(10.55)**	**(1.1)**

Sumber**:** Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

8.1. Penurunan baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2022 adalah disebabkan oleh penurunan baki bagi beberapa Kumpulan Wang Amanah Awam antaranya ialah Akaun Amanah State Secretary Kedah (Incorporated), Akaun Amanah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Charuk Nau Baling dan Akaun Amanah Peruntukan Khas Pembangunan Negeri Kedah Darul Aman.

8.2. Analisis Audit terhadap kedudukan baki Akaun Amanah Disatukan bagi tempoh lima tahun menunjukkan peningkatan pada tahun 2018 hingga 2021 namun menurun pada tahun 2022. Kedudukan baki Akaun Amanah Disatukan bagi tahun 2018 hingga 2022 adalah seperti dalam **Carta 5**.

CARTA 5
KEDUDUKAN BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2018 HINGGA 2022



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2018 hingga 2022

8.3. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan wang amanah ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan (KWP), Kumpulan Wang Bekalan Air, Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH), Akaun Penyelesaian dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Pada tahun 2022, baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ialah berjumlah RM345.84 juta, iaitu meningkat sebanyak RM28.11 juta (8.8%) berbanding RM317.73 juta pada tahun 2021. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Pembangunan	(1,084.54)	(1,017.71)	(66.83)	(6.5)
2.	Kumpulan Wang Bekalan Air	104.98	113.96	(8.98)	(7.9)
3.	Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	18.86	15.02	3.84	25.6
4.	Akaun Penyelesaian	29.98	59.30	(29.32)	(49.4)
5.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,276.56	1,147.16	129.40	11.3
JUMLAH		**345.84**	**317.73**	**28.11**	**8.8**

Sumber**:** Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

8.3.1. Kumpulan Wang Pembangunan

a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966 [*Akta 70*] dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan, pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan, Terimaan Bayaran Balik Pinjaman daripada agensi negeri dan Sewa Rumah Awam Kos Rendah. Terdapat juga sumber kewangan daripada Kerajaan Persekutuan iaitu Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) dan Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II. Pada akhir tahun 2022, baki Kumpulan Wang Pembangunan mencatatkan kurangan terkumpul berjumlah RM1.084 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM66.83 juta (6.5%) berbanding RM1.018 bilion pada tahun 2021 seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	**(1,017.71)**	**(1,017.71)**	**0.00**	**0**
Terimaan				
Pindahan Daripada Akaun Hasil Disatukan	0.00	65.49	(65.49)	(100.0)
Terimaan Balik Pinjaman	21.31	23.12	(1.81)	(7.8)
Pemberian TAHAP	35.41	39.81	(4.40)	(11.1)
Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II	15.74	0.00	15.74	100.0
Sewa Rumah Awam Kos Rendah	5.71	4.04	1.67	41.3
Jumlah Terimaan	**78.17**	**132.46**	**(54.29)**	**(41.0)**
Jumlah Bayaran	**145.00**	**132.46**	**12.54**	**9.5**
Lebihan/(Kurangan)	**(66.83)**	**0.00**	**(66.83)**	**(100.0)**
BAKI PADA 31 DISEMBER	**(1,084.54)**	**(1,017.71)**	**(66.83)**	**6.5**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

b. Pada tahun 2022, terimaan Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM78.17 juta, iaitu menurun sebanyak RM54.29 juta (41%) berbanding RM132.46 juta pada tahun 2021. Penurunan ini adalah disebabkan tiada pindahan dari Akaun Hasil Disatukan, penurunan Pemberian TAHAP sebanyak RM4.40 juta dan penurunan Terimaan Bayaran Balik Pinjaman daripada PKNK sebanyak RM1.81 juta.

c. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM145 juta pada tahun 2022 bagi membiayai projek pembangunan pada tahun 2022 berbanding RM132.46 juta pada tahun 2021. Pejabat/jabatan yang mencatatkan perbelanjaan tertinggi antaranya ialah Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri (PKPK), Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Perincian perbelanjaan pembangunan mengikut pejabat/jabatan pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERBELANJAAN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	30.10	23.84	6.26	26.3
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	45.27	44.17	1.10	2.5
3.	Jabatan Kerja Raya	36.05	30.98	5.07	16.4
4.	Jabatan Pertanian	6.51	6.48	0.03	0.5
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	5.03	5.51	(0.48)	(8.7)
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	12.37	14.34	(1.97)	(13.7)
7.	PLANMalaysia@Kedah	0.87	0.49	0.38	77.6
8.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	5.51	3.74	1.77	47.3
9.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	3.29	2.91	0.38	13.1
JUMLAH		**145.00**	**132.46**	**12.54**	**9.5**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

d. Semakan Audit mendapati **baki kurangan terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan meningkat sebanyak RM66.83 juta (6.5%)** iaitu daripada RM1.018 bilion pada tahun 2021 kepada RM1.084 bilion pada tahun 2022. Baki kurangan terkumpul ini dibiayai sebahagiannya dari lebihan tunai Akaun Amanah Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri. Bagaimanapun, penggunaan lebihan tunai akaun Amanah Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri untuk tujuan perbelanjaan pembangunan tidak dapat ditentukan. Analisis Audit juga mendapati, defisit semasa Kumpulan Wang Pembangunan ini ialah berjumlah RM28.30 juta, iaitu selepas mengambil kira pelarasan bukan tunai ke Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM38.53 juta.

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah pada 30 Julai dan 3 Ogos 2023

Sumber terimaan KWP terhad kepada lima sumber sahaja iaitu pemberian pertambahan hasil, pemberian TAHAP, terimaan balik pinjaman, sewa Rumah Awam Kos Rendah dan pindahan dari Akaun Hasil Disatukan. Pada tahun kewangan 2022, Akaun Hasil Disatukan telah mencatatkan kurangan tahun semasa sebanyak RM11.37 juta menyebabkan tiada pindahan ke KWP sebagaimana diperuntukkan di dalam bajet. Bagaimanapun, pembayaran perlu dilakukan bagi projek-projek yang telah dilaksanakan supaya tidak menjejaskan pembangunan negeri Kedah. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk meningkatkan hasil dan terimaan KWP serta berusaha untuk mengimbangi perbelanjaan KWP dengan hasil dan terimaan mulai bajet tahun 2024.

e. Pada tahun 2022, jumlah peruntukan yang diluluskan bagi perbelanjaan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan ialah berjumlah RM218.31 juta melibatkan sembilan pejabat/jabatan. Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan Kumpulan Wang ini ialah sebanyak RM145 juta (66.4%) daripada peruntukan yang diluluskan. Prestasi perbelanjaan berbanding peruntukan diluluskan bagi sembilan pejabat/jabatan yang terlibat ialah antara 55.8% hingga 99.7% seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
TAHUN 2022 BERBANDING PERUNTUKAN DILULUSKAN

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	40.60	30.10	74.1
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	74.80	45.27	60.5
3.	Jabatan Kerja Raya	64.61	36.05	55.8
4.	Jabatan Pertanian	6.86	6.51	94.9
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	6.06	5.03	83.0
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	14.61	12.37	84.7
7.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	0.97	0.87	89.7
8.	PLANMalaysia@Kedah	6.50	5.51	84.8
9.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	3.30	3.29	99.7
JUMLAH		**218.31**	**145.00**	**66.4**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

8.3.2. Kumpulan Wang Bekalan Air

a. Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Subseksyen 3(1), Akta Kumpulan Wang Bekalan Air [*Akta 230*]. Tujuan penubuhannya adalah untuk membiayai perbelanjaan pengurusan bekalan air, pembayaran balik pinjaman dan perbelanjaan pembangunan bekalan air sama ada bayaran secara langsung atau secara pinjaman. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini adalah pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan. Pada akhir tahun 2022, baki Kumpulan Wang Bekalan Air ialah berjumlah RM104.98 juta, iaitu menurun sebanyak RM8.98 juta (7.9%) berbanding RM113.96 juta pada tahun 2021. Kedudukan Kumpulan Wang Bekalan Air pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

PERKARA	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	**113.96**	**114.23**	**(0.27)**	**(0.2)**
Terimaan				
Pindahan Daripada Akaun Pinjaman Disatukan	12.40	0.54	11.86	2,196.3
Pemberian/Imbuhan Balik Bekalan Air Luar Bandar	0.00	0.26	(0.26)	(100.0)
Jumlah Terimaan	**12.40**	**0.80**	**11.60**	**1,450.0**
Bayaran	**21.38**	**1.07**	**20.31**	**1,898.1**
Lebihan/ (Kurangan)	**(8.98)**	**(0.27)**	**(8.71)**	**(3,225.9)**
BAKI PADA 31 DISEMBER	**104.98**	**113.96**	**(8.98)**	**(7.9)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

b. Pada tahun 2022, terimaan Kumpulan Wang Bekalan Air ialah berjumlah RM12.40 juta, iaitu meningkat sebanyak RM11.60 juta (1,450%) berbanding RM0.80 juta pada tahun 2021. Terimaan tersebut adalah pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan.

c. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM21.38 juta pada tahun 2022 bagi membiayai projek-projek berkaitan bekalan air di seluruh negeri Kedah. Jumlah perbelanjaan meningkat sebanyak RM20.31 juta berbanding RM1.07 juta pada tahun 2021. Butiran perbelanjaan Kumpulan Wang Bekalan Air pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti **Jadual 28**.

JADUAL 28
PERBELANJAAN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR
BAGI TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	PROJEK	PERBELANJAAN		PERBEZAAN	
		2022 (RM)	2021 (RM)	(RM)	(%)
1.	Bekalan Air Pokok Sena	0.0	0.26	(0.26)	(100.0)
2.	Naiktaraf Loji Rawatan Air Kulim Hi-Tech	0.0	0.01	(0.01)	(100.0)
3.	Bekalan Air Pelubang	11.52	0.55	10.97	1,994.5
4.	Menambah Keupayaan Loji Rawatan Air Jenun Baru	3.55	0.08	3.47	4,337.5
5.	Menaiktaraf Loji Rawatan Air Bukit Selambau	5.22	0.05	5.17	10,340.0
6.	Menaiktaraf Loji Rawatan Air Sungai Limau	0.20	0.00	0.20	100.0
7.	Menaiktaraf Loji Rawatan Air Lubuk Buntar Lama	0.00	0.12	(0.12)	(100.0)
8.	Menaiktaraf Sistem Pengepaman Padang Mat Sirat Langkawi	0.89	0.00	0.89	100.0
JUMLAH		**21.38**	**1.07**	**20.31**	**1,898.1**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

d. Pada tahun 2022, jumlah peruntukan yang diluluskan bagi perbelanjaan di bawah kumpulan wang ini ialah berjumlah RM323.14 juta. Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan Kumpulan Wang Bekalan Air pada tahun 2022 adalah rendah iaitu sebanyak RM21.38 juta (6.6%) daripada jumlah peruntukan yang diluluskan. Prestasi Perbelanjaan Kumpulan Wang Bekalan Air berbanding peruntukan yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
PRESTASI PERBELANJAAN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR
PADA TAHUN 2022 BERBANDING PERUNTUKAN DILULUSKAN

BIL.	PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PENCAPAIAN (%)
1.	Menaik taraf Sistem Pengepaman Padang Mat Sirat Langkawi	6.40	0.88	13.8
2.	Bekalan Air Pelubang	108.62	11.52	10.6
3.	Menaik taraf Loji Rawatan Air Bukit Selambau	60.01	5.23	8.7
4.	Menambah Keupayaan Loji Rawatan Air Jenun Baru	67.85	3.55	5.2
5.	Menaik taraf Loji Rawatan Air Sungai Limau	33.03	0.20	0.6
6.	Menaik taraf Loji Rawatan Air Lubuk Buntar Lama	27.23	0.00	0
7.	Projek Pembaikan Paip Dasar Laut Sedia Ada Dari Tanah Besar Ke Pulau Langkawi	20.00	0.00	0
JUMLAH		**323.14**	**21.38**	**6.6**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

8.3.3. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

a. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) diwujudkan mengikut Seksyen 56 Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*] dan Subseksyen 9(3) Akta Tatacara Kewangan 1957, bertujuan untuk melaksanakan pelbagai projek seperti menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Sumber kewangan bagi KWPH adalah daripada hasil ses kayu balak dan peruntukan Kerajaan Negeri. KWPH pada mulanya ditubuhkan di bawah Kumpulan Wang Amanah Awam. Pada tahun 2021, KWPH diwujudkan di bawah Kumpulan Wang Kerajaan selaras dengan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada 7 Oktober 2020 mengenai pindaan akaun di bawah Seksyen 9 kepada Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957.

b. Pada 31 Disember 2022, baki Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan ialah berjumlah RM18.86 juta iaitu meningkat sebanyak RM3.84 juta (25.6%) berbanding RM15.02 juta pada tahun 2021. Pada tahun 2022, lebihan kumpulan wang ini menunjukkan penurunan sebanyak RM11.18 juta (74.4%) berbanding RM15.02 juta pada tahun 2021. Kedudukan baki KWPH pada akhir tahun 2022 adalah seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
KEDUDUKAN BAKI KWPH
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	15.02	0.00	15.02	100.0
* Terimaan	11.00	21.45	(10.45)	(48.7)
Bayaran	7.16	6.43	0.73	11.4
Lebihan	3.84	15.02	(11.18)	(74.4)
BAKI PADA 31 DISEMBER	**18.86**	**15.02**	**3.84**	**25.6**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022
Nota: (*) - Pindahan daripada Kumpulan Wang Amanah Awam bagi tahun 2021

8.3.4. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan di Bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas

a. Tahun 2022 merupakan tahun kedua bagi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Bagi menjayakan RMKe-12, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM549.55 juta pada tahun 2022 yang melibatkan 10 pejabat/jabatan. Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri menerima dua peruntukan perbelanjaan iaitu di bawah projek pembangunan dan bekalan air. Perbelanjaan bagi projek pembangunan, projek bekalan air dan projek pembangunan hutan pada tahun 2022 berjumlah RM173.54 juta iaitu 31.6% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DI BAWAH RMKe-12

BIL.	JABATAN /PEJABAT	BIL. PROJEK TAHUN SEMASA	PERUNTUKAN DILULUSKAN	PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
PROJEK PEMBANGUNAN					
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	1,357	40.60	30.10	74.1
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	43	74.80	45.27	60.5
3.	Jabatan Kerja Raya	164	64.61	36.05	55.8
4.	Jabatan Pertanian	365	6.86	6.51	94.9
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	60	6.06	5.03	83.0
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	70	14.61	12.37	84.7
7.	PLANMalaysia@Kedah	15	0.97	0.87	89.7
8.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	58	6.50	5.51	84.8
9.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	2	3.30	3.29	99.7
PROJEK BEKALAN AIR					
10.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	7	323.14	21.38	6.6
PROJEK PEMBANGUNAN HUTAN					
11.	Jabatan Perhutanan	75	8.10	7.16	88.4
JUMLAH		**2,216**	**549.55**	**173.54**	**31.6**

Sumber: Buku Bajet dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

b. Berdasarkan semak silang Audit terhadap Penyata Perbelanjaan Pembangunan dengan Laporan Bulanan Vot Pembangunan tahun 2022 yang dijana oleh iSPEKS mendapati **jumlah perbelanjaan yang dilaporkan bagi empat kod projek berbeza sebanyak RM1.21 juta** seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
PERBEZAAN JUMLAH PERBELANJAAN PROJEK
DI PENYATA PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN LAPORAN BULANAN VOT DI iSPEKS

VOT	KOD PROJEK	JUMLAH PERBELANJAAN DI PENYATA PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (LT015A) (RM Juta)	JUMLAH PERBELANJAAN DI LAPORAN BULANAN VOT (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)
P09 – Jabatan Kerja Raya	01000	30.13	30.15	(0.02)
P20 – Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	62000	11.52	12.80	(1.28)
	64000	3.55	3.54	0.01
	70000	0.20	0.12	0.08
JUMLAH		**45.40**	**46.61**	**(1.21)**

Sumber: Penyata Perbelanjaan Pembangunan dan Laporan Bulanan Vot DI iSPEKS

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah pada 12 dan 17 Julai 2023

PKPK telah membuat semakan dan mendapati perbezaan ini berlaku disebabkan kesilapan teknikal semasa laporan bulanan Vot dijana oleh iSPEKS. PKPK telah melaporkan isu tersebut kepada pihak Bahagian Khidmat Perunding untuk tindakan pembetulan.

c. Pada tahun 2022, sebanyak 2,216 projek pembangunan telah dirancang. Sebanyak 2,147 projek telah siap, 22 projek sedang dilaksana, 27 projek telah ditangguh, sembilan projek belum mula dan 11 projek telah dibatalkan. Status pelaksanaan projek setakat 31 Disember 2022 adalah seperti dalam **Jadual 33** dan **Carta 6**.

JADUAL 33
STATUS PELAKSANAAN PROJEK SETAKAT 31 DISEMBER 2022

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BILANGAN PROJEK	STATUS PELAKSANAAN PROJEK				
			SIAP	SEDANG DILAKSANAKAN	TANGGUH	BELUM MULA	BATAL
PEMBANGUNAN							
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	1,357	1,335	0	19	3	0
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	43	33	7	0	3	0
3.	Jabatan Kerja Raya	164	153	5	6	0	0
4.	Jabatan Pertanian	365	365	0	0	0	0
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	60	54	0	1	0	5
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	70	65	3	0	2	0
7.	PLANMalaysia@Kedah	15	11	0	0	0	4
8.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	58	55	1	0	0	2
9.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	2	2	0	0	0	0

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BILANGAN PROJEK	STATUS PELAKSANAAN PROJEK				
			SIAP	SEDANG DILAKSANAKAN	TANGGUH	BELUM MULA	BATAL
BEKALAN AIR							
10.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	7	0	6	0	1	0
PEMBANGUNAN HUTAN							
11.	Jabatan Perhutanan	75	74	0	1	0	0
JUMLAH		**2,216**	**2,147**	**22**	**27**	**9**	**11**

Sumber: Pengesahan Status Projek Daripada Jabatan yang Terlibat

CARTA 6
PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2022



Sumber: Pengesahan Status Projek Daripada Jabatan yang Terlibat

d. Kos keseluruhan bagi 27 projek yang ditangguhkan adalah berjumlah RM12.05 juta melibatkan Jabatan Perhutanan, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Justifikasi penangguhan projek adalah seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
JUSTIFIKASI PROJEK PEMBANGUNAN TANGGUH PADA TAHUN 2022

BIL.	JABATAN/PEJABAT	NAMA PROJEK	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	JUSTIFIKASI
1.	Jabatan Perhutanan	Menaiktaraf Ibu Pejabat/Pejabat Hutan/Pejabat Renjer	1	0.70	• Projek ditangguhkan untuk dilaksanakan pada tahun 2023.
2.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	Membina Bangunan Istana	1	0.40	• Masih di peringkat pengesahan spesifikasi kerja oleh pihak KDYMM Tuanku Sultan Kedah.
		Menaiktaraf dan Baik Pulih Bangunan Istana	7	4.51	• Masih di peringkat pengesahan butiran kerja oleh pihak KDYMM Tuanku Sultan Kedah bagi tindakan oleh pihak JKR.
		Membina dan Menaiktaraf Rumah-rumah Rasmi Kerajaan Negeri	1	0.40	• Projek naik taraf atau baik pulih rumah rasmi Pegawai Daerah Pendang ditangguhkan. Baki peruntukan digunakan bagi projek naik taraf rumah rasmi Pegawai Daerah Padang Terap yang memerlukan kos yang lebih tinggi.
		Membina Bangunan Tambahan Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena	1	0.50	• Dalam tindakan pihak JKR bagi penyediaan reka bentuk dan *preliminary detailed abstract* (PDA).
		Membina Bangunan Tambahan Pejabat Daerah dan Tanah Sik	1	0.50	
		Membina Baharu Bangunan Mahkamah Syariah Kuala Muda	1	0.49	
		Menaiktaraf dan Baik Pulih Kemudahan Pelancongan	1	0.50	• Dalam tindakan pihak JKR bagi penyediaan Arahan Kuantiti bagi memulakan proses perolehan pada tahun 2023.
		Menaiktaraf Prasarana Kedah NET	2	1.00	• Dalam tindakan pihak JKR bagi penyediaan reka bentuk dan *preliminary detailed abstract* (PDA) serta ditangguhkan pelaksanaan ke tahun 2024 (Projek Naik taraf Pusat Data dan *Disaster Recovery Centre* oleh pihak BTMK.
		Pembangunan Aplikasi Kedah Digital	1	1.00	
		Menaiktaraf dan Baik Pulih Stadium Darul Aman	1	0.37	• Ditangguhkan pelaksanaan projek naik taraf dataran sehingga projek naik taraf pencahayaan (lampu limpah) selesai.
		Menaiktaraf dan Baik Pulih Lain-lain Prasarana Sukan Daerah	1	0.50	• Sekatan perbelanjaan oleh Pegawai Kewangan Negeri selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Bilangan 5 Tahun 2022 – Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam Negeri Kedah Tahun 2022.
		Membina Baharu Bangunan Kuarters	1	0.40	• Ditangguhkan pelaksanaan dan membuat kajian semula berkaitan kaedah perolehan yang bersesuaian.
3.	Jabatan Kerja Raya	Membina Baharu Jalan dan Jambatan	4	0.04	• Berlaku kelewatan dalam proses pengambilan tanah. Kerja ditapak tidak dapat disiapkan mengikut tempoh asal kerana terdapat perubahan skop ditapak dan kelewatan dalam memuktamadkan reka bentuk.

BIL.	JABATAN/PEJABAT	NAMA PROJEK	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	JUSTIFIKASI
		Membina Baharu Pejabat Jabatan Kerja Raya	2	0.73	• Kerja-kerja masih di peringkat reka bentuk dan penyediaan Arahan Kuantiti. Kelewatan dalam peringkat reka bentuk kerana kekurangan pereka bentuk.
4.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	Program Penguatkuasaan Undang-Undang dan Regulatori	1	0.01	• Sekatan perbelanjaan oleh Pegawai Kewangan Negeri selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Bilangan 5 Tahun 2022 – Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam Negeri Kedah Tahun 2022.
JUMLAH			**27**	**12.05**	

Sumber: Penyata Kewangan Tahun 2022 dan Pengesahan Status Projek Daripada Jabatan Yang Terlibat

e. Kos keseluruhan bagi sembilan projek yang belum mula adalah berjumlah RM26.13 juta melibatkan Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan dan Jabatan Pengairan dan Saliran. Justifikasi projek belum mula adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
JUSTIFIKASI PROJEK PEMBANGUNAN BELUM MULA PADA TAHUN 2022

BIL.	JABATAN/PEJABAT	NAMA PROJEK	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	JUSTIFIKASI
1.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	Projek Pembaikan Paip Dasar Laut Sedia Ada Dari Tanah Besar Ke Pulau Langkawi	1	20.00	• Lembaga Perolehan memuktamadkan kelulusan perlantikan firma perunding secara Lantikan Terus pada 26 Julai 2022. • Surat Arahan Memasuki Tapak dan Memulakan Kerja Awalan dikeluarkan oleh Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd (SADA) selaku agensi pelaksana pada 6 Oktober 2022. • Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan kepada perunding yang dilantik iaitu Sepakat Setia Perunding Sdn. Bhd. pada 3 April 2023.
		Membina dan Menaiktaraf Ruang Niaga	1	2.00	• Ditangguhkan ke tahun 2023.
		Projek Khas Kedah Sejahtera	1	2.00	• Sekatan perbelanjaan oleh Pegawai Kewangan Negeri selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Bilangan 5 Tahun 2022 – Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam Negeri Kedah Tahun 2022.
		Penyelesaian Baki Projek Kerajaan Negeri	1	0.50	
2.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	Menaiktaraf dan Baik Pulih Kompleks Sukan Muadzam Shah	1	0.05	• Peningkatan kos baik pulih. Oleh itu, kajian semula dibuat bagi memastikan perolehan yang dibuat mendapat nilai faedah yang terbaik.
		Menaiktaraf dan Baik Pulih Padang Lawn Bowl Alor Setar	1	0.18	• Peruntukan yang diterima telah dipindahkan kepada projek lain yang lebih utama. Projek disambung pada tahun 2023.

BIL.	JABATAN/PEJABAT	NAMA PROJEK	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	JUSTIFIKASI
		Menaiktaraf dan Baik Pulih Bangunan Kelab Kedah Diraja	1	0.20	• Masih di peringkat pengesahan butiran kerja oleh pihak KDYMM Tuanku Sultan Kedah.
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran	Program Rancangan Tebatan Banjir Pengkalan Lebai Man	1	0.70	• Sekatan perbelanjaan oleh Pegawai Kewangan Negeri selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Bilangan 5 Tahun 2022 – Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam Negeri Kedah Tahun 2022.
		Kerja-kerja Awalan Program Tebatan Banjir	1	0.50	
JUMLAH			**9**	**26.13**	

Sumber: Penyata Kewangan Tahun 2022 dan Pengesahan Status Projek Daripada Jabatan Yang Terlibat

f. Kos keseluruhan bagi 11 projek yang dibatalkan adalah berjumlah RM3.93 juta melibatkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, PLANMalaysia@Kedah dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Justifikasi pembatalan projek adalah seperti dalam **Jadual 36.**

JADUAL 36
SENARAI PROJEK YANG DIBATALKAN TAHUN 2022

BIL.	JABATAN	NAMA PROJEK	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BATAL
1.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	Program Galakan Pelaburan Industri Ruminan	1	1.43	• Tidak mendapat kebenaran kelulusan khas belanja dan kontraktor gagal memenuhi spesifikasi dan tempoh pembekalan.
		Program Pengeluaran Baka dan Benih	2	1.16	
		Program Pengembangan Sektor Ruminan	1	0.18	• Tidak mendapat kebenaran kelulusan khas belanja.
		Program Pemantapan Ladang Nukleus Eksotik	1	0.08	
2.	PLANMalaysia @Kedah	Rancangan Tempatan Daerah	2	0.05	• Peruntukan untuk pakej mesyuarat telah dibuat menggunakan peruntukan B14 setelah mendapat teguran daripada pihak kewangan negeri dan percetakan laporan draf akhir untuk Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) bagi kajian Rancangan Tempatan Daerah Padang Terap 2035 dan Pendang 2035 tidak dibuat kerana kajian dilanjutkan ke tahun 2023.
		Rancangan Kawasan Khas	1	0.00*	• Peruntukan untuk pakej mesyuarat telah dibuat menggunakan peruntukan B14.
		Kajian Pelan Pengurusan Pesisir Pantai	1	0.03	• Peruntukan dipohon bagi tujuan percetakan dimana kajian ini merupakan kerjasama antara pihak persekutuan melalui Pejabat Projek Zon Utara PLANMalaysia dengan pihak PLANMalaysia@Kedah. Kos kajian menggunakan

BIL.	JABATAN	NAMA PROJEK	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BATAL
					peruntukan persekutuan dimana kos percetakan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Pejabat Kewangan Negeri telah memaklumkan percetakan perlu menggunakan peruntukan B14.
3.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	Membina Baharu Surau	2	1.00	• Pembinaan surau di Daerah Pokok Sena dan Kulim tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2022 kerana cadangan siling kos pembinaan surau baru oleh Pegawai Kewangan Negeri adalah RM200,000 sahaja bagi sebuah surau. Namun kebanyakan sebut harga yang diterima adalah melebihi anggaran kos yang dicadangkan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
JUMLAH			**11**	**3.93**	

Sumber: Pengesahan Status Projek Daripada Jabatan yang Terlibat
Nota: (*) – Amaun sebenar ialah RM400.00

8.3.5. Akaun Penyelesaian

a. Pada 31 Disember 2022, Baki Akaun Penyelesaian ialah berjumlah RM29.98 juta iaitu menurun sebanyak RM29.32 juta (49.4%) berbanding RM59.30 juta pada tahun 2021. Kedudukan Akaun Penyelesaian Perbendaharaan Negeri pada akhir tahun 2022 adalah seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
BAKI AKAUN PENYELESAIAN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian Perbendaharaan Negeri	0.30	0.75	0.45	(60.0)
2.	Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan	29.00	58.00	29.00	(50.0)
3.	Akaun Penyelesaian (Bayaran Pendaftaran Hak Milik Strata)	0.00*	0.00	0.00*	100.0
4.	Akaun Amanah Pusaka Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG)	0.61	0.55	0.06	10.5
5.	Akaun Kerajaan Persekutuan - Hasil Persekutuan Bayaran Ukur	0.07	0.00	0.07	100.0
JUMLAH		**29.98**	**59.30**	**29.32**	**(49.4)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022
Nota: (*) – Amaun sebenar ialah RM4,140.00

b. Penurunan Akaun Penyelesaian disumbangkan oleh penurunan ketara Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM29 juta (50%) menjadi RM29 juta berbanding RM58 juta pada tahun 2021. Penurunan tersebut adalah disebabkan pembayaran balik yang dibuat secara kontra dengan pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri iaitu:

- Pemberian 10% kos perkhidmatan atas pelaksanaan pembangunan Persekutuan berjumlah RM10 juta;
- Pemberian mengikut kiraan kepala (capitation grant) berjumlah RM10 juta; dan
- Pemberian TAHAP berjumlah RM9 juta.

8.3.6. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman dan Pelbagai Kumpulan Wang. Pada akhir tahun 2022, baki kumpulan wang ini mencatatkan peningkatan sebanyak RM129.40 juta (11.3%) kepada RM1.277 bilion berbanding RM1.147 bilion pada tahun 2021. Kedudukan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 38**.

JADUAL 38
KEDUDUKAN BAKI PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	PERIHAL	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Perniagaan	1.27	1.33	(0.06)	(4.5)
2.	Akaun Pinjaman	3.33	3.49	(0.16)	(4.6)
3.	Pelbagai Kumpulan Wang	1,271.96	1,142.34	129.62	11.3
JUMLAH		**1,276.56**	**1,147.16**	**129.40**	**11.3**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

b. Termasuk dalam baki Pelbagai Kumpulan Wang adalah baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Kedah dan pindahan dua Akaun Amanah Awam di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 pada tahun 2022 iaitu Kumpulan Wang Amanah Projek/Program Khas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman serta Kumpulan Wang Pembangunan Usahawan Negeri Kedah Darul Aman.

i. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Kedah

- Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Kedah ditubuhkan untuk memperakaunkan peruntukan geran pemberian Kerajaan Persekutuan. Pemberian geran ini adalah bagi membiayai penyenggaraan jalan raya negeri yang dilaksanakan oleh JKR, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).

- Pada akhir tahun 2022, baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Kedah berjumlah RM1.136 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM31.23 juta (2.8%) berbanding RM1.105 bilion pada tahun 2021. Pemberian daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2022 ialah berjumlah RM331 juta manakala perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri ialah berjumlah RM299.77 juta. Prestasi perbelanjaan bagi kumpulan wang ini ialah 90.6% berbanding jumlah terimaan pada tahun 2022. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Kedah pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 39**.

JADUAL 39
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH PENYELENGGARAAN JALAN RAYA NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	1,104.87	1,091.26	13.61	1.2
Terimaan	331.00	258.87	72.13	27.9
Bayaran	299.77	245.26	54.51	22.2
BAKI PADA 31 DISEMBER	**1,136.10**	**1,104.87**	**31.23**	**2.8**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

- Berdasarkan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS), panjang jalan raya negeri pada akhir tahun 2022 ialah 15,891.73 kilometer, iaitu meningkat sebanyak 434.72 kilometer berbanding 15,457.01 kilometer pada tahun 2021.

- Prestasi perbelanjaan berbanding terimaan daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2018 hingga 2022 adalah antara 72% hingga 94.7% seperti dalam **Jadual 40 dan Carta 7**.

JADUAL 40
PRESTASI PERBELANJAAN BERBANDING TERIMAAN DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022

TAHUN	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	TERIMAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)	PRESTASI (%)
2018	935.63	543.55	501.28	977.90	92.2
2019	977.90	255.00	214.39	1,018.51	84.1
2020	1,018.51	259.64	186.89	1,091.26	72.0
2021	1,091.26	258.87	245.26	1,104.87	94.7
2022	1,104.87	331.00	299.77	1,136.10	90.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2018 hingga 2022
Nota: Terimaan dan perbelanjaan tahun 2018 termasuk transaksi bukan tunai di Penyata Sistem Perakaunan Berkomputer Standad Kerajaan Negeri (SPEKS)/Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS)

CARTA 7
PRESTASI PERBELANJAAN KUMPULAN WANG AMANAH PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI PADA TAHUN 2018 HINGGA 2022



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

- Baki Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Kedah berjumlah RM1.136 bilion merupakan baki terkumpul bagi peruntukan yang tidak digunakan sejak kumpulan wang ini ditubuhkan iaitu pada tahun 1994. Mulai tahun 2014 Kerajaan Negeri telah melaksanakan dasar yang ditetapkan oleh Majlis Kewangan Negara yang mana menetapkan perbelanjaan penyelenggaraan jalan raya negeri hendaklah melepasi 85% daripada peruntukan yang diterima. Bagaimanapun, analisis Audit mendapati **baki kumpulan wang ini tidak setara berbanding baki Wang Tunai dan Pelaburan berjumlah RM475.66 juta pada akhir tahun 2022**.

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah pada 13 Julai dan 3 Ogos 2023

Pada 26 Februari 2023, PKPK telah membuat permohonan kepada Pejabat Pengarah Belanjawan Negara (NBO) untuk memindahkan baki terkumpul dalam Akaun Amanah Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri ke KWP setelah diperakui oleh MMK yang bersidang pada 23 Februari 2023. Pada 4 Jun 2023, PKPK telah mengemukakan ulasan Pejabat Undang-undang Negeri Kedah (PUU Kedah) kepada NBO sebagai maklumat tambahan kepada permohonan tersebut. Berdasarkan pandangan PUU Kedah, cadangan memindahkan baki Akaun Amanah Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri ke KWP adalah bertentangan dengan undang-undang. Memandangkan peruntukan penyelenggaraan jalan raya negeri disalurkan daripada Kementerian Kewangan (MOF), PKPK perlu mendapatkan kelulusan daripada MOF bagi memindahkan baki peruntukan ke Akaun KWP.

Pada 30 Julai 2023, PKPK telah menerima maklum balas daripada NBO melalui surat bertarikh 10 Julai 2023 (No. Ruj. MOF.NBO(6) 600-8/3/13/Jld.4). Berdasarkan surat tersebut, pejabat NBO memutuskan bahawa peruntukan Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri hendaklah digunakan bagi maksud penubuhannya selaras dengan Perkara 109, Perlembagaan Persekutuan dan terma Surat Ikatan Amanah yang menetapkan sebarang penggunaan wang daripada Akaun Amanah Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri bagi maksud selainnya adalah tidak selaras dengan hasrat penubuhannya. Pemindahan wang daripada Akaun Amanah Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri ke KWP adalah tidak teratur dari segi undang-undang dan tatacara kewangan untuk dilaksanakan dan Kerajaan Negeri juga hendaklah membelanjakan peruntukan tersebut selagi terdapat keperluan untuk menyenggara jalan dan tidak boleh memindahkan baki lebihan peruntukan tersebut ke dalam KWP yang mana adalah bertentangan dengan Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406).

ii. Kumpulan Wang Amanah Projek/Program Khas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah

Kumpulan Wang ini ditubuhkan pada tahun 2022 selaras dengan kelulusan MMK pada 7 Oktober 2020 mengenai pindaan akaun amanah di bawah Seksyen 9 kepada Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Kumpulan wang ini adalah di bawah kawalan Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Pada 19 Januari 2022, semua baki berjumlah RM137.58 juta di bawah Vot Dana Akaun Amanah Projek/Program Khas Kerajaan Persekutuan

dan Kerajaan Negeri Kedah telah dipindahkan ke Vot Dana Kumpulan Wang Amanah Projek/Program Khas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah. Kedudukan baki kumpulan wang ini pada 31 Disember 2022 adalah seperti dalam **Jadual 41**.

JADUAL 41
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG AMANAH PROJEK/PROGRAM KHAS KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI KEDAH PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	0.00	0.00
Pindahan baki	137.58	0.00
Terimaan	18.61	0.00
Bayaran	65.95	0.00
BAKI PADA 31 DISEMBER	**90.24**	**0.00**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

iii. Pada tahun 2022, terimaan akaun ini ialah berjumlah RM18.61 juta manakala perbelanjaan ialah berjumlah RM65.95 juta. Terimaan dan bayaran tertinggi pada tahun 2022 antaranya adalah seperti dalam **Jadual 42** dan **Jadual 43**.

JADUAL 42
TERIMAAN TERTINGGI KUMPULAN WANG AMANAH PROGRAM KHAS KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN PADA TAHUN 2022

BIL.	PERIHAL TERIMAAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Penyaluran peruntukan elaun dan bantuan Hari Raya Aidilfitri kepada Pengerusi dan Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung (JPKK)	15.10
2.	Peruntukan dana jaminan makanan bagi Program Jaminan Keselamatan Makanan Negeri Kedah	1.50
3.	Peruntukan bagi tujuan pengurusan Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah	1.90
JUMLAH		**18.50**

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran dan Laporan Buku Amanah

JADUAL 43
BAYARAN TERTINGGI KUMPULAN WANG AMANAH PROGRAM KHAS KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN PADA TAHUN 2022

BIL.	PERIHAL PERBELANJAAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Bayaran pengambilan sebahagian/keseluruhan 19 lot tanah bermilik bagi maksud pembangunan Zon Industri Fasa 4 (IZP4A) oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri bagi pihak Kulim Technology Park Corporation.	47.84
2.	Penyaluran peruntukan bagi bayaran elaun Pengerusi dan Setiausaha JPKK bagi 12 daerah bagi bulan Januari hingga November 2022.	11.82
3.	Penyaluran peruntukan dana jaminan makanan bagi Program Jaminan Keselamatan Makanan Negeri Kedah kepada Kedah Agro Holdings Berhad.	1.50
JUMLAH		**61.16**

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran dan Laporan Buku Amanah

8.4. Kumpulan Wang Amanah Awam

a. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan sumbangan wang daripada orang perseorangan dan organisasi kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri.

b. Pada akhir tahun 2022, Kerajaan Negeri mempunyai 27 Akaun Amanah Awam yang dikendalikan oleh lapan jabatan/pejabat berbanding 31 akaun pada tahun 2021. Baki Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2022 ialah berjumlah RM91.90 juta, iaitu menurun sebanyak RM143.51 juta (61%) berbanding RM235.41 juta pada tahun 2021. Analisis Audit terhadap baki Akaun Amanah Awam mendapati sebanyak lapan akaun menunjukkan penurunan, sebanyak tujuh akaun amanah menunjukkan peningkatan dan 12 akaun amanah tidak berubah. Selain itu sebanyak dua akaun telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan sebanyak dua akaun telah ditutup. Penurunan ketara kumpulan wang ini adalah disebabkan pindahan baki dua Akaun Amanah Awam Ke Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Kedudukan baki Kumpulan Wang Amanah Awam mengikut jabatan pada akhir tahun 2022 berbanding tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 44**.

JADUAL 44
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG AMANAH AWAM
MENGIKUT JABATAN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	PEJABAT/JABATAN	BILANGAN AKAUN AMANAH	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	16	59.66	204.11	(144.45)	(70.8)
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	5	22.50	21.84	0.66	3.0
3.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	2	4.95	4.98	(0.03)	(0.6)
4.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	1	0.93	0.93	0.00	0
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran	1	0.47	0.47	0.00	0
6.	Pejabat KDYMM Tuanku Sultan	0	0.00	0.19	(0.19)	(100.0)
7.	Jabatan Kehakiman Syariah	1	0.19	0.19	0.00	0
8.	Jabatan Kerja Raya	1	3.20	2.70	0.50	18.5
BAKI PADA 31 DISEMBER		**27**	**91.90**	**235.41**	**(143.51)**	**(61.0)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

8.4.1. Pindahan Akaun Amanah Awam ke Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pada tahun 2022, dua akaun amanah baharu diwujudkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 selaras dengan kelulusan MMK pada 7 Oktober 2020 bagi pindaan akaun amanah awam di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957. Baki berjumlah RM139.45 juta bagi dua akaun amanah awam tersebut telah dipindahkan ke akaun Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan seperti dalam **Jadual 45**.

JADUAL 45
AKAUN AMANAH AWAM YANG DIPINDAHKAN
KE KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN PADA TAHUN 2022

BIL.	PEJABAT	NAMA AKAUN AMANAH	JUMLAH PINDAHAN BAKI (RM Juta)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	Kumpulan Wang Amanah Projek/Program Khas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah	137.58
		Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Usahawan Negeri Kedah	1.87
JUMLAH			**139.45**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

8.4.2. Penutupan Akaun Amanah

Pekeliling Perbendaharaan W.P. 10.4, perenggan 5.5.10 menyatakan akaun amanah yang telah mencapai maksud penubuhannya, tidak dikehendaki lagi, mencukupi tempoh hayat yang ditetapkan dalam Arahan Amanah ataupun yang tidak aktif lagi untuk tempoh setahun hendaklah ditutup. Baki akaun amanah yang hendak ditutup hendaklah disifarkan, iaitu sama ada dengan dipindahkan ke Akaun Hasil atau dikembalikan kepada penyumbang mengikut peruntukan Arahan Amanah berkenaan. Pada tahun 2022, terdapat dua akaun amanah yang telah mencapai tujuan penubuhannya telah ditutup dan baki berjumlah RM0.18 juta dipindahkan ke Akaun Hasil Kerajaan Negeri. Akaun amanah yang terlibat seperti dalam **Jadual 46**.

JADUAL 46
AKAUN AMANAH YANG DITUTUP PADA TAHUN 2022

BIL.	AKAUN AMANAH	KOD AMANAH/ VOT DANA	BAKI DIKREDITKAN KE HASIL (RM Juta)
1.	Akaun Amanah Galeri Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah	60152/ L252	0.18
2.	Akaun Amanah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Negeri Kedah	60157/ L257	0.00
JUMLAH			**0.18**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2022

8.4.3. Akaun Amanah Peruntukan Khas Pembangunan Negeri Kedah

a. Akaun amanah ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memperakaunkan sumbangan dan terimaan yang diberikan untuk akaun ini bagi membiayai apa-apa projek yang ditentukan oleh Jawatankuasa Akaun. Sumber kewangan akaun ini adalah daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta sumbangan daripada orang ramai, sektor swasta, persatuan, pertubuhan antarabangsa atau tempatan dan agensi-agensi yang tidak dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan. Perbelanjaan yang dibenarkan di bawah akaun ini adalah bagi melaksanakan projek yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Akaun, bayaran balik kepada penyumbang bagi baki sumbangan yang tidak digunakan sekiranya terma dan syarat sumbangan menyatakan sedemikian dan lain-lain perbelanjaan yang diluluskan oleh jawatankuasa.

b. Pada akhir tahun 2022, baki akaun ini berjumlah RM18.48 juta, iaitu menurun sebanyak RM1.62 juta (8.1%) berbanding RM20.10 juta pada tahun 2021. Kedudukan baki Akaun Amanah Peruntukan Khas Pembangunan Negeri Kedah Darul Aman pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 47**.

JADUAL 47
KEDUDUKAN BAKI AKAUN AMANAH PERUNTUKAN KHAS PEMBANGUNAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	20.10	4.96	15.14	305.2
Terimaan	15.74	27.48	(11.74)	(42.7)
Bayaran	17.36	12.34	5.02	40.7
BAKI PADA 31 DISEMBER	**18.48**	**20.10**	**(1.62)**	**(8.1)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

c. Pada tahun 2022, terimaan akaun ini ialah berjumlah RM15.74 juta manakala jumlah perbelanjaan ialah RM17.36 juta. Terimaan dan bayaran tertinggi pada tahun 2022 antaranya seperti dalam **Jadual 48** dan **Jadual 49.**

JADUAL 48
TERIMAAN TERTINGGI AKAUN AMANAH PERUNTUKAN KHAS PEMBANGUNAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN PADA TAHUN 2022

BIL.	PERIHAL TERIMAAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Penyaluran Peruntukan Khas Kementerian Kewangan Bagi Pelaksanaan Inisiatif Projek Jaminan Makanan, Pelancongan serta Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar di Negeri-negeri	13.50
2.	Penyaluran Peruntukan Kepada Pejabat Daerah dan Tanah Kulim Bagi Projek Menaiktaraf Longkang 'U' di Kampung Belakang Masjid Sungai Kob, Mukim Karangan, Kulim Kedah daripada Kementerian Perpaduan Negara	0.48
3.	Tambahan Bayaran Saguhati Perpindahan dan Kaedah Bayaran Kepada Pekerja Ladang Rakyat PKNK (Rumah Kuarters) Lot PT 68 Dan PT 65 Bagi Tujuan Pembangunan Kota Perdana Special Border Economic Zone (SBEZ) Bukit Kayu Hitam, Kedah Darul Aman	0.05
JUMLAH		**14.03**

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran dan Laporan Buku Amanah

JADUAL 49
BAYARAN TERTINGGI AKAUN AMANAH PERUNTUKAN KHAS PEMBANGUNAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN PADA TAHUN 2022

BIL.	PERIHAL PERBELANJAAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Pelaksanaan Projek-Projek Berskala Kecil di Bawah Program Perantisan PenjanaKerjaya 2.0	9.35
2.	Bayaran Saguhati Perpindahan Kepada Pekerja Ladang Rakyat PKNK Bagi Tujuan Projek SBEZ (Fasa 2)	2.04
3.	Bayaran Projek-projek di bawah Inisiatif Projek Jaminan makanan, Pelancongan serta Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar di Negeri-negeri	0.87
JUMLAH		**12.26**

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran dan Laporan Buku Amanah

8.4.4. Akaun Amanah State Secretary Kedah (Incorporated)

a. Akaun Amanah State Secretary Kedah (SSK) (Incorporated) ditubuhkan bagi tujuan untuk melaksanakan aktiviti, acara dan program berkaitan kemasyarakatan.

b. Pada akhir tahun 2022, baki akaun ini ialah berjumlah RM2.55 juta, iaitu menurun sebanyak RM16.52 juta (86.6%) berbanding RM19.07 juta pada tahun 2021. Kedudukan baki Akaun Amanah SSK pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 50.**

JADUAL 50
KEDUDUKAN BAKI AKAUN AMANAH SSK
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	19.07	26.69	(7.62)	(28.6)
Terimaan	2.60	0.02	2.58	12,900.0
Bayaran	19.12	7.64	11.48	150.3
BAKI PADA 31 DISEMBER	**2.55**	**19.07**	**(16.52)**	**(86.6)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

c. Pada tahun 2022, terimaan Akaun Amanah SSK berjumlah RM2.60 juta meningkat sebanyak RM2.58 juta berbanding terimaan pada tahun 2021. Penyumbang utama terimaan pada tahun 2022 adalah daripada hasil jualan saham KIAM, manakala jumlah bayaran ialah berjumlah RM19.12 juta. Bayaran tertinggi pada tahun 2022 antaranya adalah seperti dalam **Jadual 51**.

JADUAL 51
BAYARAN TERTINGGI AKAUN AMANAH SSK PADA TAHUN 2022

BIL.	PERIHAL PERBELANJAAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Bayaran Pengambilan Keseluruhan Satu Keping Tanah Bermilik Bagi Maksud Pembangunan *Intergrated Economic & Community Centre* (I-Con)	8.01
2.	Bayaran Pembahagian Keuntungan Royalti Terkumpul Tahun 2022 Bagi Struktur Menara Telekomunikasi di Negeri Kedah	2.90
3.	Bayaran Sumbangan Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri Kepada Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman 2022	1.00
4.	Bayaran Bagi Perkhidmatan Menghantar, Mengujilari dan Mengesah Tauliah Satu Unit Bas Setingkat (Single Decker) Berhawa Dingin	0.53
JUMLAH		**12.44**

Sumber: Rekod Jabatan

8.4.5. Tabung Amanah Bantuan Malapetaka Negeri

a. Tabung amanah ini ditubuhkan di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri bagi memperakaunkan semua terimaan dan bayaran bantuan bencana di Negeri Kedah seperti kebakaran, banjir, ribut taufan dan lain-lain.

b. Pada akhir tahun 2022, baki Tabung Amanah Bantuan Malapetaka Negeri ialah berjumlah RM5.13 juta iaitu meningkat sebanyak RM2.95 juta (135.3%) berbanding RM2.18 juta pada tahun 2021. Kedudukan baki akaun amanah ini pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 52**.

JADUAL 52
KEDUDUKAN BAKI TABUNG AMANAH BANTUAN MALAPETAKA NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM)	2021 (RM)	PERUBAHAN	
			(RM)	(%)
Baki Pada 1 Januari	2.18	0.42	1.76	419.0
Terimaan	11.46	8.07	3.39	42.0
Bayaran	8.51	6.31	2.20	34.9
BAKI PADA 31 DISEMBER	**5.13**	**2.18**	**2.95**	**135.3**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

c. Pada tahun 2022, terimaan Tabung Amanah Bantuan Malapetaka Negeri ialah berjumlah RM11.46 juta manakala jumlah perbelanjaan ialah RM8.51 juta. Antara terimaan dan bayaran tertinggi pada tahun 2022 adalah seperti dalam **Jadual 53** dan **Jadual 54**.

JADUAL 53
TERIMAAN TERTINGGI TABUNG AMANAH BANTUAN MALAPETAKA NEGERI PADA TAHUN 2022

BIL.	PERIHAL TERIMAAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Peruntukan Bantuan Wang Ihsan Bagi Mangsa Bencana yang Terjejas Akibat Monsun Timur Laut (MTL) Tahun 2021/2022 di Negeri Kedah	6.95
2.	Penyaluran Peruntukan Bagi Pengoperasian Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19	2.37
3.	Sumbangan Kedah Care Untuk Bencana Kepala Air di Baling	1.23
4.	Peruntukan Kerajaan Negeri Kedah	0.80
JUMLAH		**11.35**

Sumber : Penyata Terimaan dan Bayaran dan Laporan Buku Amanah

JADUAL 54
BAYARAN TERTINGGI TABUNG AMANAH BANTUAN MALAPETAKA NEGERI PADA TAHUN 2022

BIL.	PERIHAL PERBELANJAAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Bantuan Wang Ihsan Akibat Bencana Banjir dan Ribut	6.02
2.	Perbelanjaan pengoperasian Pusat Kuarantin Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC)	2.45
JUMLAH		**8.47**

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran dan Laporan Buku Amanah

8.4.6. Akaun Amanah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Mergong

a. Tabung amanah ini ditubuhkan bagi mengakaunkan segala terimaan dan perbelanjaan bagi PPR Mergong. Perbelanjaan yang dibenarkan di bawah akaun ini adalah bagi maksud penyenggaraan bangunan tersebut atau apa-apa maksud yang mempunyai kepentingan terhadap kerajaan dan pembangunan negeri Kedah.

b. Pada akhir tahun 2022, baki Akaun Amanah PPR Mergong ialah berjumlah RM0.03 juta iaitu menurun sebanyak RM1.04 juta (97.2%) berbanding RM1.07 juta pada tahun 2021. Kedudukan baki akaun amanah ini pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 55**.

JADUAL 55
KEDUDUKAN BAKI AKAUN AMANAH PROJEK PERUMAHAN RAKYAT MERGONG PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	1.07	1.53	(0.46)	(30.1)
Terimaan	0.19	0.13	0.06	46.2
Bayaran	1.23	0.59	0.64	108.5
BAKI PADA 31 DISEMBER	**0.03**	**1.07**	**(1.04)**	**(97.2)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

c. Pada tahun 2022, terimaan akaun ini ialah berjumlah RM0.19 juta yang terdiri daripada deposit, sewa rumah dan yuran penyenggaraan. Perbelanjaan pada tahun 2022 ialah berjumlah RM1.23 juta antaranya adalah seperti dalam **Jadual 56.**

JADUAL 56
BAYARAN TERTINGGI AKAUN AMANAH PROJEK PERUMAHAN RAKYAT MERGONG PADA TAHUN 2022

BIL.	PERIHAL PERBELANJAAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Penyenggaraan dan Pembaikan	1.13
2.	Bil Air Untuk Rumah Pam	0.04
3.	Bil Elektrik Untuk Rumah Pam	0.02
JUMLAH		**1.19**

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran dan Laporan Buku Amanah

8.4.7. Akaun Amanah Pilihan Raya

a. Tabung amanah ini ditubuhkan bagi tujuan memperakaunkan segala terimaan dan perbelanjaan berkaitan dengan Pilihan Raya Umum. Akaun ini dikawal oleh Pegawai Kewangan Negeri selaku Pegawai Pengawal Akaun Amanah. Mengikut Garis Panduan Urusan Perolehan Berkaitan Pilihan Raya Umum/Kecil, perbelanjaan yang dibenarkan adalah sewaan dewan dan peralatan, sewaan kenderaan, perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman, urusan pelupusan, tuntutan elaun perjalanan, tuntutan elaun lebih masa, elaun telefon dan elaun petugas pilihan raya.

b. Pada akhir tahun 2022, baki Akaun Amanah Pilihan Raya ialah berjumlah RM2.30 juta iaitu meningkat sebanyak RM2.29 juta berbanding RM8,331 pada tahun 2021. Kedudukan baki akaun amanah ini pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 57**.

JADUAL 57
KEDUDUKAN BAKI AKAUN AMANAH PILIHAN RAYA
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM)	2021 (RM)	PERUBAHAN	
			(RM)	(%)
Baki Pada 1 Januari	8,331.00	0.00	8,331.00	100.0
Terimaan	4,381,302.16	113,415.00	4,267,887.16	3,763.1
Bayaran	2,092,634.66	105,084.00	1,987,550.66	1,891.4
BAKI PADA 31 DISEMBER	**2,296,998.50**	**8,331.00**	**2,288,667.50**	**27,471.7**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

c. Terimaan daripada Pejabat Pilihan Raya Negeri Kedah pada tahun 2022 ialah berjumlah RM4.38 juta, manakala perbelanjaan berjumlah RM2.09 juta adalah seperti dalam **Jadual 58.**

JADUAL 58
PERBELANJAAN AKAUN AMANAH PILIHAN RAYA PADA 2022

BIL.	PARLIMEN	SEWAAN (RM)	MAKAN MINUM (RM)	ELAUN LEBIH MASA DAN ELAUN PERJALANAN (RM)	LAIN-LAIN (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Langkawi	27,000.00	62,197.00	23,441.87	-	112,638.87
2.	Kubang Pasu	3,160.00	86,860.00	22,163.16	8,640.00	120,823.16
3.	Padang Terap	27,550.00	64,825.00	13,801.89	-	106,176.89
4.	Pokok Sena	53,260.00	105,500.00	34,442.34	-	193,202.34
5.	Kuala Kedah	64,949.00	110,915.00	47,362.4	-	223,226.40
6.	Pendang	11,021.00	91,900.00	42,699.52	-	145,620.52
7.	Jerai	33,290.80	95,739.00	36,858.64	-	165,888.44
8.	Sik	39,497.00	69,225.00	77,523.12	2,200.00	188,445.12
9.	Merbok	68,252.20	106,670.00	43,662.3	-	218,584.50
10.	Baling	28,236.00	124,240.00	55,406.23	-	207,882.23
11.	Padang Serai	111,720.00	123,430.00	30,001.97	-	265,151.97
12.	Kulim/Bandar Baharu	32,088.00	90,705.00	22,201.22	-	144,994.22
JUMLAH		**500,024.00**	**1,132,206.00**	**449,564.66**	**10,840.00**	**2,092,634.66**

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran dan Laporan Buku Amanah

8.5. Akaun Deposit

8.5.1. Akaun Deposit merupakan wang yang diterima bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau mengikut perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud tersebut telah dicapai atau selesai. Akaun deposit terdiri daripada Deposit Am, Deposit Khusus dan Deposit Pelarasan. Deposit Am dan Deposit Khusus merupakan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu. Deposit Pelarasan pula adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

8.5.2. Pada akhir tahun 2022, Kerajaan Negeri mempunyai 19 Akaun Deposit yang dikendalikan oleh 23 jabatan/pejabat. Baki deposit pada akhir tahun 2022 ialah berjumlah RM539.31 juta, iaitu meningkat sebanyak RM104.85 juta (24.1%) berbanding RM434.46 juta pada tahun 2021. Deposit Khusus mencatatkan peningkatan ketara iaitu sebanyak RM83.22 juta berbanding tahun 2021. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan Deposit Tanah sebanyak RM82.61 juta. Kedudukan baki Deposit pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 59**.

JADUAL 59
KEDUDUKAN BAKI DEPOSIT PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	JENIS DEPOSIT	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am	250.26	229.90	20.36	8.9
2.	Deposit Khusus	284.73	201.51	83.22	41.3
3.	Deposit Pelarasan	4.32	3.05	1.27	41.6
JUMLAH		**539.31**	**434.46**	**104.85**	**24.1**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

8.5.3. Berdasarkan AP 159, setiap pemegang deposit hendaklah menyelenggara senarai rekod kecil/baki individu (Lejar Subsidiari) dan ianya hendaklah disamakan dengan Akaun Utama (Lejar) pada setiap bulan. Pihak Audit mendapati **baki Deposit Urusan Tanah di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Negeri Kedah yang diterima antara tahun 1966 hingga 1976 berjumlah RM6.75 juta tidak dapat dikenal pasti pendepositnya**.

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah pada 26 Julai 2023

Pada sukuan pertama tahun 2023, satu mesyuarat penyelarasan bersama PKPK telah diadakan bagi membincangkan perkara ini. Hasil perbincangan tersebut, PTG Negeri Kedah telah menyediakan kertas cadangan untuk diangkat kepada MMK bagi memohon kelulusan pindahan baki deposit tersebut ke akaun hasil memandangkan tiada sebarang dokumen atau maklumat berkenaan pendeposit yang terlibat. Proses tersebut dijangka akan selesai pada suku tahun keempat tahun 2023. Sekiranya terdapat sebarang tuntutan bayaran balik deposit tahun 1966 hingga 1976 selepas pindahan ke akaun hasil, bayaran akan dibuat daripada Peruntukan Mengurus berdasarkan AP 87 berkaitan Pulangan Balik Hasil.

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan Hutang Awam.

9.1. Memorandum Aset

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut

a. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi negeri. Pada akhir tahun 2022, baki Pinjaman Boleh Dituntut ialah berjumlah RM173.14 juta, iaitu menurun sebanyak RM21.51 juta (11%) berbanding RM194.65 juta pada tahun 2021. Baki ini terdiri daripada pinjaman oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) berjumlah RM167.13 juta, Permodalan Kedah Berhad (PKB) berjumlah RM4.97 juta dan PKB Hotel Management & Services Sdn. Bhd. (PKB Hotel) berjumlah RM1.04 juta. Sumber pinjaman kepada PKNK diperoleh menerusi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan manakala pinjaman kepada PKB dan PKB Hotel adalah daripada peruntukan Kerajaan Negeri. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 60**.

JADUAL 60
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	AGENSI	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	167.13	188.45	(21.32)	(11.3)
2.	Permodalan Kedah Berhad	4.97	5.00	(0.03)	(0.6)
3.	PKB Hotel Management & Services Sdn. Bhd.	1.04	1.20	(0.16)	(13.3)
JUMLAH		**173.14**	**194.65**	**(21.51)**	**(11.0)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

b. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut

Pada 31 Disember 2022, baki tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi ialah berjumlah RM83.07 juta, iaitu meningkat sebanyak RM3.54 juta (4.5%) berbanding RM79.53 juta pada tahun 2021. Peningkatan tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut adalah disebabkan pertambahan tunggakan pembayaran balik pinjaman daripada PKB dan PKB Hotel masing-masing berjumlah RM2.48 juta dan RM1.06 juta. Pada tahun 2022 bayaran balik diterima daripada PKNK, PKB dan PKB Hotel ialah berjumlah RM23.25 juta termasuk faedah yang berjumlah RM1.74 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2022 adalah seperti dalam **Jadual 61**.

JADUAL 61
KEDUDUKAN TUNGGAKAN
BAYARAN BALIK PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2022

AGENSI	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	ANUITI TAHUN SEMASA (RM Juta)	JUMLAH PATUT DIJELASKAN (RM Juta)	JUMLAH TELAH DIJELASKAN (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)
Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	78.91	23.06	101.97	23.06	78.91
Permodalan Kedah Berhad	0.62	2.51	3.13	0.03	3.10
PKB Hotel Management & Services Sdn. Bhd.	0.00	1.22	1.22	0.16	1.06
JUMLAH	**79.53**	**26.79**	**106.32**	**23.25**	**83.07**

Sumber: Penyata Lengkap Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut Tahun 2022

9.1.2. Pelaburan

a. Pelaburan yang ditunjukkan dalam Penyata Memorandum adalah pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMBKed), Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SSK) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Pada akhir tahun 2022, baki pelaburan Kerajaan Negeri ialah berjumlah RM28.50 juta, iaitu meningkat sebanyak RM2.50 juta (9.6%) berbanding RM26 juta pada tahun 2021. Peningkatan tersebut adalah disebabkan pertambahan pelaburan dalam PKB sebanyak RM2.50 juta. Kedudukan pelaburan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 62**.

JADUAL 62
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	SYARIKAT	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Permodalan Kedah Berhad	5.00	2.50	2.50	100
2.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia	1.50	1.50	0.00	0.0
3.	Institut Pengurusan dan Integriti Negeri Kedah Sdn. Bhd.	1.00	1.00	0.00	0.0
4.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.	1.00	1.00	0.00	0.0
5.	UNISHAMS Sdn. Bhd. (Dahulu dikenali sebagai Kolej Universiti Insaniah Sdn. Bhd.)	20.00	20.00	0.00	0.0
JUMLAH		**28.50**	**26.00**	**2.50**	**9.6**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

b. Analisis Audit mendapati pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh lima tahun menunjukkan peningkatan pada tahun 2019 dan 2022 seperti dalam **Jadual 63**.

JADUAL 63
KEDUDUKAN PELABURAN SAHAM BAGI TAHUN 2018 HINGGA TAHUN 2022

BIL.	SYARIKAT	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
1.	Permodalan Kedah Berhad	2.50	2.50	2.50	2.50	5.00
2.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia	1.50	1.50	1.50	1.50	1.50
3.	Institut Pengurusan dan Integriti Negeri Kedah Sdn. Bhd.	0.50	1.00	1.00	1.00	1.00
4.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
5.	UNISHAMS Sdn. Bhd.	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00
JUMLAH		**25.50**	**26.00**	**26.00**	**26.00**	**28.50**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2018 hingga 2022

c. Subseksyen 8(4) Akta Tatacara Kewangan 1957 menetapkan faedah yang diterima daripada pelaburan mana-mana wang mengikut subseksyen (3) hendaklah dimasuk akaun dalam Akaun Hasil Disatukan kecuali di mana ada diperuntukkan demikian dalam mana-mana undang-undang atau di bawah syarat-syarat mana-mana undang-undang atau di bawah syarat-syarat mana-mana Amanah bahawa faedah

yang telah diterima dari pelaburan mana-mana wang dalam kedudukan kredit mana-mana akaun Amanah dalam Kumpulan Wang Amanah Disatukan hendaklah dibayar ke dalam kredit akaun amanah itu. Semakan Audit mendapati **dividen daripada SADA berjumlah RM1 juta pada tahun 2022 tidak dibayar kepada Kerajaan Negeri sebaliknya dibayar kepada PMBKed**.

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah pada 21 Jun dan 3 Ogos 2023

PKPK telah mengeluarkan surat tuntutan bayaran balik dividen berjumlah RM1 juta kepada PMBKed pada 19 Jun 2023 untuk diperakaunkan sebagai hasil negeri.

Pembayaran dividen oleh SADA kepada PMBked adalah berdasarkan pemilikan yang didaftarkan dalam "Form 24 – Return Of Allotment Of Shares". Berdasarkan keputusan MMK bertarikh 24 Februari 2010, SADA ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan diletakkan di bawah kawalan PMBKed dan sahamnya dipegang sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, tiada pembahagian dividen dibuat di antara Kerajaan Negeri dan PMBKed. Pada 31 Julai 2023, PKPK telah mengadakan perbincangan dengan pihak PMBked dan SADA bagi meneliti rekod dan keputusan Kerajaan Negeri mengenai pegangan saham tersebut. PKPK juga telah merujuk kepada PUU Kedah bagi mendapatkan pandangan sebelum perkara ini diangkat untuk pertimbangan MMK.

9.2. Memorandum Liabiliti

9.2.1. Hutang Awam

a. Hutang Awam ialah pinjaman Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan di negeri Kedah yang terdiri daripada Pinjaman Bekalan Air, Pinjaman Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK), Pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) dan Pinjaman Pelbagai.

b. Pada akhir tahun 2022, baki Hutang Awam ialah berjumlah RM1.896 bilion, iaitu menurun sebanyak RM27.96 juta (1.5%) berbanding RM1.924 bilion pada tahun 2021. Penurunan ini adalah disebabkan oleh bayaran balik pinjaman pada tahun 2022 berjumlah RM48.06 juta yang terdiri daripada bayaran pokok sejumlah RM38.53 juta dan bayaran faedah sejumlah RM9.53 juta. Kedudukan baki Hutang Awam Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2022 berbanding tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 64.**

JADUAL 64
KEDUDUKAN BAKI HUTANG AWAM
KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	* Bekalan Air	1,146.28	1,133.88	12.40	1.1
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK)	199.46	225.91	(26.45)	(11.7)
3.	Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)	166.89	166.46	0.43	0.3
4.	Pinjaman Pelbagai	383.06	397.40	(14.34)	(3.6)
JUMLAH		**1,895.69**	**1,923.65**	**(27.96)**	**(1.5)**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022
Nota: (*) - Jumlah baki Pinjaman Bekalan Air adalah termasuk Pinjaman Bekalan Air Luar Negeri berjumlah RM1.35 juta

c. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2022 ialah berjumlah RM1.131 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM55.34 juta (5.1%) berbanding RM1.076 bilion pada tahun 2021. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada akhir tahun 2022 berbanding tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 65**.

JADUAL 65
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK HUTANG AWAM
KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	799.43	750.84	48.59	6.5
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK)	101.97	107.55	(5.58)	(5.2)
3.	Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)	113.06	106.33	6.73	6.3
4.	Pinjaman Pelbagai	116.89	111.29	5.60	5.0
JUMLAH		**1,131.35**	**1,076.01**	**55.34**	**5.1**

Sumber: Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah Tahun 2022

10. AKAUN BELUM TERIMA

10.1. Peraturan mengenai Akaun Belum Terima (ABT) dinyatakan dalam AP 89A, yang menghendaki setiap Pegawai Pengawal melaporkan ABT kepada Bendahari Negeri dan salinannya dihantar kepada Jabatan Audit Negara. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP10.6 juga menjelaskan tentang penyelenggaraan dan pelaporan ABT. Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bilangan 7 Tahun 2022 mengenai peraturan penutupan Akaun Tahun Kewangan 2022 menghendaki semua Pegawai Pengawal/Pegawai Perakaunan/Pegawai Pemungut melaporkan ABT pada 31 Disember 2022.

10.2. ABT Kerajaan Negeri terdiri daripada Cukai Tanah, tunggakan hasil Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), tunggakan hasil air, tunggakan pinjaman pendidikan dan hasil-hasil lain. Pada akhir tahun 2022, baki ABT ialah berjumlah RM281.56 juta, iaitu meningkat sebanyak RM7.96 juta (2.9%) berbanding RM273.60 juta pada tahun 2021. Penyumbang utama peningkatan ABT adalah tunggakan Cukai Tanah dan tunggakan sewa rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR). Kedudukan baki ABT pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 66**.

JADUAL 66
KEDUDUKAN BAKI AKAUN BELUM TERIMA
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	JABATAN/PEJABAT/SYARIKAT	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Tanah	160.51	143.10	17.41	12.2
2.	Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)	70.48	69.60	0.88	1.3
3.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.	33.74	33.74	0.00	0.0
4.	Seksyen Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah (SPPNK)	9.99	19.67	(9.68)	(49.2)
5.	Pejabat Daerah	3.99	5.14	(1.15)	(22.4)
6.	Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMBKed)	1.43	1.49	(0.06)	(4.0)
7.	State Secretary Kedah (Incorporated)	1.37	0.79	0.58	73.4
8.	Lain-Lain Jabatan (PKPK, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pertanian)	0.05	0.07	(0.02)	(28.6)
JUMLAH		**281.56**	**273.60**	**7.96**	**2.9**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022

10.3. Tunggakan hasil pejabat tanah menunjukkan peningkatan sebanyak RM17.41 juta (12.2%) kepada RM160.51 juta pada tahun 2022 berbanding RM143.10 juta pada tahun 2021. Pada tahun 2022, semua pejabat tanah mencatatkan peningkatan tunggakan hasil Cukai Tanah iaitu antara 2.4% hingga 44.4%. Pejabat Tanah Kulim mencatatkan peningkatan tunggakan Cukai Tanah paling tinggi iaitu sebanyak RM4.79 juta diikuti dengan Pejabat Tanah Kuala Muda dengan peningkatan sebanyak RM4.40 juta. Kedudukan tunggakan cukai tanah pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 67** manakala analisis pengumuran tunggakan cukai tanah adalah seperti **Jadual 68**.

JADUAL 67
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	PEJABAT TANAH	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kulim	39.68	34.89	4.79	13.7
2.	Kuala Muda	55.64	51.24	4.40	8.6
3.	Kota Setar	18.98	16.23	2.75	16.9
4.	Kubang Pasu	17.53	16.15	1.38	8.5
5.	Langkawi	5.14	3.91	1.23	31.5
6.	Padang Terap	2.99	2.07	0.92	44.4
7.	Pokok Sena	3.18	2.53	0.65	25.7
8.	Baling	5.14	4.55	0.59	13.0
9.	Sik	2.94	2.60	0.34	13.1
10.	Pendang	6.86	6.70	0.16	2.4
11.	Bandar Baharu	0.92	0.79	0.13	16.5
12.	Yan	1.51	1.44	0.07	4.9
JUMLAH		**160.51**	**143.10**	**17.41**	**12.2**

Sumber: Laporan ABT-1

JADUAL 68
ANALISIS PENGUMURAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH

BIL.	PEJABAT TANAH	6 BULAN – 1 TAHUN (RM Juta)	LEBIH 1- 3 TAHUN (RM Juta)	LEBIH 3 – 6 TAHUN (RM Juta)	LEBIH 6 TAHUN (RM Juta)
1.	Kuala Muda	13.88	8.07	5.41	28.29
2.	Kulim	10.26	8.02	9.00	12.40
3.	Kubang Pasu	4.10	1.96	2.31	9.17
4.	Kota Setar	5.31	3.21	1.75	8.71
5.	Pendang	1.15	0.35	0.66	4.70
6.	Padang Terap	0.31	0.32	0.22	2.13
7.	Baling	1.67	0.88	0.65	1.94
8.	Pokok Sena	1.02	0.37	0.24	1.54
9.	Sik	0.83	0.53	0.38	1.21
10.	Langkawi	2.52	0.99	0.88	0.75
11.	Yan	0.37	0.26	0.26	0.61
12.	Bandar Baharu	0.32	0.18	0.09	0.33
JUMLAH		**41.74**	**25.14**	**21.85**	**71.78**

Sumber: Laporan ABT-1

10.4. Tunggakan hasil di Bahagian Perumahan SUK meningkat sebanyak RM0.88 juta (1.3%) kepada RM70.48 juta pada tahun 2022 berbanding RM69.60 juta pada tahun 2021. Tunggakan ini terdiri daripada hasil sewa rumah PPR dan PAKR. Tunggakan hasil PPR mencatatkan peningkatan sebanyak RM1.14 juta, manakala tunggakan hasil PAKR mencatatkan penurunan RM0.26 juta.

10.5. Tunggakan hasil State Secretary Kedah Incorporation (SSI) ialah berjumlah RM1.37 juta iaitu meningkat sebanyak RM0.58 juta (73.4%) berbanding RM0.79 juta pada tahun 2021. Peningkatan ini adalah disebabkan peningkatan tunggakan bayaran sewa oleh sebuah hotel yang bernombor pendaftaran 673306 - M.

10.6. Tunggakan hasil air oleh SADA ialah berjumlah RM33.74 juta tidak berubah berbanding tahun 2021.

10.7. Tunggakan Pinjaman Pendidikan menurun sebanyak RM9.68 juta (49.2%) kepada RM9.99 juta pada tahun 2022 berbanding RM19.67 juta pada tahun 2021. Penurunan ini adalah disebabkan bayaran balik pinjaman dan kelulusan hapus kira tunggakan pinjaman yang berjumlah RM0.66 juta oleh MMK pada tahun 2022 bagi pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dan meninggal dunia.

10.8. Tunggakan hasil Pejabat Daerah (PD) menurun sebanyak RM1.15 juta (22.4%) kepada RM3.99 juta pada tahun 2022 berbanding RM5.14 juta bagi tahun 2021. Pejabat Daerah Kota Setar mencatatkan penurunan tunggakan hasil tertinggi iaitu sebanyak RM0.72 juta diikuti Pejabat Daerah Langkawi dengan penurunan sebanyak RM0.36 juta. Analisis selanjutnya mendapati PD Kota Setar, PD Kuala Muda dan PD Bandar Baharu mencatatkan penurunan tunggakan hasil masing-masing sebanyak 100% berbanding tahun 2021.

10.9. Tunggakan hasil PMBKed merupakan hasil jualan saham Kedah Aquaculture Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai SAMAK Aquaculture Sdn. Bhd.) kepada SKS Realty Sdn. Bhd. berjumlah RM12 juta. Hasil tersebut sepatutnya dibayar kepada Kerajaan Negeri tetapi telah dibayar kepada PMBKed pada tahun 2012. Pada 20 April 2021, PKPK telah bersetuju meluluskan permohonan bayaran ansuran kepada PMBKed. Pada akhir tahun 2022, tunggakan hasil PMBKed menurun sebanyak RM60,000 (4%) kepada RM1.43 juta berbanding RM1.49 juta pada tahun 2021. Penurunan tersebut adalah disebabkan pembayaran ansuran yang dijelaskan oleh PMBKed dalam tahun 2022.

10.10. Semakan Audit mendapati **ABT tahun 2022 telah terkurang lapor berjumlah RM8.98 juta** seperti berikut:

a. Tunggakan Cukai Tanah di Pejabat Tanah (PT) Kuala Muda terlebih lapor sebanyak RM2.07 juta disebabkan berlaku pertindihan hak milik tanah dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB).

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah pada 9 Julai, 26 Julai dan 3 Ogos 2023

PT Kuala Muda akan membuat tindakan sewajarnya bagi ABT tahun 2023. Proses siasatan dan tindakan bagi pembatalan pertindihan hak milik ini akan mengambil masa yang panjang kerana perlu melalui proses di peringkat daerah dan juga pihak PTG sekiranya hak milik tersebut adalah hak milik Pendaftar. Pertindihan ini berlaku apabila geran asal tidak dibatalkan semasa proses pertukaran status tanah menyebabkan wujud dua geran bagi tanah yang sama dalam SPTB. Bagaimanapun, proses pemutihan data tersebut memerlukan masa yang lama kerana melibatkan proses perundangan. PT Kuala Muda telah mengenal pasti hak milik yang bertindih dan telah mengambil tindakan dengan menubuhkan *taskforce* untuk menyelesaikan isu tersebut. Proses ini dijangka selesai sepenuhnya pada Disember 2023.

b. Tunggakan pinjaman di Seksyen Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah (SPPNK) terkurang lapor sebanyak RM9.22 juta disebabkan kesilapan semasa penyediaan laporan ABT keseluruhan oleh PKPK.

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah pada 18 Julai 2023

Berlaku kesilapan dalam Laporan ABT keseluruhan yang disediakan oleh PKPK. ABT yang sepatutnya dilaporkan dalam Penyata Kewangan 2022 ialah berjumlah RM19.21 juta setelah mengambilkira amaun hapus kira sejumlah RM0.66 juta.

c. Tunggakan Duti Hiburan tahun 2022 berjumlah RM1.80 juta melibatkan lima Pejabat Daerah (PD) iaitu PD Kota Setar, PD Langkawi, PD Kuala Muda, PD Kulim dan PD Kubang Pasu tidak dilaporkan sebagai ABT.

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah pada 18 Julai dan 26 Julai 2023

Tunggakan Duti Hiburan tidak dilaporkan kerana jumlah sebenar tunggakan tidak dapat ditentukan disebabkan Penyata Jualan Tiket Wayang hanya dikemukakan oleh pengusaha apabila bayaran Duti Hiburan dibuat. PKPK akan mewujudkan SOP berkaitan penyerahan penyata jualan tiket wayang atau taman tema pada setiap bulan dan akan menetapkan tempoh penyerahan dengan lebih spesifik supaya lebih jelas. Penguatkuasaan pemakaian SOP tersebut akan dilaksanakan pada tahun 2024.

d. Tunggakan pinjaman kenderaan dan bayaran perkhidmatan berjumlah RM31,552.02 bagi empat peminjam tidak dilaporkan sebagai ABT.

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah pada 18 Julai dan 26 Julai 2023

Tindakan pembetulan akan dibuat mulai tahun kewangan 2023.

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri Kedah adalah stabil pada tahun 2022. Namun begitu, menunjukkan penurunan berbanding tahun 2021 berdasarkan faktor-faktor berikut:

11.1. Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2022 menurun sebanyak RM21.92 juta (4.4%) kepada RM475.66 juta berbanding RM497.58 juta pada tahun 2021;

11.2. Akaun Hasil Disatukan menunjukkan kurangan semasa berjumlah RM11.37 juta. Kutipan hasil pada tahun 2022 berjumlah RM596.17 juta, iaitu menurun sebanyak RM91.87 juta (13.4%) berbanding RM688.04 juta pada tahun 2021;

11.3. baki Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2022 menurun sebanyak RM10.55 juta (1.1%) kepada RM977.05 juta berbanding RM987.60 juta pada tahun 2021;

11.4. baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2022 menurun sebanyak RM21.51 juta (11%) kepada RM173.14 juta berbanding RM194.65 juta pada tahun 2021 manakala tunggakan bayaran balik pinjaman meningkat sebanyak RM3.54 juta kepada RM83.07 juta berbanding RM79.53 juta pada tahun 2021; dan

11.5. baki Hutang Awam Kerajaan Negeri pada tahun 2022 menurun sebanyak RM27.96 juta (1.5%) kepada RM1.896 bilion berbanding RM1.924 bilion pada tahun 2021. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam oleh Kerajaan Negeri meningkat sebanyak RM55.34 juta kepada RM1.131 billion berbanding RM1.076 bilion pada tahun 2021.

12. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkat dan memperkukuhkan lagi prestasi kewangan, Kerajaan Negeri disyorkan untuk mempertimbangkan perkara seperti berikut:

12.1. meneroka hasil-hasil baharu daripada hasil bumi, pertanian, perindustrian dan perkhidmatan agar pendapatan Kerajaan Negeri dapat dipertingkatkan dan seterusnya menambahbaik prestasi Akaun Hasil Disatukan;

12.2. mempertingkatkan usaha untuk memungut semua tunggakan hasil bagi mengurangkan ABT secara tidak langsung meningkatkan hasil Kerajaan Negeri;

12.3. menyediakan anggaran belanjawan yang lebih realistik dengan mengambil kira kedudukan kewangan semasa Kerajaan Negeri;

12.4. mengekalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan negeri Kedah; dan

12.5. memastikan piawaian perakaunan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi supaya pengurusan kewangan Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berkesan.

BAHAGIAN III

Penyerahan, Pengesahan Dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri Kedah

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI KEDAH

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Perenggan 5(1)(c) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri Kedah dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.

- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit?

Setakat 31 Ogos 2023, sebanyak lapan BBN, satu MAI dan 11 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 untuk diaudit. Daripada 20 agensi yang telah mengemukakan penyata kewangan, hanya 19 agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 Jun 2023. Sebanyak satu BBN mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2023 dengan kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri.

- Setakat 31 Ogos 2023, empat penyata kewangan agensi telah disahkan, manakala 16 penyata kewangan agensi yang telah diterima masih dalam proses pengauditan dan belum disahkan.

Apa yang disyorkan Audit?

- Pihak Audit mengesyorkan supaya agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan boleh diaudit (auditable) mengikut tempoh yang ditetapkan.

- Agensi perlu memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI KEDAH

FAKTA UTAMA

PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2022	Bilangan Agensi Negeri		Pengesahan Akaun	
	10	Badan Berkanun Negeri	**4**	Telah Disahkan
	11	Pihak Berkuasa Tempatan	**16**	Belum Disahkan
	1	Majlis Agama Islam	**2**	Belum Diterima

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2023, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 22 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2022. Penyata kewangan agensi negeri pada tahun 2022 terdiri daripada 10 BBN, 11 PBT dan satu MAI. BBN ditubuhkan mengikut Enakmen/Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, PBT pula ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] manakala MAI ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (pindaan 2015).

2.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi satu MAI, empat BBN dan satu PBT manakala baki 16 penyata kewangan agensi lagi dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Subseksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

2.3. Pengauditan penyata kewangan tahun 2022 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) bagi memastikan pengauditan adalah berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Kesemua agensi perlu mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu sebelum atau pada 30 Jun 2023. Setakat 31 Ogos 2023, lapan BBN, satu MAI dan 11 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 untuk diaudit. Sebanyak 19 agensi dapat mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu terdiri daripada tujuh BBN, satu MAI dan 11 PBT. Satu BBN iaitu Lembaga Maktab Mahmud Kedah telah mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2023 dengan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Dua BBN iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dan Yayasan Islam Negeri Kedah belum mengemukakan penyata kewangan. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2022 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	19.04.2023
2.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Negeri Kedah	25.04.2023
3.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	25.04.2023
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	25.04.2023
5.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	27.04.2023
6.	Majlis Sukan Negeri Kedah	30.04.2023
7.	Perbadanan Stadium Negeri Kedah	07.05.2023
8.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	12.07.2023
9.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	Belum Terima
10.	Yayasan Islam Negeri Kedah	Belum Terima
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	30.04.2023
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Perbandaran Kulim	05.04.2023

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
2.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	18.04.2023
3.	Majlis Bandaraya Alor Setar	20.04.2023
4.	Majlis Daerah Padang Terap	27.04.2023
5.	Majlis Daerah Sik	27.04.2023
6.	Majlis Daerah Baling	30.04.2023
7.	Majlis Daerah Bandar Baharu	30.04.2023
8.	Majlis Daerah Pendang	30.04.2023
9.	Majlis Daerah Yan	30.04.2023
10.	Majlis Perbandaran Kubang Pasu	30.04.2023
11.	Majlis Perbandaran Langkawi	14.05.2023

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mestilah lengkap dan boleh audit. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan boleh audit akan menyebabkan Sijil Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.1. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah Financial Reporting Standards (FRS)/Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS). Pemakaian MFRS adalah tertakluk kepada undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) dan Piawaian Perakaunan Islam Bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969. Salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi bagi tahun kewangan 2022 adalah seperti dalam **Jadual 2.**

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN
OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2022

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)	0
2.	Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)/Financial Reporting Standards (FRS)	0
3.	Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	22
JUMLAH		**22**

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

4.3. Bagi Majlis Agama Islam Negeri Kedah, penyediaan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 masih mengguna pakai dasar pengukuran dan pengiktirafan MPSAS kecuali pembentangan dan persembahan penyata kewangan serta aset yang mengguna pakai PPIBZW. PPIBZW berkenaan Pembentangan Penyata Kewangan telah dikeluarkan oleh JANM pada 23 Februari 2021 bagi fasa 1 manakala bagi fasa 2 khusus kepada aset dikeluarkan pada 18 Februari 2022.

5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan ISSAI yang menetapkan sebanyak dua jenis pendapat audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

5.1.2. Perenggan Hal-Hal Lain

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

5.1.3. Perenggan Perkara Utama Audit

Perenggan Perkara Utama Audit merupakan perenggan yang meliputi isu material yang diaudit dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus. Perenggan Perkara Utama Audit menunjukkan ketelusan dalam pengauditan yang telah dijalankan melalui Sijil Audit.

5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (material misstatement) atau juruaudit menghadapi kekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan dan Penafian Pendapat seperti berikut:

5.2.1. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

5.2.2. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

5.2.3. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2023, empat penyata kewangan agensi telah disahkan, manakala 16 penyata kewangan agensi yang telah diterima masih dalam proses pengauditan dan pensijilan. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat audit yang diberikan bagi tahun 2018 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 3.**

JADUAL 3
KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI PENYATA KEWANGAN AGENSI DARI TAHUN 2018 HINGGA 2022

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN (Bil. Penyata Kewangan)				
		2018	2019	2020	2021	2022
1.	Pendapat Tanpa Teguran	19	12	16	15	4
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara	0	1	1	1	0
3.	Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara dan Perenggan Hal-Hal Lain	0	0	1	0	0
4.	Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Perkara Utama Audit	0	0	0	0	0
5.	Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Hal-Hal Lain	2	0	1	2	0
6.	Pendapat Berteguran	2	9	4	4	0
7.	Pendapat Bertentangan	0	1	0	0	0
8.	Penafian Pendapat	0	0	0	0	0
JUMLAH		**23**	**23**	**23**	**22**	**4***

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018 hingga 2022
Nota: (*) - Kedudukan setakat 31 Ogos 2023

5.4. Status pengauditan penyata kewangan bagi kesemua 22 agensi negeri bagi tahun 2022 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
STATUS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

BIL.	AGENSI	STATUS PENGAUDITAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	Dalam proses pengauditan
2.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	
3.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	
4.	Majlis Sukan Negeri Kedah	Selesai pengauditan dan dalam proses pensijilan
5.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Negeri Kedah	
6.	Perbadanan Stadium Negeri Kedah	
7.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	Telah disahkan
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	Selesai pengauditan dan dalam proses pensijilan
9.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	Penyata kewangan masih belum diterima oleh pihak JAN. Pihak agensi dalam proses memuktamadkan penyata kewangan
10.	Yayasan Islam Negeri Kedah	
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	Pemerhatian Audit telah dikeluarkan dan maklum balas belum diterima
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Daerah Yan	Selesai pengauditan dan dalam proses pensijilan
2.	Majlis Daerah Pendang	
3.	Majlis Perbandaran Kubang Pasu	
4.	Majlis Perbandaran Langkawi	
5.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	
6.	Majlis Bandaraya Alor Setar	
7.	Majlis Daerah Baling	
8.	Majlis Daerah Bandar Baharu	
9.	Majlis Daerah Padang Terap	Telah disahkan
10.	Majlis Daerah Sik	
11.	Majlis Perbandaran Kulim	

Sumber: Jabatan Audit Negara
Nota: Kedudukan setakat 31 Ogos 2023

5.5. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2022

5.5.1. Setakat 31 Ogos 2023, empat penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 yang telah selesai diaudit dan disahkan serta diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran.

5.6. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2021

5.6.1. LKAN Tahun 2021 mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Negeri Kedah Tahun 2021 yang dibentangkan di Dewan Rakyat (6 Oktober 2022) dan Dewan Undangan Negeri (13 Mac 2023) telah melaporkan status Sijil Ketua Audit Negara bagi lapan penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Hal ini kerana baki 14 penyata kewangan agensi negeri masih belum disahkan semasa LKAN dimuktamadkan pada 31 Ogos 2022.

5.6.2. Setakat 31 Ogos 2023, kesemua penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah selesai diaudit dan disahkan. Status Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan terhadap 22 penyata kewangan tersebut ialah 15 agensi negeri diberikan Pendapat Tanpa Teguran; satu agensi diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara; dua agensi diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Hal-hal Lain; manakala empat agensi diberikan Pendapat Berteguran. Analisis terperinci terhadap Sijil Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Agensi tahun 2021 bagi Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara, Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Hal-hal Lain dan Pendapat Berteguran adalah seperti dalam **Jadual 5.**

JADUAL 5
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA, PERENGGAN HAL-HAL LAIN DAN PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2021

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA		
1.	Majlis Perbandaran Langkawi (MPL)	i. Merujuk Nota 9 kepada Penyata Kedudukan Kewangan, baki Geran Tertunda bagi 4 unit Tanah Pajakan yang diterima daripada Kerajaan Negeri bernilai RM5.95 juta telah dibuat pelarasan ke Kumpulan Wang Majlis. Nilai Tanah Pajakan tersebut telah diperoleh sekian lama berdasarkan amaun nilaian semula, namun rekod penilaian tidak ditemui. Perkara ini menyebabkan risiko ketidakpastian terhadap amaun pelarasan yang dibuat, sama ada terkurang atau terlebih nyata. ii. MPSAS 17, perenggan 30 menghendaki kos bagi item Hartanah, Loji Dan Peralatan mengambil kira elemen kos langsung bagi menyiapkan aset tersebut sehinggalah boleh digunakan. Merujuk kepada Nota 7 kepada Penyata Kedudukan Kewangan mengenai Hartanah Infrastruktur, didapati kadar yang digunakan oleh MPL dalam pengiraan kos semasa bagi kadar pembinaan jalan adalah berdasarkan kos pembinaan tar jalan sahaja. Oleh itu, kadar yang digunakan dalam pengiraan kos semasa di Penyata Kewangan adalah rendah berbanding kadar sepatutnya. Ini menyebabkan nilai Hartanah Infrastruktur yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan tidak menggambarkan nilai bawaan semasa aset.
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN HAL-HAL LAIN		
1.	Majlis Perbandaran Kubang Pasu (MPKP)	MPKP perlu memastikan ketepatan penyediaan jadual sokongan aset infrastruktur. Dokumen ini merupakan sokongan kepada angka-angka yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan.
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK)	PKNK hendaklah mengambil tindakan terhadap kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan yang melibatkan transaksi antara unit-unit ladang Perbadanan dan pihak berkaitan. Tindakan perlu diambil untuk mengenal pasti dan membuat pelarasan terhadap perbezaan baki penghutang dan pemiutang yang tertunggak serta tiada pergerakan. Rekod kewangan hendaklah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini untuk memudahkan tindakan susulan dan pemantauan dibuat.
PENDAPAT BERTEGURAN		
1.	Majlis Daerah Baling (MDB)	**i. Keuntungan Daripada Nilaian Semula Aset Tanah** Nota 2.4 Kepada Penyata Kewangan MDB menetapkan polisi pengukuran Hartanah, Loji dan Peralatan mengguna pakai model kos. Merujuk kepada Prestasi Kewangan, MDB telah merekodkan Keuntungan Daripada Nilaian Semula Aset Tanah (Hasil) berjumlah RM14.89 juta. Termasuk dalam keuntungan ini adalah keuntungan penilaian bagi tanah yang telah mempunyai kos asal berjumlah RM2.55 juta, keuntungan penilaian bagi tanah yang telah memperoleh hak milik pada tahun 2019 sebanyak RM6.17 juta dan penilaian berjumlah RM6.17 juta bagi dua bidang tanah pajakan yang diterima daripada Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) melalui pembelian secara kaedah tukar ganti 15 unit rumah kedai milik MDB dengan tiga bidang tanah milik KEDA. Semakan lanjut terhadap pembelian tiga bidang tanah milik KEDA yang telah diperoleh secara kaedah tukar ganti dengan 15 unit rumah kedai milik MDB mendapati hanya dua bidang tanah pajakan No. Hak Milik HSM 41 (PT2428) dan HSM 62 (PT2437) telah direkodkan dalam Penyata Kewangan, manakala satu bidang tanah belum memperoleh hak milik dan belum direkodkan dalam Penyata Kewangan. Nilai Buku Bersih bagi 15 unit rumah kedai tersebut adalah sebanyak RM0.70 juta. Tertakluk kepada terma dan syarat lain pembelian, Nilai Buku Bersih bagi 15 unit rumah kedai tersebut sepatutnya diambil kira sebagai kos tanah.

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
		ii. Keuntungan Daripada Nilaian Bangunan Merujuk kepada Penyata Prestasi Kewangan, Keuntungan Daripada Nilaian Bangunan (Hasil) adalah berjumlah RM2.52 juta. Termasuk dalam jumlah ini penjejasan nilai bangunan yang direkodkan secara ofset berjumlah RM69,073, keuntungan penilaian bagi bangunan/rumah kedai yang telah mempunyai kos asal berjumlah RM2.38 juta, keuntungan atas penilaian rumah kedai yang telah memperoleh hak milik pada tahun 2019 berjumlah RM1.32 juta dan kerugian selepas penilaian rumah kedai yang dibina atas tanah milik KEDA berjumlah RM1.11 juta. Perkara ini menyebabkan Hasil terlebih nyata sejumlah RM2.52 juta, Belanja Rosot Nilai terkurang nyata sebanyak RM69,073 dan Hartanah, Loji dan Peralatan terlebih nyata sejumlah RM1.27 juta. **iii. Kerugian Daripada Nilaian Aset (Geran)** Merujuk kepada Penyata Prestasi Kewangan, terdapat Kerugian Daripada Nilaian Aset (Geran) sebanyak RM1.17 juta. MDB telah merekodkan pelarasan ini disebabkan penilaian semula tanah dan bangunan yang diperoleh melalui Geran Kerajaan. Hal ini telah menyebabkan Belanja terlebih nyata sejumlah RM1.17 juta dan Geran Tertunda terlebih nyata sejumlah RM1.17 juta.
2.	Majlis Daerah Bandar Baharu (MDBB)	Merujuk kepada Penyata Kedudukan Kewangan dan Nota 7 kepada Penyata Kewangan, Hartanah, Loji dan Peralatan adalah berjumlah RM107.03 juta. Terdapat kesilapan merekod Nilai Buku Bersih Kenderaan/Mesin, Tanah dan Aset Infrastruktur yang dinyatakan dalam Nota 7 berbanding Senarai Aset tahun 2021 yang betul dengan perbezaan sebanyak RM17.37 juta. Hartanah, Loji dan Peralatan tersebut sepatutnya dinyatakan sebanyak RM89.66 juta. Ini menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan terlebih nyata sebanyak RM17.37 juta dan Kumpulan Wang terlebih nyata dengan jumlah yang sama. Kesilapan ini juga memberi kesan salah nyata kepada Penyata Aset Bersih/Ekuiti.
3.	Majlis Sukan Negeri Kedah (MSNK)	i. Merujuk kepada kepada Penyata Kedudukan Kewangan, MSNK tidak merekodkan Pendahuluan Pelbagai Belum Terima di bawah Aset Semasa pada 31 Disember 2021. Pendahuluan Pelbagai bagi program yang belum diselesaikan sehingga 31 Disember 2021 bagi 52 program di bawah seliaan Pegawai Penyelaras Sukan berjumlah RM216,966. Pendahuluan tersebut merupakan bayaran perbelanjaan yang didahulukan oleh MSNK pada tahun 2021 dan akan diselesaikan pada tahun 2022. Ini menyebabkan Aset Semasa MSNK dan Liabiliti Semasa pada 31 Disember 2021 terkurang nyata sejumlah RM216,966. ii. Merujuk kepada Nota 7 kepada Penyata Kewangan, Hartanah, Loji dan Peralatan, nilai buku bersih Peralatan Unit Sains Sukan pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM195,233. Terdapat Peralatan Unit Sains Sukan bernilai RM77,100 tidak direkodkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan. Aset tersebut telah diterima pada 13 April 2021 dan telah didaftarkan sebagai harta modal MSNK. Ini menyebabkan nilai buku bersih Hartanah, Loji dan Peralatan terkurang nyata sejumlah RM71,317.50 dan belanja susut nilai terkurang nyata sejumlah RM5,782.50. iii. Merujuk kepada Nota 9 kepada Penyata Kewangan, Akaun Belum Bayar pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM771,901. Termasuk dalam amaun tersebut adalah Peralatan sukan e-sport berjumlah RM45,756 yang telah diakaunkan sebagai Akaun Belum Bayar pada tahun 2021. Semakan mendapati tarikh Pesanan Kerajaan ialah pada 4 Januari 2022. Perkara ini telah menyebabkan baki Akaun Belum Bayar dan Akaun Alat-alat Sukan dan Olahraga di bawah Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan terlebih nyata berjumlah RM45,756.

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
4.	Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK)	i. Merujuk kepada Nota 24 kepada Penyata Kewangan, Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran YINK pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM12.46 juta (2020: RM4.29 juta). Termasuk dalam amaun tersebut adalah Hasil Balak sejumlah RM10.73 juta yang merupakan keuntungan projek usahasama antara YINK dengan tiga syarikat untuk mengusahakan kerja-kerja membalak di mana Yayasan merupakan pemegang permit. Transaksi ini hanya direkod berdasarkan maklumat yang tertera dalam surat tawaran selepas ditolak kos-kos berkaitan. Jumlah keuntungan yang direkodkan juga adalah berdasarkan anggaran keuntungan keseluruhan projek. Ini menyebabkan Hasil Balak telah terlebih nyata sejumlah RM10.73 juta. ii. Merujuk kepada Nota 15 kepada Penyata Kewangan, Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari berjumlah RM11.53 juta (2020: RM11.53 juta). Sejak tahun 2018, didapati pelaburan Yayasan dalam syarikat subsidiari, Yiked Holdings Sdn. Bhd. dan Yiked Niaga Sdn. Bhd. menunjukkan penurunan nilai bersih ("net worth") dan tiada sebarang peruntukan rosot nilai dibuat. Nilai semasa pelaburan sehingga 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM6.37 juta, YINK tidak membuat peruntukan rosot nilai terhadap Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari berjumlah RM5.16 juta. Ini menyebabkan Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari terlebih nyata berjumlah RM5.16 juta. iii. Merujuk kepada Nota 24 kepada Penyata Kewangan, Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran pada 31 Disember 2021 bernilai RM12.46 juta (2020: RM4.29 juta). Pengiktirafan keuntungan atas jualan saham adalah merupakan keuntungan atau kerugian pengukuran semula Aset Kewangan Sedia Dijual. Semakan Audit mendapati keuntungan atas jualan saham belum realis berjumlah RM0.67 juta direkodkan dalam Penyata Prestasi Kewangan. Ini menyebabkan Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran terlebih nyata berjumlah RM0.67 juta dan Penyata Perubahan Ekuiti terkurang nyata dengan amaun yang sama. iv. Merujuk kepada Nota 18 kepada Penyata Kewangan, Urusniaga Pertukaran Belum Bayar pada 31 Disember 2021 bernilai RM19.44 juta (2020: RM16.30 juta). Termasuk dalam Urusniaga Pertukaran Belum Bayar adalah akaun pelbagai pemiutang peminjam pelajaran berjumlah RM0.50 juta yang merupakan modal saham yang dikeluarkan dari Aset Kewangan Sedia Dijual. Hal ini menyebabkan Pelbagai Pemiutang dan Aset Kewangan Sedia Dijual terlebih nyata sebanyak RM0.50 juta. v. Merujuk kepada Nota 16 kepada Penyata Kewangan, Aset Kewangan Sedia Dijual pada 31 Disember 2021 adalah Saham Siar Harga yang bernilai RM6.29 juta (2020: RM6.58 juta). Nilai pasaran semasa Saham Siar Harga pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM6.62 juta. Terdapat perbezaan sebanyak RM330,000. Ini telah menyebabkan nilai aset kewangan sedia dijual pada 31 Disember 2021 telah terkurang nyata sebanyak RM330,000.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Agensi Tahun 2021

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan BBN telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta Sijil Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], satu salinan penyata kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan PBT dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

6.2. Sebanyak 14 agensi telah membentangkan penyata kewangan tahun 2021 yang telah disahkan di Dewan Undangan Negeri. Penyata Kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah tidak perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah tetapi hanya disiarkan dalam warta mengikut perenggan 35(2) Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman 2015. Tarikh pembentangan bagi 14 penyata kewangan agensi tersebut adalah seperti dalam **Jadual 6.**

JADUAL 6
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2021 YANG TELAH DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 JULAI 2023

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
1.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	30.10.2022
2.	Majlis Bandaraya Alor Setar	13.03.2023
3.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	13.03.2023
4.	Majlis Perbandaran Langkawi	13.03.2023
5.	Majlis Perbandaran Kulim	13.03.2023
6.	Majlis Perbandaran Kubang Pasu	13.03.2023
7.	Majlis Daerah Baling	13.03.2023
8.	Majlis Daerah Pendang	13.03.2023
9.	Majlis Daerah Yan	13.03.2023
10.	Majlis Daerah Sik	13.03.2023
11.	Majlis Daerah Padang Terap	13.03.2023
12.	Majlis Daerah Bandar Baharu	13.03.2023
13.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	13.03.2023
14.	Yayasan Islam Negeri Kedah	13.03.2023

Sumber: Minit Persidangan Kali Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Kedah Keempat Belas Tahun 2022 dan Minit Persidangan Kali Pertama Penggal Keenam Dewan Undangan Negeri Kedah Keempat Belas Tahun 2023.

6.3. Selain itu, terdapat juga penyata kewangan tahun 2019 yang belum dibentangkan di DUN melibatkan satu BBN iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah.

7. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, setakat 31 Ogos 2023 empat penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah disahkan, 16 penyata kewangan dalam proses pengauditan dan pensijilan manakala dua penyata kewangan masih belum diterima.

8. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif oleh Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan yang berkuat kuasa. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

8.1. agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan boleh diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan; dan

8.2. agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.

BAHAGIAN IV

Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Kedah

BAHAGIAN IV
PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI KEDAH

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan dan agensi negeri Kedah dilaksanakan terhadap sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilakukan terhadap setiap jabatan dan agensi negeri.

- Pengauditan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam.

- Sebanyak dua pengauditan pematuhan telah dilaksanakan melibatkan satu jabatan dan satu agensi di Negeri Kedah. Laporan pengauditan pematuhan yang memenuhi kriteria 3P1K dilaporkan seperti berikut:

  a. Pembayaran Kontrak Perkhidmatan di Pejabat Agama Daerah Yan, Negeri Kedah; dan

  b. Kutipan Hasil Projek Usaha Sama di Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK);

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan dan agensi negeri dilaksanakan untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Apa yang ditemui?

- **Pembayaran Kontrak Perkhidmatan di Pejabat Agama Daerah Yan, Negeri Kedah**

  - pembayaran tanpa dokumen sokongan yang lengkap berjumlah RM174,460;

  - penalti berjumlah RM17,435 tidak dikenakan atas kegagalan menjalankan rondaan dan *clocking*; dan

- penalti berjumlah RM2,496 tidak dikenakan atas kegagalan menyediakan kelengkapan dan peralatan.

- **Kutipan Hasil Projek Usaha Sama di Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK)**

  - tunggakan hasil Projek Konsesi Balak berjumlah RM3.04 juta.

Apa yang disyorkan Audit

- **Pembayaran Kontrak Perkhidmatan di Pejabat Agama Daerah Yan, Negeri Kedah**

  Pejabat Agama Daerah Yan, Negeri Kedah hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:

  - menyemak dan mengesahkan ketepatan bayaran serta dokumen sokongan adalah lengkap sebelum sesuatu bayaran dibuat bagi mengelak berlakunya pembayaran tidak wajar;

  - penalti hendaklah dikenakan bagi setiap perkhidmatan atau bekalan yang gagal disempurnakan; dan

  - mempertingkatkan pemantauan bagi memastikan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh syarikat mengikut terma dan syarat yang telah dipersetujui dalam dokumen kontrak.

- **Kutipan Hasil Projek Usaha Sama di Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK)**

  YINK hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:

  - kontrak perlu ditandatangani antara YINK dan pihak syarikat pembalak dalam tempoh yang ditetapkan bagi menjamin kepentingan kedua pihak; dan

  - meningkatkan pemantauan terhadap hasil yang sepatutnya dikutip mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Surat Tawaran.

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/ AGENSI NEGERI KEDAH

PENGENALAN

1.1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan dan Negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan dan agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam.

1.2. Pada tahun 2022, dua pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap satu jabatan negeri dan satu badan berkanun negeri seperti dalam **Jadual 1**. Justifikasi pemilihan tajuk dibuat berdasarkan kelemahan dalam aspek kutipan hasil dan pembayaran jabatan negeri serta dan agensi yang berisiko tinggi.

JADUAL 1
SENARAI PENGAUDITAN PEMATUHAN TAHUN 2022

BIL.	TAJUK PEMATUHAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
1.	Pembayaran Kontrak Perkhidmatan	• Pejabat Agama Daerah Yan, Negeri Kedah
2.	Kutipan Hasil Projek Usaha Sama	• Yayasan Islam Negeri Kedah

Sumber: Jabatan Audit Negara

PEJABAT AGAMA DAERAH YAN, NEGERI KEDAH

- Pembayaran Kontrak Perkhidmatan

PEJABAT AGAMA DAERAH YAN, NEGERI KEDAH

PEMBAYARAN KONTRAK PERKHIDMATAN

PEMBAYARAN KONTRAK PERKHIDMATAN

2 Kontrak Keselamatan

2 Syarikat

RM338,428
Nilai Keseluruhan Kontrak

APA YANG BERLAKU

RM174,460
Pembayaran Tanpa Dokumen Sokongan yang Lengkap

RM17,435
Penalti Tidak Dikenakan Atas Kegagalan Menjalankan Rondaan dan *Clocking*.

RM2,496
Penalti Tidak Dikenakan Atas Kegagalan Menyediakan Kelengkapan dan Peralatan

OBJEKTIF PENGAUDITAN

Menentukan sama ada pembayaran kontrak diuruskan dengan teratur selaras dengan peraturan kewangan dan terma kontrak yang berkuat kuasa.

RUMUSAN

"Kelemahan kawalan dalaman dan pemantauan terhadap pembayaran kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan, menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terpelihara dan berlaku pembayaran tidak wajar yang memberi kerugian kepada Kerajaan Negeri."

3 SYOR AUDIT

PEJABAT AGAMA DAERAH YAN, NEGERI KEDAH

1. PEMBAYARAN KONTRAK PERKHIDMATAN

FAKTA UTAMA

2 Bilangan Kontrak	**RM338,428** Nilai Keseluruhan Kontrak	**RM82,130** Pembayaran Kontrak Tahun 2022 Melibatkan 2 Kontrak Perkhidmatan
Perihal Kontrak	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pejabat Agama Daerah Yan bertanggungjawab melaksana dan menyelaras fungsi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri di daerah. Selain itu, Pejabat Agama Daerah Yan perlu mengurus pentadbiran nikah, cerai dan rujuk serta hal ehwal kekeluargaan.

1.2. Pada tahun 2022, Pejabat Agama Daerah Yan telah menguruskan kontrak keselamatan bernilai RM338,428 yang melibatkan dua syarikat perkhidmatan kawalan keselamatan. Pemilihan kontraktor telah dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) manakala dokumen kontrak disediakan oleh Pejabat Agama Daerah Yan. Kontrak telah ditandatangani antara Pejabat Agama Daerah Yan dan pihak syarikat. Butiran Kontrak seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SENARAI KONTRAK PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN

BIL.	PERIHAL KONTRAK	TEMPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK	BAYARAN TETAP BULANAN (RM)
1.	**Syarikat 480525-M/** Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	01.01.2020 - 31.01.2022	174,460.00	6,978.40
	Syarikat 197162-P/ Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	01.02.2022 - 31.01.2024	163,968.00	6,832.00
JUMLAH			**338,428.00**	**13,810.40**

Sumber: Pejabat Agama Daerah Yan

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menentukan sama ada pembayaran kontrak yang diuruskan oleh Pejabat Agama Daerah Yan adalah teratur selaras dengan peraturan kewangan dan terma kontrak yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini dilaksanakan terhadap Perkhidmatan Kawalan Keselamatan yang diurus oleh Unit Pentadbiran dan Kewangan, Pejabat Agama Daerah Yan. Skop pengauditan meliputi dokumen perjanjian yang masih berkuat kuasa bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 dengan nilai keseluruhan perjanjian berjumlah RM338,428.

3.2. Pemeriksaan Audit telah dijalankan terhadap arahan pembayaran, dokumen perjanjian dan laporan kawalan keselamatan di Pejabat Agama Daerah Yan. Selain itu, lawatan fizikal dan temu bual bersama penyelia syarikat serta pegawai Pejabat Agama Daerah Yan yang bertanggungjawab juga turut diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Mac 2023. Maklum balas daripada Pejabat Agama Daerah Yan telah diterima pada 22 dan 28 Julai 2023. Perkara yang ditemui dan maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 26 Jun 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Pembayaran Tanpa Dokumen Sokongan yang Lengkap Berjumlah RM174,460

4.1.1. Arahan Perbendaharaan (AP) 99(a) menyatakan semua baucar atau baucar elektronik hendaklah disokong dengan dokumen yang lengkap untuk membolehkan ianya disemak tanpa merujuk kepada apa-apa dokumen selain daripada yang dikembarkan padanya. AP 99(e)(i) pula menyatakan baucar bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna.

4.1.2. Mengikut Klausa 5.2 Perjanjian Kawalan Keselamatan berkaitan Bayaran Perkhidmatan menghendaki syarikat mengemukakan jumlah tuntutan bayaran perkhidmatan bagi setiap bulan selepas perkhidmatan dilaksanakan berserta dokumen lengkap kepada Kerajaan tidak lewat dari 10hb bagi setiap bulan kalendar.

4.1.3. Mengikut Klausa 10.1 Perjanjian Kawalan Keselamatan berkaitan Perkhidmatan, perenggan (I)(iii) pengawal keselamatan hendaklah membuat rondaan, tinjauan dan pemerhatian serta membuat *clocking* dengan menggunakan sistem *watchman clock* atau *guard tour* setiap satu jam sekali di tempat-tempat yang ditetapkan. Selain itu berdasarkan Jadual 3, pengawal keselamatan perlu membuat rondaan bermula jam 12.00 malam hingga 8.00 pagi.

4.1.4. Bagi tahun 2020 hingga 2022, Pejabat Agama Daerah Yan telah membuat 23 bayaran berjumlah RM174,460 kepada Syarikat 480525-M. Semakan Audit selanjutnya mendapati **pembayaran dibuat tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Laporan *watchman clock* tidak dikepilkan bersama arahan pembayaran sebagai dokumen sokongan bagi membuktikan rondaan kawalan keselamatan dilaksanakan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian**. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan skop perkhidmatan yang sepatutnya dilaksanakan iaitu *clocking* telah dilaksanakan. Arahan pembayaran yang terlibat seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMBAYARAN TANPA DOKUMEN SOKONGAN YANG LENGKAP

BIL.	NO./TARIKH ARAHAN PEMBAYARAN	PERIHAL BAYARAN	JUMLAH (RM)
TAHUN 2020			
1.	20EUBB0400029/24.02.2020	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan Januari	6,978.40
2.	20EUBB0400034/10.03.2020	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan Februari	6,978.40
3.	20EUBB0400061/12.04.2020	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan Mac	6,978.40
4.	20EUBB0400077/14.05.2020	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan April	6,978.40
5.	20EUBB0400080/17.06.2020	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan Mei	6,978.40
6.	20EUBB0400102/15.07.2020	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan Jun	6,978.40
7.	20EUBB0400118/17.08.2020	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan Julai	6,978.40
8.	20EUBB0400142/07.09.2020	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan Ogos	6,978.40
9.	20EUBB0400155/13.10.2020	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan September	6,978.40
10.	20EUBB0400177/10.11.2020	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan Oktober	6,978.40
11.	20EUBB0400191/06.12.2020	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan November dan Disember	13,956.80
TAHUN 2021			
12.	21EUBB0400002/10.02.2021	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan Januari	6,978.40
13.	21EUBB0400020/05.04.2021	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan Februari	6,978.40
14.	21EUBB0400031/10.02.2021	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan Mac	6,978.40
15.	21EUBB0400068/06.05.2021	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan April	6,978.40

BIL.	NO./TARIKH ARAHAN PEMBAYARAN	PERIHAL BAYARAN	JUMLAH (RM)
TAHUN 2020			
16.	21EUBB0400081/10.06.2021	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan Mei	6,978.40
17.	21EUBB0400089/13.07.2021	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan Jun	6,978.40
18.	21EUBB0400093/16.08.2021	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan Julai	6,978.40
19.	21EUBB0400104/12.09.2021	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan Ogos	6,978.40
20.	21EUBB0400119/06.10.2021	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan September	6,978.40
21.	21EUBB0400081/03.11.2021	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan Oktober	6,978.40
22.	21EUBB0400154/08.12.2021	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan November dan Disember	13,956.80
TAHUN 2022			
23.	22EUBB0400006/07.02.2022	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bulan Januari	6,978.40
JUMLAH			**174,460.00**

Sumber: Arahan Pembayaran Pejabat Agama Daerah Yan

4.1.5. Perkara ini berlaku kerana pegawai bertanggungjawab tidak menyemak terma dan syarat pembayaran yang telah ditetapkan dalam kontrak dengan memastikan dokumen sokongan adalah lengkap dan mencukupi serta perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat adalah sempurna sebelum bayaran dibuat. Pembayaran tanpa dokumen sokongan yang lengkap menyebabkan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh syarikat tidak dapat disahkan kesempurnaannya.

Maklum Balas Pejabat Agama Daerah Yan pada 28 Jun 2023

Pihak Pejabat Agama Daerah Yan cuba menghubungi Syarikat 480525-M di cawangan Jitra, Kedah untuk meminta buku laporan kawalan syarikat tersebut. Namun, gagal kerana penyelia yang berkhidmat di syarikat tersebut telah berhenti. Pihak Pejabat Agama Daerah Yan juga dimaklumkan bahawa pejabat syarikat di cawangan Jitra, Kedah telah ditutup.

Pernyataan Audit | **Pembayaran yang dibuat tanpa dokumen sokongan yang lengkap berjumlah RM174,460 adalah pembayaran tidak wajar.**

4.2. Penalti berjumlah RM17,435 Tidak Dikenakan Atas Kegagalan Menjalankan Rondaan dan *Clocking*

4.2.1. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP 10.3, pembayaran tidak wajar ialah pembayaran yang dibuat dengan tidak sewajarnya sama ada dari segi bertentangan dengan peruntukan undang-undang, peraturan atau tidak mengikut syarat-syarat, kaedah atau tatacara yang ditetapkan bagi sesuatu pembayaran. Lampiran A pekeliling yang sama menyatakan perkara yang ditafsirkan sebagai pembayaran tidak wajar termasuk apa-apa bayaran yang disahkan yang mengakibatkan pembayaran lebih atau pembayaran dua kali.

4.2.2. Mengikut Jadual 6 (Tolakan) dalam Perjanjian kontrak keselamatan menyatakan sekiranya pengawal keselamatan tidak menjalankan rondaan dan *clocking* (termasuk kelewatan melaksanakan rondaan dan clocking) di tempat-tempat yang telah ditetapkan, penalti kepada syarikat perlu dikenakan berdasarkan formula seperti berikut:

Bil. Kegagalan * X [20% X Kadar Harga Sejam (KHS)] * Bil. Kegagalan = Bil. *Clocking* Rondaan X Kekerapan Rondaan

Formula Kadar Harga Sejam (KHS):

RM167,481.60 (Amaun Kontrak) 23,424 [4 orang Pengawal Keselamatan Bertugas X 8 Jam X 366 hari X 2 Tahun (Tempoh Kontrak)]

4.2.3. Semakan Audit mendapati **penalti tidak dikenakan atas kegagalan syarikat 480525-M membuat *clocking* dengan menggunakan sistem *watchman clock* atau *guard tour***. Berdasarkan pengiraan Audit penalti sejumlah RM17,435 patut dikenakan kepada syarikat seperti yang ditetapkan dalam kontrak seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PENGIRAAN PENALTI ATAS KEGAGALAN MEMBUAT RONDAAN DAN CLOCKING

BULAN PERKIDMATAN	PENGIRAAN [BIL. KEGAGALAN * X (20% X KHS)] * BIL. KEGAGALAN = BIL. *CLOCKING* RONDAAN X KEKERAPAN RONDAAN	JUMLAH (RM)
TAHUN 2020		
Januari	8 Kali x 2 point x 31 hari (20%xRM7.15)	709.28
Februari	8 Kali x 2 point x 29 hari (20%xRM7.15)	663.52
Mac	8 Kali x 2 point x 31 hari (20%xRM7.15)	709.28
April	8 Kali x 2 point x 30 hari (20%xRM7.15)	686.40
Mei	8 Kali x 2 point x 31 hari (20%xRM7.15)	709.28
Jun	8 Kali x 2 point x 30 hari (20%xRM7.15)	686.40
Julai	8 Kali x 2 point x 31 hari (20%xRM7.15)	709.28
Ogos	8 Kali x 2 point x 31 hari (20%xRM7.15)	709.28
September	8 Kali x 2 point x 30 hari (20%xRM7.15)	686.40
Oktober	8 Kali x 2 point x 31 hari (20%xRM7.15)	709.28
November	8 Kali x 2 point x 30 hari (20%xRM7.15)	686.40
Disember	8 Kali x 2 point x 31 hari (20%xRM7.15)	709.28
JUMLAH		**8,374.08**
TAHUN 2021		
Januari	8 Kali x 2 point x 31 hari (20%xRM7.15)	709.28
Februari	8 Kali x 2 point x 28 hari (20%xRM7.15)	640.64
Mac	8 Kali x 2 point x 31 hari (20%xRM7.15)	709.28
April	8 Kali x 2 point x 30 hari (20%xRM7.15)	686.40
Mei	8 Kali x 2 point x 31 hari (20%xRM7.15)	709.28
Jun	8 Kali x 2 point x 30 hari (20%xRM7.15)	686.40
Julai	8 Kali x 2 point x 31 hari (20%xRM7.15)	709.28
Ogos	8 Kali x 2 point x 31 hari (20%xRM7.15)	709.28
September	8 Kali x 2 point x 30 hari (20%xRM7.15)	686.40
Oktober	8 Kali x 2 point x 31 hari (20%xRM7.15)	709.28
November	8 Kali x 2 point x 30 hari (20%xRM7.15)	686.40
Disember	8 Kali x 2 point x 31 hari (20%xRM7.15)	709.28
JUMLAH		**8,351.20**
TAHUN 2022		
Januari	8 Kali x 2 point x 31 hari (20%xRM7.15)	709.28
JUMLAH		**709.28**
JUMLAH KESELURUHAN		**17,434.56**

Sumber: Dokumen Perjanjian Pejabat Agama Daerah Yan

4.2.4. Perkara ini berlaku disebabkan kegagalan syarikat menyediakan sistem *watchman clock* atau *guard tour.* Pegawai bertanggungjawab juga tidak memantau pelaksanaan terma dan syarat kontrak sepanjang perkhidmatan dilaksanakan. Kesannya berlaku pembayaran tidak teratur iaitu pembayaran penuh dibuat walaupun perkhidmatan tidak dilaksanakan dengan sempurna.

Maklum Balas Pejabat Agama Daerah Yan pada 22 Jun 2023

Pihak Pejabat Agama Daerah Yan akan membuat perjumpaan khas yang akan melibatkan Timbalan Pengarah Pengurusan Perkhidmatan dan Kewangan JHEAIK memandangkan pemilihan perkhidmatan kawalan keselamatan diurus oleh JHEAIK. Selain itu, Unit Pentadbiran dan Kewangan tidak pernah mendapat taklimat berkaitan dengan pengurusan perkhidmatan dan perjanjian kontrak selama bertugas di jabatan ini.

Pernyataan Audit	**Kegagalan mengenakan penalti kepada syarikat menyebabkan pembayaran penuh telah dibuat dan ini merupakan pembayaran yang tidak wajar.**

4.3. Penalti berjumlah RM2,496 Tidak Dikenakan Atas Kegagalan Menyediakan Kelengkapan dan Peralatan

4.3.1. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP 10.3, pembayaran tidak wajar ialah pembayaran yang dibuat dengan tidak sewajarnya sama ada dari segi bertentangan dengan peruntukan undang-undang, peraturan atau tidak mengikut syarat-syarat, kaedah atau tatacara yang ditetapkan bagi sesuatu pembayaran. Lampiran A pekeliling yang sama menyatakan perkara yang ditafsirkan sebagai pembayaran tidak wajar termasuk apa-apa bayaran yang disahkan yang mengakibatkan pembayaran lebih atau pembayaran dua kali.

4.3.2. Klausa 7.1(a) dalam Perjanjian Kawalan Keselamatan berkaitan Perkhidmatan, menghendaki syarikat memastikan semua peralatan berada dalam keadaan yang sempurna, baik dan selamat sebelum, semasa atau selepas tugas-tugas perkhidmatan tersebut dilaksanakan.

4.3.3. Berdasarkan Jadual 6 (Tolakan) dalam perjanjian kawalan keselamatan Syarikat 480525-M dan Jadual 4 (Tolakan) dalam perjanjian kawalan keselamatan Syarikat 197962-P juga menyatakan sekiranya syarikat gagal membekalkan segala kelengkapan dan alatan/kelengkapan yang disediakan oleh syarikat tidak berfungsi dan tidak disenggara dengan baik, Kerajaan berhak memotong sebanyak 1% daripada jumlah bayaran perkhidmatan sebulan.

4.3.4. Semakan Audit terhadap arahan pembayaran bagi perkhidmatan kawalan keselamatan Syarikat 480525-M bermula bulan Januari 2020 hingga Januari 2022 mendapati **penalti sejumlah RM1,745 tidak dikenakan atas kegagalan menyediakan kelengkapan atau peralatan** seperti dalam **Jadual 4**. Temu bual dengan Pegawai Pejabat Agama Daerah Yan mengesahkan Syarikat 480525-M tidak menyediakan kelengkapan atau peralatan *watchman clock* sepanjang tempoh dua tahun satu bulan perkhidmatan keselamatan di Pejabat Agama Daerah Yan. Temu bual dengan penyelia syarikat juga mengesahkan *watchman clock* atau *guard tour* tidak dibekalkan sepanjang tempoh kontrak.

JADUAL 4
PENGIRAAN PENALTI ATAS KEGAGALAN MEMBEKALKAN KELENGKAPAN ATAU PERALATAN OLEH SYARIKAT 480525-M

BIL.	TAHUN/BULAN	PENGIRAAN (1% X JUMLAH BAYARAN PERKHIDMATAN SEBULAN)	JUMLAH (RM)
1.	2020	1% x RM6,978.40 x 12 Bulan	837.41
2.	2021	1% x RM6,978.40 x 12 Bulan	837.41
3.	Januari 2022	1% x RM6,978.40 x 1 Bulan	69.78
JUMLAH			**1,744.60**

Sumber: Dokumen Perjanjian Pejabat Agama Daerah Yan

4.3.5. Semakan Audit terhadap arahan pembayaran bagi perkhidmatan kawalan keselamatan Syarikat 197962-P pula mendapati **penalti sejumlah RM752 tidak dikenakan atas kegagalan syarikat menyediakan kelengkapan atau peralatan dengan sempurna** seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENGIRAAN PENALTI ATAS KEGAGALAN MEMBEKALKAN KELENGKAPAN ATAU PERALATAN OLEH SYARIKAT 197962-P

BIL.	NO./TARIKH ARAHAN PEMBAYARAN	PERIHAL BAYARAN	PENGIRAAN PENALTI (1% x RM6,832) (RM)
1.	22EUBB0400020 10.03.2022	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Februari	68.32
2.	22EUBB0400033 10.04.2022	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Mac	68.32
3.	22EUBB0400051 22.05.2022	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan April	68.32

BIL.	NO./TARIKH ARAHAN PEMBAYARAN	PERIHAL BAYARAN	PENGIRAAN PENALTI (1% x RM6,832) (RM)
4.	22EUBB0400061 14.06.2022	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Mei	68.32
5.	22EUBB0400076 20.07.2022	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Jun	68.32
6.	22EUBB0400086 16.08.2022	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Julai	68.32
7.	22EUBB0400114 25.09.2022	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ogos	68.32
8.	22EUBB0400124 11.10.2022	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan September	68.32
9.	22EUBB0400141 08.11.2022	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Oktober	68.32
10.	22EUBB0400150 15.12.2022	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan November dan Disember	136.64
JUMLAH			**751.52**

Sumber: Arahan Pembayaran Tahun 2022

4.3.6. Lawatan Audit yang dijalankan pada 14 Mac 2023 mendapati kelengkapan dan peralatan yang dibekalkan oleh Syarikat 197962-P seperti yang ditetapkan dalam perjanjian tidak mencukupi dan tidak boleh digunakan seperti dalam **Jadual 6**. Syarikat telah mengesahkan hanya membekal sehelai *vest* sahaja kepada empat orang pegawal keselamatan disebabkan saiz *vest* yang bersesuaian dengan badan pengawal keselamatan tidak mencukupi.

JADUAL 6
SENARAI KELENGKAPAN DAN PERALATAN YANG DIBEKALKAN TIDAK MENCUKUPI/TIDAK BOLEH DIGUNAKAN

BIL.	KELENGKAPAN DAN PERALATAN	KUANTITI (UNIT/HELAI)			CATATAN
		PATUT DIBEKALKAN	DIBEKALKAN	TIDAK DIBEKALKAN	
1.	Pakaian Seragam Lengkap bagi seorang pengawal	2	1	1	Disediakan Tidak Mencukupi
2.	Lampu Suluh	3	2	1	
3.	Baju Hujan	4	1	3	
4.	*Vest*	4	1	3	
5.	*Walkie-Talkie*	3	3	-	2 Unit Tidak Boleh Digunakan
6.	*First Aid Kit*	1	-	1	Tidak Disediakan

Sumber: Dokumen Perjanjian Pejabat Agama Daerah Yan dan Lawatan Fizikal

4.3.7. Perkara ini berlaku disebabkan pegawai bertanggungjawab tidak memantau pelaksanaan terma dan syarat kontrak sepanjang perkhidmatan dilaksanakan. Kesannya berlaku pembayaran tidak wajar kerana Pejabat Agama Daerah Yan telah membuat bayaran penuh tanpa mengenakan denda atas kegagalan syarikat mematuhi terma dan syarat kontrak.

Maklum Balas Pejabat Agama Daerah Yan pada 22 dan 28 Jun 2023

Pihak Pejabat Agama Daerah Yan cuba menghubungi Syarikat 480525-M di Cawangan Jitra, Kedah namun gagal kerana pejabat telah ditutup.

Syarikat 197962-P telah memohon pengecualian/pengurangan kerana telah menyediakan peralatan yang lengkap setelah mendapat teguran daripada pihak Audit.

Pernyataan Audit	**Kelemahan dalam pemantauan terma dan syarat kontrak telah menyebabkan penalti tidak dikenakan atas kegagalan syarikat menyediakan kelengkapan dan peralatan.**

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, wujud kelemahan kawalan dalaman terhadap pembayaran kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan di Pejabat Agama Daerah Yan. Selain itu, kelemahan dalam aspek pemantauan juga menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terpelihara dan berlaku pembayaran tidak wajar yang memberi kerugian kepada Kerajaan Negeri.

6. SYOR AUDIT

Pejabat Agama Daerah Yan hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:

6.1. menyemak dan mengesahkan ketepatan bayaran serta dokumen sokongan adalah lengkap sebelum sesuatu bayaran dibuat bagi mengelak berlakunya pembayaran tidak wajar;

6.2. penalti hendaklah dikenakan bagi setiap perkhidmatan atau bekalan yang gagal disempurnakan; dan

6.3. mempertingkatkan pemantauan bagi memastikan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh syarikat mengikut terma dan syarat yang telah dipersetujui dalam dokumen kontrak.

YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH

- Kutipan Hasil Projek Usaha Sama

YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH

KUTIPAN HASIL PROJEK USAHA SAMA

PROJEK USAHA SAMA

6 Projek Usaha Sama

Konsesi Balak: RM12.84 Juta

Kedai/pejabat: RM6.86 Juta

Kuari Batu : RM33,130

APA YANG BERLAKU

RM19.73 juta
Nilai Keseluruhan Projek Usaha Sama

RM3.04 Juta
Tunggakan Hasil Projek Konsesi Balak

OBJEKTIF PENGAUDITAN

Menentukan sama ada kutipan hasil daripada projek usaha sama dilaksanakan dengan teratur mengikut undang-undang, syarat perjanjian dan mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

RUMUSAN

"Kelemahan kawalan dalaman terhadap kutipan hasil dan pemantauan pulangan projek usaha sama mendedahkan YINK kepada potensi kehilangan hasil."

2 SYOR AUDIT

YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH

2. KUTIPAN HASIL PROJEK USAHA SAMA

FAKTA UTAMA

6 Projek Usaha Sama	**RM19.73 juta** Nilai Keseluruhan Projek Usaha Sama	**RM3.04 juta** Tunggakan Hasil Projek Konsesi Balak

Hasil Terimaan Projek Usaha Sama	Kuari batu berjumlah RM33,130
	Pembangunan kedai/pejabat berjumlah RM6.86 juta
	Konsesi balak berjumlah RM12.84 juta

1. LATAR BELAKANG

1.1. Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) diwartakan mengikut Enakmen Yayasan Islam Negeri Kedah Bilangan 10 Tahun 1976. Kegiatan utama YINK adalah pelaburan dalam hartanah dan lain-lain aktiviti pelaburan di samping memberi pinjaman pelajaran kepada penuntut-penuntut di universiti tempatan dan timur tengah.

1.2. Bahagian Operasi (Pembangunan) YINK bertanggungjawab untuk memastikan projek usaha sama dilaksanakan dengan sempurna bagi menghasilkan pulangan yang boleh meningkatkan dana kepada YINK dan memantau kutipan hasil adalah teratur selaras dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pada tahun 2022 YINK memperoleh hasil yang besar daripada projek usaha sama dengan syarikat-syarikat luar. Terdapat enam projek usaha sama yang dilaksanakan pada tahun 2022 dengan nilai keseluruhan projek berjumlah RM19.73 juta. Antara projek usaha sama yang dilaksanakan oleh YINK ialah konsesi balak, kuari batu dan pembangunan kedai/pejabat. Senarai projek usaha sama di YINK dan hasil yang diperoleh pada tahun 2022 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SENARAI PROJEK USAHA SAMA DAN HASIL YANG DIPEROLEH PADA TAHUN 2022

BIL.	PROJEK USAHA SAMA	SYARIKAT TERPILIH	KAWASAN	HASIL YANG DIPEROLEH (RM)
1.	Kuari Batu	782173-T	Kompartmen 7, Hutan Simpan Koh Moi, Padang Terap, Kedah	33,130
2.	Membangunkan Kedai/ Pejabat di Atas 38 Keping Tanah Hak Milik Individu dan 1 Lot Tanah Berkeluasan 4 Ekar	0776193-H	Pekan Simpang Kuala, Alor Setar	6,860,000
3.	Konsesi Balak Seluas 1,000 Hektar Bagi Kuota Tahun 2019	002505608-V (940 hektar)	Kompartmen 42, Hutan Simpan Bukit Perangin (200 hektar)	1,600,000
			Kompartmen 48, Hutan Simpan Bukit Perangin (250 hektar)	
			Kompartmen 50, Hutan Simpan Bukit Perangin (100 hektar)	
			Kompartmen 83, Hutan Simpan Rimba Teloi (300 hektar)	
			Kompartmen 5, Hutan Simpan Bukit Koh Moi (90 hektar)	
4.	Konsesi Balak Seluas 1,000 Hektar Bagi Kuota Tahun 2020	1247011-A (300 hektar)	Sebahagian Kompartmen 83, Hutan Simpan Rimba Teloi	260,000
		1380112-P (100 hektar)	Kompartment 32, Hutan Simpan Bukit Perangin	600,000
		868574-V (110 hektar)	Kompartmen 169, Hutan Simpan Ulu Muda (110 hektar)	880,000
		AS0281669-A (90 hektar)	Sebahagian Kompartment 15, Hutan Simpan Bukit Perangin	540,000
5.	Konsesi Balak Seluas 1,000 Hektar Bagi Kuota Tahun 2021	AS0345525-W (300 hektar)	Sebahagian Kompartmen 12, Hutan Simpan Kekal Bukit Enggang (300 hektar)	1,800,000
		239796-K (500 hektar)	Kompartmen 64, Hutan Simpan Rimba Teloi	1,400,000
		1197118-T (200 hektar)	Kompartmen 166, Hutan Simpan Ulu Muda (200 hektar)	1,600,000
6.	Konsesi Balak Seluas 1,000 Hektar Bagi Kuota Tahun 2022	1197118-T (700 hektar)	Kompartmen 52 & 53, Hutan Simpan Ulu Muda	4,160,000
JUMLAH				**19,733,130**

Sumber: Senarai Projek Usaha Sama di Bahagian Operasi YINK

1.3. Pada tahun 2021 dan 2022, YINK telah mendapat kelulusan kawasan pembalakan seluas 1,000 hektar berdasarkan Keputusan Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Hasil Bumi (JKTHB) Negeri Kedah Bil. 2/2021 dan Bil. 1/2022 pada 31 Oktober 2021 dan 10 Mei 2022. Syarikat pembalak mengemukakan permohonan ataupun Surat Minat untuk menjalinkan projek usaha sama dengan YINK. Pemilihan syarikat pembalak pada tahun 2021 dan 2022 dibuat melalui kaedah Mesyuarat Perolehan dan berdasarkan keputusan Ketua Pegawai Eksekutif. YINK telah mengeluarkan surat tawaran dan Surat Setuju Terima (SST) kepada syarikat pembalak yang dipilih dan syarikat hendaklah membuat bayaran deposit sebanyak 10% serta baki bayaran

diselesaikan dalam tempoh masa seperti yang dinyatakan di dalam SST. Syarikat pembalak juga dikehendaki membuat bayaran premium hutan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) mengikut kadar yang ditetapkan iaitu RM5,000/hektar bagi Hutan Dara dan RM3,000/hektar bagi Hutan Terpulih.

1.4. Pada tahun 2022, sebahagian kuota tahun 2021 telah diusahakan oleh Syarikat 239796-K bagi kawasan Hutan Terpulih di Kompartmen 64, Hutan Simpan Rimba Teloi seluas 500 hektar yang bernilai RM4.5 juta. Syarikat 239796-K telah menghantar Surat Minat pada 13 Jun 2022 untuk menjalinkan usaha sama bersama dan YINK telah mengeluarkan surat tawaran pada 3 Julai 2022, seterusnya menandatangani SST pada 6 Julai 2022. Nilai usaha sama berjumlah RM1.5 juta akan dibayar kepada JPNK sebagai bayaran premium hutan manakala RM3 juta akan dikreditkan sebagai hasil YINK. Syarikat 239796-K telah membuat bayaran deposit sejumlah RM300,000 pada 5 Julai 2022 dalam masa tujuh hari seperti yang dinyatakan dalam SST manakala bayaran terakhir yang dibuat adalah pada 16 Mei 2023 berjumlah RM200,000.

1.5. Sebahagian kuota tahun 2022 telah diusahakan oleh Syarikat 1197118-T bagi kawasan Hutan Dara di Kompartmen 52 dan 53, Hutan Simpan Ulu Muda seluas 200 hektar yang bernilai RM2.6 juta. Surat Minat untuk menjalin kerjasama dengan YINK telah dihantar pada 12 Jun 2022. Pihak YINK bersetuju dan mengeluarkan surat tawaran pada 19 Oktober 2022, seterusnya SST ditandatangani pada 7 November 2022. Nilai premium hutan sejumlah RM1 juta akan dibayar kepada JPNK manakala RM1.6 juta dikreditkan ke dalam akaun hasil YINK. Bayaran deposit telah dibuat pada 9 November 2022 berjumlah RM160,000 dan bayaran terakhir yang diterima oleh YINK adalah RM480,000 pada 16 Mei 2023.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menentukan sama ada kutipan hasil daripada projek usaha sama YINK dilaksanakan dengan teratur mengikut undang-undang, syarat perjanjian dan mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini dijalankan di Bahagian Operasi (Pembangunan), YINK terhadap hasil projek usaha sama yang dijalankan oleh YINK. Sampel yang dipilih adalah sebanyak 100% transaksi sehingga 31 Disember 2022 berjumlah RM19.73 juta.

3.2. Pengauditan dijalankan dengan menyemak laporan, minit mesyuarat, fail dan rekod berkaitan, menganalisis maklumat yang diperoleh, membuat lawatan fizikal dan menemu bual pegawai yang terlibat.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Februari hingga Mac 2023. Maklum balas daripada YINK telah diterima pada 8 Jun 2023. Perkara yang ditemui dan maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 4 Julai 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Tunggakan Hasil Projek Konsesi Balak Berjumlah RM3.04 Juta

4.1.1. Surat tawaran mengusahakan kerja-kerja membalak yang dikeluarkan oleh YINK kepada syarikat pembalak telah menetapkan tempoh pembayaran berbeza-beza mengikut kuota pembalakan tahun tersebut. Kuota pembalakan tahun 2019 perlu membuat bayaran penuh tanpa deposit dalam tempoh 14 hari bekerja manakala kuota pembalakan tahun 2020 hingga 2022 menetapkan bayaran deposit dalam tempoh tujuh hari dan baki perlu dijelaskan secara bayaran penuh seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
TEMPOH PENYELESAIAN BAKI BAYARAN MENGIKUT SURAT TAWARAN

BIL.	TAHUN KUOTA PEMBALAKAN	TEMPOH PENYELESAIAN BAKI BAYARAN MENGIKUT SURAT TAWARAN (HARI)
1.	2020	14
2.	2021 - 2022	30

Sumber: Surat Tawaran Projek Konsesi Balak

4.1.2. Pulangan projek usaha sama konsesi balak yang telah diterima oleh YINK pada tahun 2022 berjumlah RM12.84 juta. Berdasarkan surat tawaran, jumlah yang sepatutnya diterima adalah sebanyak RM15.88 juta. **Tunggakan hasil projek usaha sama konsesi balak sehingga 31 Disember 2022 adalah berjumlah RM3.04 juta** seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
TUNGGAKAN HASIL PROJEK USAHA SAMA KONSESI BALAK BAGI TAHUN 2022

BIL.	SYARIKAT	PATUT TERIMA (RM Juta)	SEBENAR DITERIMA (RM Juta)	TUNGGAKAN (RM Juta)
1.	Syarikat 002505608-V	1.60	1.60	-
2.	Syarikat 1247011-A	0.26	0.26	-
3.	Syarikat 1380112-P	0.60	0.60	-
4.	Syarikat 868574-V	0.88	0.88	-
5.	Syarikat AS0281669-A	0.54	0.54	-
6.	Syarikat AS0345525-W	1.80	1.80	-
7.	Syarikat 1197118-T	1.60	1.60	-
8.	Syarikat 239796-K	3.00	1.40	1.60
9.	Syarikat 1197118 T	5.60	4.16	1.44
JUMLAH		**15.88**	**12.84**	**3.04**

Sumber: Fail Perolehan Balak dan Lejar Tahun 2022

4.1.3. Semakan Audit mendapati tunggakan RM3.04 juta masih belum diterima pada tahun 2022 kerana syarikat pembalak tidak mematuhi tempoh pembayaran yang telah ditetapkan dalam surat tawaran. **Tempoh kelewatan tunggakan bayaran projek usaha sama konsesi balak bagi tahun 2022 adalah antara 26 hingga 238 hari** seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
TEMPOH KELEWATAN TUNGGAKAN BAYARAN PROJEK USAHA SAMA KONSESI BALAK BAGI TAHUN 2022

BIL.	SYARIKAT	PATUT TERIMA (RM)	SEBENAR DITERIMA (RM)	BELUM TERIMA (RM)	TARIKH		BAYARAN BAKI DIBUAT		TEMPOH KELEWATAN (HARI)*
					SURAT TAWARAN	SEPATUT BAYAR	TARIKH	JUMLAH (RM)	
KONSESI BALAK									
1.	Syarikat 239796-K	3,000,000	1,400,000	1,600,000	03.07.2022	16.08.2022	01.03.2023	300,000.00	135
							02.04.2023	300,000.00	156
							16.05.2023	200,000.00	184
							16.05.2023	200,000.00	
							TM	600,000.00	238
		JUMLAH TUNGGAKAN BAYARAN BAGI TAHUN 2022						**1,600,000.00**	
2.	Syarikat 1197118 T	5,600,000	4,160,000	1,440,000	26.10.2022	07.12.2022	15.01.2023	160,000.00	26
							01.02.2023	160,000.00	37
							01.03.2023	320,000.00	56
							02.04.2023	320,000.00	77
							16.05.2023	480,000.00	105
		JUMLAH TUNGGAKAN BAYARAN BAGI TAHUN 2022						**1,440,000.00**	
JUMLAH		**8,600,000**	**5,560,000**	**3,040,000**				**3,040,000.00**	
JUMLAH KESELURUHAN			**8,600,000**						

Sumber: Fail Perolehan Balak dan Lejar Tahun 2022
Nota: (*) - Kiraan tempoh kelewatan sehingga 10 Julai 2023
TM - Tiada Maklumat

4.1.4. Semakan Audit selanjutnya mendapati **tiada perjanjian dibuat antara YINK dan syarikat pembalak**. Selain itu pemantauan terhadap bayaran projek usaha sama ini tidak dilaksanakan dengan cekap. Kesannya operasi kegiatan utama YINK terjejas dari segi kewangan.

Maklum Balas YINK pada 6 Jun 2023

Pihak YINK mengambil maklum atas teguran yang disampaikan dan akan menambah baik dalam pelaksanaan terimaan wang baki bayaran kerja membalak akan datang.

Pihak YINK mengambil maklum atas teguran yang disampaikan dan akan menambah baik bagi maksud pulangan projek usaha sama. Merujuk kepada RM3.04 juta di mana Syarikat 239796-K dan Syarikat 1197118-T telah mengemukakan bayaran berbentuk *Post-Dated Cheque* sebagai bayaran kepada kuota yang dimaksudkan.

Maklum Balas Semasa Mesyuarat Penutup pada 4 Julai 2023

Pihak YINK memaklumkan bahawa bayaran berbentuk *Post-Dated Cheque* yang diterima daripada Syarikat 239796-K dan Syarikat 1197118-T telah dijelaskan bayaran masing-masing berjumlah RM1 juta dan RM1.44 juta. Hanya baki berjumlah RM0.60 juta sahaja lagi masih belum dijelaskan kerana tarikh cek yang diterima ialah pada 15 Jun, 15 Julai dan 15 Ogos 2023.

Pernyataan Audit	**Pengurusan kontrak yang lemah menyebabkan tiada pemantauan dibuat terhadap bayaran projek usaha sama selaras dengan surat tawaran.**

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, wujud kelemahan kawalan dalaman terhadap kutipan hasil daripada projek usaha sama yang dilaksanakan oleh YINK. Selain itu, kelemahan dalam pemantauan pulangan projek usaha sama juga menyebabkan YINK berpotensi kehilangan hasil sekiranya tunggakan tersebut tidak dapat dikutip.

6. SYOR AUDIT

YINK hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:

6.1. kontrak perlu ditandatangani antara YINK dan pihak syarikat pembalak dalam tempoh yang ditetapkan bagi menjamin kepentingan kedua pihak; dan

6.2. meningkatkan pemantauan terhadap hasil yang sepatutnya dikutip mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Surat Tawaran.

BAHAGIAN V

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Kedah

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI KEDAH

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI, AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Fasal (2) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai akaun dan aktiviti Kerajaan Negeri hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri (DUN) selepas pembentangannya di Dewan Rakyat. Pada tahun 2022, satu LKAN telah dibentangkan di DUN, manakala bagi tahun 2023, iaitu sehingga 31 Ogos 2023, satu LKAN telah dibentangkan di DUN seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	TARIKH PEMBENTANGAN
TAHUN 2022	
LKAN 2021 Siri 1 Aktiviti Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah	30 Oktober 2022
TAHUN 2023	
LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Tahun 2021	13 Mac 2023

Sumber: Jabatan Audit Negara

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) berperanan memastikan wujudnya akauntabiliti awam di jabatan dan agensi negeri. Selaras dengan peranan ini, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak tiga kali pada tahun 2022 dan 11 kali pada tahun 2023 bagi membincangkan LKAN yang terkini, mengkaji isu LKAN dan memastikan syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh ketua jabatan dan agensi negeri. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DI MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	JABATAN/AGENSI	PERKARA DIBINCANGKAN
TAHUN 2022			
1/2022	25 Januari 2022	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.	LKAN 2018 Siri 1
2/2022	26 April 2022	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.	LKAN 2018 Siri 1
3/2022	12 Disember 2022	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah	Pengurusan Program Peningkatan Populasi Pembiak Bagi Ternakan Ruminan (LKAN 2018, Siri 2)
TAHUN 2023			
1/2023	9 Januari 2023	Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi	Pengurusan Bahan Batuan (LKAN 2018 Siri 2).
2/2023	9 Januari 2023	Majlis Perbandaran Kulim	Pengurusan Papan Iklan (LKAN 2018 Siri 3).
3/2023	6 Februari 2023	Kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan (Kedah) Sdn. Bhd.	Pengurusan Aktiviti Kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan (Kedah) Sdn. Bhd. (LKAN 2018 Siri 3).
4/2023	6 Februari 2023	Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri (LKAN 2019 Siri 2).
5/2023	20 Februari 2023	UNISHAM Sdn. Bhd.	Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah Sdn. Bhd. (LKAN 2019 Siri 1).
6/2023	27 Mac 2023	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah Perbadanan Stadium Negeri Kedah Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah Majlis Sukan Negeri Kedah	Pengurusan Kemudahan Sukan (LKAN 2019 Siri 2).
7/2023	27 Mac 2023	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	Pengurusan Program Peningkatan Usahawan Negeri Kedah (LKAN 2020 Siri 1).
8/2023	17 April 2023	Majlis Perbandaran Kubang Pasu	Pengurusan Tempat Letak Kereta (LKAN 2019 Siri 1).
9/2023	17 April 2023	Darulaman Aset Sdn. Bhd.	Pengurusan Aktiviti Darulaman Aset Sdn. Bhd. (LKAN 2019 Siri 2).
10/2023	8 Mei 2023	Pejabat Tanah Kubang Pasu	Pengurusan Hasil Tanah dan Tunggakan (LKAN 2020 Siri 2).
11/2023	12 Jun 2023	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	Pengurusan Hartanah Industri (LKAN 2021 Siri 1).

Sumber: Jabatan Audit Negara

PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun 2022 telah dapat diserahkan ke Jabatan Audit Negara untuk diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 berada di tahap stabil. Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM475.66 juta masih boleh menampung perbelanjaan bagi program/aktiviti/projek Kerajaan Negeri. Prestasi dan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri masih boleh dimantapkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

a. Kerajaan Negeri hendaklah mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan mengurangkan tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.

b. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.

c. Setiap jabatan/agensi negeri perlu memastikan tahap pematuhan yang tinggi terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

d. Pegawai pengawal/ketua jabatan/ketua agensi hendaklah mempertingkatkan pemantauan dalam urusan kewangan, mewujudkan sistem semak dan imbang serta menjalankan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai. Selain itu, latihan yang bersesuaian perlu diberi secara berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam urusan kewangan.

e. Jabatan/agensi perlu mempertingkatkan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya dan menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan. UAD juga perlu membuat penilaian secara objektif dan bebas, bukan sekadar berkaitan dengan aspek kawalan dalaman, malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi. UAD perlu melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang dapat memberi impak kepada organisasi.

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
12 September 2023

LAMPIRAN

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI KEDAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Kerajaan Negeri Kedah, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 2 hingga 15.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*], Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash basis of Accounting).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Kedah dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Penegasan Perkara

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap Nota 7 Akaun Amanah Disatukan.

Pada 31 Disember 2022, Kumpulan Wang Pembangunan menunjukkan baki defisit terkumpul berjumlah RM1.084 bilion berbanding baki defisit tahun 2021 berjumlah RM1.018 bilion, iaitu peningkatan defisit tahun semasa berjumlah RM66.83 juta atau 6.5%. Baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan telah dibiayai sebahagiannya daripada Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Kedah.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*], Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting). Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Kedah untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Kedah;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Kedah sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah.

Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit; dan

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Pegawai Kewangan Negeri telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini disediakan selaras dengan Fasal (1) Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
27 OGOS 2023

PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI KEDAH

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

(a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan

(b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua jabatan Kerajaan Negeri Kedah

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2022.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah tahun 2022.

DATO' HAJI ISAHAK BIN MURAT
DSSS., SDK., AMK., BCK.
Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman.
04/04/2023

ABDUL MAJID BIN SALLEH, C.A.(M)., CPA(M).
Bendahari Negeri Kedah Darul Aman.
04/04/2023

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

	Nota	2022	2021
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	257,484,424.69	266,689,411.06
PELABURAN	4	218,176,250.00	230,892,396.77
		475,660,674.69	**497,581,807.83**
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	(501,387,643.41)	(490,015,939.07)
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	977,048,318.10	987,597,746.90
		475,660,674.69	**497,581,807.83**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

	Nota	2022		2021	
		RM	RM	RM	RM
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		259,817,136.85		289,211,517.03	
Hasil Bukan Cukai		170,808,860.82		247,400,824.63	
Terimaan Bukan Hasil		165,543,687.68	596,169,685.35	151,428,317.25	688,040,658.91
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		12,398,305.41		543,200.00	
Luar Negeri		0.00	12,398,305.41	0.00	543,200.00
Terimaan Modal					
Terimaan Balik Pinjaman		0.00		0.00	
Jualan Aset Modal		0.00		0.00	
Jualan Instrumen Kewangan		64,721,259.37		35,000,000.00	
Pelbagai Terimaan Modal		0.00	64,721,259.37	0.00	35,000,000.00
Terimaan Lain	7				
Terimaan Amanah		2,746,195,268.73	2,746,195,268.73	885,029,684.68	885,029,684.68
Jumlah Terimaan			**3,419,484,518.86**		**1,608,613,543.59**
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		236,456,743.51		229,435,685.75	
Perkhidmatan dan Bekalan		152,846,281.12		126,304,759.46	
Aset		9,231,934.68		10,006,311.43	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		202,008,274.73		262,690,212.79	
Perbelanjaan Lain		6,998,155.65	607,541,389.69	6,917,485.74	635,354,455.17
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		161,138,635.47		138,889,114.78	
Pinjaman		12,402,636.50	173,541,271.97	1,065,406.91	139,954,521.69
Perbelanjaan Modal					
Pembelian Instrumen Kewangan		52,005,112.60	52,005,112.60	75,000,000.00	75,000,000.00
Pinjaman					
Dalam Negeri		12,398,305.41		543,200.00	
Luar Negeri		0.00	12,398,305.41	0.00	543,200.00
Bayaran Lain					
Akaun Amanah	7	2,583,203,425.56	2,583,203,425.56	657,263,231.34	657,263,231.34
Jumlah Bayaran			**3,428,689,505.23**		**1,508,115,408.20**
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			(9,204,986.37)		100,498,135.39
Wang Tunai Pada 1 Januari			266,689,411.06		166,191,275.67
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			**257,484,424.69**		**266,689,411.06**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

	Nota	2022		2021
		Anggaran RM	Sebenar RM	Sebenar RM
HASIL	5	725,000,000.00	596,169,685.35	688,040,658.91
Tolak : Belanja Mengurus	5	815,222,220.00	607,541,389.69	635,354,455.17
LEBIHAN / KURANGAN HASIL		**(90,222,220.00)**	**(11,371,704.34)**	**52,686,203.74**
Tolak : Belanja Pembangunan	7	549,555,560.00	173,541,271.97	139,954,521.69
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		**(639,777,780.00)**	**(184,912,976.31)**	**(87,268,317.95)**
KURANGAN DIBIAYAI OLEH:				
Pinjaman Dalam Negeri	6		12,398,305.41	543,200.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaa	7		78,172,697.67	66,973,473.28
